

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KEMERDEKAAN, keamanan dan kemakmuran adalah idaman semua orang, semua bangsa di dunia. Tetapi untuk mendapatnya tidaklah semudah yang dikata."
- Titah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان
MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf, ayat 56.

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.07 SUBUH 5.17 SYURUK 6.36 DUHA 6.59 ZUHUR 12.35 ASAR 3.56 MAGHRIB 6.32 ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 16

6 FEBRUARI 2021 / 1442 جمادى الآخير 23

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Pelan pemulihan sektor pelancongan ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Ke-24, Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN + 3 (China, Jepun dan Republik Korea) Ke-20; dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN dan India Ke-8 melalui persidangan video pada 2 hingga 5 Februari 2021.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Pelancongan, Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Thong Khon dan Menteri Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Indonesia, Tuan Yang Terutama Sandiaga Salahuddin Uno yang bertugas selaku Naib Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Ke-24 yang membawakan tema 'Unity for Sustainable and Responsible Tourism Recovery'.

Mesyuarat ini dimulakan dengan Mesyuarat Pertubuhan Pelancongan Kebangsaan ASEAN (NTO) Ke-53 dan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap pada mesyuarat tersebut yang diadakan secara persidangan video.

Mesyuarat Pegawai Kanan lain dengan Rakan Dialog dari 2 hingga 3 Februari 2021.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab dan Pegawai-pegawai Kanan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP.

Ke muka 3

COVID-19 : 1 kes baharu disahkan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 181 orang.

Kes 181 itu ialah seorang lelaki berumur 36 tahun yang tiba ke negara ini dari Eropah melalui Kuala Lumpur pada 22 Januari 2021 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI874.

Pengesanan kontak (contact tracing) bagi kes ini telah mendapati tidak ada sesiapa yang dikategorikan sebagai kontak

terdekat memandangkan beliau telah dikuarantin sebaik sahaja tiba ke negara ini dan keseluruhan pengendalian perjalanan semasa ketibaan dan pengasingan diri beliau telah mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang sedia ada.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 275 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Ke muka 4



BRUNEI DARUSSALAM
2021

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Brunei Darussalam
infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



MEMBINA masyarakat berdaya tahan Muka 4



MEMPERKASA imaginasi dengan Xbox Series X dan Series S Muka 27

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 5 FEBRUARI 2021, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN 181

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 173

Ministry of Health, Brunei Darussalam
mohbrunei www.moh.gov.bn

Bersama kibarkan bendera sempena Hari Kebangsaan

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-37, Tahun 2021 dan bagi memeriahkan lagi sambutan berkenaan, sukacita rakyat dan penduduk di negara ini diminta agar sama-sama mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai Selasa, 4 Rejab 1442 Hijrah bersamaan 16 Februari 2021 Masihi sehingga Khamis, 13 Rejab 1442H bersamaan 25 Februari 2021M.

Sehubungan ini, Pengiran-pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula akan mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Para pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran Abad Ke-21

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua kita semua dapat sama-sama hadir ke Sesi Muzakarah antara Kementerian Pendidikan dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam suasana kita masih menghadapi pandemik COVID-19.

Terlebih dahulu, peramba / kaola / saya ingin menjunjung kasih / mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas keberangkatan / kesudian hadir di pagi yang mulia ini. Diharapkan di sesi ini Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat mengetahui perkembangan terkini mengenai pendidikan di samping sama-sama dapat berkongsi nasihat mahupun buah fikiran.

Pandemik COVID-19 telah membawa cabaran yang amat besar lagi tidak diduga kepada semua sektor termasuk pendidikan. Ia telah mengubah cara kehidupan, bekerja dan belajar serta memperlihatkan betapa pentingnya hubungan antara manusia, teknologi dan alam sekitar.

Kementerian Pendidikan telah berusaha sedaya upaya menangani impak pandemik COVID-19 ini dengan merangka dan melaksanakan Business Continuity Plan (BCP) bagi sekolah-sekolah dan Kementerian Pendidikan. Pembekalan peralatan kebersihan bagi mencegah pandemik COVID-19 seperti *hand sanitizer*, *hand wash* dan *surgical face mask* ke seluruh sekolah-sekolah kerajaan telah dibuat seawal bulan Februari 2020 sebelum negara disahkan mendapat kes pertama COVID-19.

Dalam pada itu, bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan semasa penutupan sekolah, sistem pembelajaran dan pengajaran di rumah (Home Based Learning, HBL) secara dalam talian (*online*) melalui pelbagai landasan telah dilaksanakan, di samping penyediaan Home Learning Pack (HLP), penyiaran program-program pendidikan melalui televisyen dengan kerjasama pihak Radio Televisyen Brunei (RTB).

Dalam menangani keperluan teknologi para pelajar, beberapa inisiatif telah diambil. Kementerian Pendidikan telah bekerjasama rapat dengan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) serta syarikat-syarikat telekomunikasi swasta dalam menyediakan peranti (*devices*) dan akses



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa berucap pada Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada Sabtu, 9 Jamadilakhir 1442 Hijrah / 23 Januari 2021 Masihi di Dewan Persidangan 1, Kementerian Pendidikan.

kepada internet yang berpatutan terutama bagi pelajar yang kurang berkemampuan. Sebagai contoh, melalui inisiatif ICT Donation Drive, sejumlah 1,696 unit komputer telah disumbangkan bagi mendukung para pelajar yang memerlukan. Oleh itu, kerjasama dan sokongan padu pelbagai pihak berkepentingan, selaras jua dengan salah satu objektif strategik Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022, adalah amat dihargai dan telah terbukti berkesan bukan hanya dalam menyediakan peranti tetapi juga menjalin kerjasama strategik dengan Kementerian Pendidikan dalam membantu sekolah-sekolah untuk lebih cemerlang khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Pandemik COVID-19 telah mendedahkan akan perlunya melengkapkan sekolah dengan infrastruktur dan teknologi, dan menyediakan para guru dan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dengan suasana digital. Secara tidak langsung juga, pandemik ini telah membuatkan sistem pendidikan di seluruh dunia untuk berfikir kembali dan mempercepatkan perancangan yang sudah ada berkaitan transformasi digital untuk menyahut norma baharu dalam penyampaian pendidikan ini.

Kementerian Pendidikan perlu membuat langkah strategik bagaimana krisis ini boleh diubah menjadi peluang dalam membangunkan sistem pendidikan

yang mampu melahirkan modal insan yang berdaya tahan (*resilient*), kreatif dan *future ready*. Ini adalah juga selaras dengan keperluan menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0 yang mempunyai definisi pekerjaan yang fleksibel, sukar diramal dan mengutamakan amalan pembelajaran sepanjang hayat.

Berdasarkan kepada ketidaktentuan ini, para pelajar perlulah dilengkapi dengan kemahiran Abad Ke-21. Para guru juga adalah amat mustahak untuk dilatih dengan kemahiran pedagogi digital dan Abad Ke-21 agar mereka dapat menyampaikan pengajaran kemahiran ini dengan berkesan.

Dalam hubungan ini, alhamdulillah, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Educational Technology Centre (EdTech) pada tahun 2019 untuk mendukung penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam usaha melahirkan pelajar yang celik digital. Pusat ini berperanan mengembangkan pendekatan pembelajaran digital, SMART Classroom dan kandungan digital serta mengintegrasikan Learning Management System (LMS) untuk pembelajaran para pelajar serta latihan dan perkembangan profesional para guru.

Dalam masa yang sama, Kementerian Pendidikan juga sedang merangka Piawaian Literasi Digital (Digital Literacy Standard) bagi menyediakan kurikulum yang terkini dan relevan dengan kecakapan dan kemahiran yang diperlukan oleh pelajar Abad Ke-21. Ianya akan memfokuskan kepada Early Digital Citizenship bagi para pelajar pra-sekolah hingga Tahun 2, Digital Citizenship bagi para pelajar Tahun 3 ke atas, Digital Creativity bagi para pelajar Tahun 5 ke atas dan Digital Competitiveness bagi pelajar Tahun 7 ke atas.

Adalah juga dikongsikan bahawa sebuah Pusat Keusahawanan dan Inovasi (EIC) juga telah ditubuhkan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan dan inovasi para pelajar. Ini bukan sahaja penting dalam pembangunan mereka sebagai warga digital tetapi juga memberi mereka pengetahuan asas mengenai keusahawanan. Dalam jangka masa panjang, pengetahuan dan kemahiran ini akan terbukti sangat bernilai yang diharapkan akan dapat menyumbang kepada kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri kepada amalan keusahawanan yang inovatif sebagai punca pendapatan mereka nanti.

Ke muka 16

Dari Sidang
Pengarang.

6 FEBRUARI 2021 BERSAMAAN 1442 جمادى الآخر 23

KE ARAH BELIA BERWAWASAN YANG PRODUKTIF

BARU-baru ini satu geran keusahawanan yang dikenali sebagai 'Belia Membangun' telah diperkenalkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan belia dalam keusahawanan.

Geran ini dikhaskan kepada para usahawan yang berdaftar dan bernaung di bawah payung Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) yang berjaya mengukuhkan projek-projek perekonomian yang berpotensi dan berdaya tahan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Usaha yang dibuat ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mengangkat belia-belie di negara ini agar lebih mandiri, percaya kemampuan diri serta berkebolehan dalam menjana ekonomi. Di samping itu, geran keusahawanan berkenaan sebagai penyuntik semangat dan motivasi terutama kepada keusahawanan belia-belie untuk lebih berdaya kreatif dan inovasi untuk membuat perusahaan sendiri dan seterusnya menjana ekonomi negara.

Para usahawan yang bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti MPMK berpeluang untuk memohon kewangan tertakluk kepada jenis permohonan dan jumlah maksimum geran keusahawanan tidak melebihi BND2,000 bagi setiap permohonan. Peluang ini perlu digunakan dengan bijak bagi para belia lebih-lebih lagi mereka yang masih mencari hala tuju untuk bergiat aktif dalam bidang keusahawanan. Ini juga dapat meningkatkan projek-projek perekonomian yang berpotensi dan sekali gus dapat mewakili kampung masing-masing dengan hasil produk masing-masing untuk Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Golongan belia yang merupakan aset penting negara adalah pemacu utama dalam menentukan hala tuju negara dan mereka merupakan elemen penting dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Justeru geran keusahawanan ini adalah sebagai pembuka jalan bagi belia-belie untuk berkecimpung dalam dunia keusahawanan.

Sebagai penerus serta pemimpin yang akan menerajui hala tuju pembangunan dan kelangsungan negara pada masa hadapan, para belia ini perlu diberikan didikan, bimbingan dan dorongan supaya mereka bergiat aktif dan cemerlang dalam keusahawanan, industri kreatif dan mampan untuk sama-sama membangun negara.

Golongan belia di negara ini harus bangkit menanamkan keyakinan kepada masyarakat bahawa mereka mampu berkhidmat dan menyumbang bakti kepada negara, bangsa mahupun di peringkat antarabangsa. Belia berwawasan seperti inilah yang kita harapkan untuk menjamin kestabilan negara.

Kerajaan menerusi agensi-agensinya telah menyediakan lebih banyak strategi untuk membolehkan belia mengimbangi tuntutan globalisasi dan perubahan teknologi drastik dengan penguasaan ilmu yang tinggi. Belia harus berupaya untuk menterjemah keperluan teknologi hari ini dengan tuntutan sosial supaya apa yang mereka sumbangkan nanti dapat memenuhi wawasan negara untuk generasi hari ini dan akan datang.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
PEKAN BANGAR		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
PEKAN TUTONG		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
KUALA BELAIT		
31 25 °C	31 26 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	SABTU	23	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	AHAD	24	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	ISNIN	25	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
9	SELASA	26	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
10	RABU	27	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
11	KHAMIS	28	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
12	JUMAAT	29	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC
123 | 2380214

Pelan pemulihan sektor pelancongan ASEAN



Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian
Sumber-Sumber Utama dan
Pelancongan

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mewakili Negara Brunei Darussalam bersama Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Ke-24, Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN + 3 (China, Jepun dan Republik Korea) Ke-20; dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN dan India Ke-8 melalui persidangan video pada 2 hingga 5 Februari 2021 (atas dan bawah).

Dari muka 1

Semasa mesyuarat tersebut, para menteri berkongsi keprihatinan

yang mendalam mereka terhadap kesan wabak penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) yang melanda pada tahun ini sehingga sektor

pelancongan menerima kesan yang teruk berikutan pandemik berkenaan.

Sektor pelancongan mengalami kerugian sekitar 36 peratus dalam penerimaan pelancongan, kedatangan antarabangsa menurun sebanyak 72 peratus, kadar penginapan bilik-bilik hotel adalah yang terendah malah industri pelancongan dan perjalanannya juga mengalami pembatalan besar pada tahun 2020.

Para menteri mengadaptasikan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2016 - 2025 yang diperbaharui dengan rancangan dan tindakan *mitigation plans* menggunakan teknologi digital agar lebih tahan, mampan dan inklusif, dengan mengambil kira pengajaran yang diperoleh

daripada wabak tersebut dan juga perkembangan terkini dalam industri.

Semasa mesyuarat tersebut, para menteri menyambut baik kajian mengenai kesan COVID-19 dan saranan untuk dasar serta amalan terbaik untuk Pelan Pemulihan Pasca-COVID-19 untuk pelancongan ASEAN pada bulan Disember 2020, yang disokong oleh Kerajaan Kanada melalui 'The Canadian Trade and Investment Facility for Development' (CTIF) dan menyokong pengembangan Pelan Pemulihan Pasca-COVID-19 berdasarkan kajian sebagai salah satu pencapaian ekonomi yang menjadi keutamaan semasa NBD menjadi selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021.

PARA menteri mengadaptasikan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2016 - 2025 yang diperbaharui dengan rancangan dan tindakan 'mitigation plans' menggunakan teknologi digital agar lebih tahan, mampan dan inklusif, dengan mengambil kira pengajaran yang diperoleh daripada wabak tersebut dan juga perkembangan terkini dalam industri.



Para menteri juga turut mengambil maklum akan kemajuan pembangunan The ASEAN Common Guidelines on Hygiene and Safety for Workers and Communities in The Tourism Industry sebagai alat untuk meningkatkan lagi keyakinan dan kepercayaan yang merupakan asas bagi memulakan semula pelancongan di rantau ini, aktiviti dan program untuk mengekalkan modal insan dengan menggunakan semula tenaga pekerja dan meningkatkan pekerja yang bekerja di industri pelancongan, sekali gus menyokong Portfolio Pelaburan Pelancongan ASEAN yang mempromosikan peluang pelaburan dan menarik serta memudahkan pelabur antarabangsa untuk melabur dalam sektor pelancongan ASEAN, The ASEAN Tourism Marketing Strategy (ATMS) 2021-2025 yang menetapkan peta jalan pemasaran untuk lima tahun ke depan mengukuhkan kerjasama dengan sektor swasta dalam mempromosikan industri pelancongan di rantau ini.

Dalam mesyuarat tersebut, para menteri juga mengadaptasikan Deklarasi Phnom Penh mengenai Pelancongan ASEAN Lebih Mampan, Inklusif dan Berdaya Tahan yang dikembangkan oleh Kerajaan Kemboja. Para menteri juga mendorong NTO ASEAN untuk mengembangkan program kerja bagi pelaksanaannya untuk mendorong pemulihan pelancongan ASEAN dan masa depan yang lebih berdaya tahan.

Mesyuarat itu juga membincangkan kerjasama dengan Negara-negara + 3 (China, Jepun dan Republik Korea) dan India serta pusat-pusat rakan ASEAN di Negara-negara + 3, ASEAN Travel Association (ASEANTA), ASEAN Tourism Research Association (ATRA) dan juga Pertubuhan Pelancongan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-WTO).

Menteri-Menteri Pelancongan juga menyatakan penghargaan mereka kepada rakan dialog dan pelbagai badan ASEAN atas dukungan dan kerjasama yang akan memperkuat lagi sokongan serta kemampuan negara-negara anggota ASEAN bagi mempertahankan daya saing di sektor pelancongan.

Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2021 yang akan dipengerusikan oleh Kerajaan Kemboja telah dilanjutkan hingga Januari 2022 bagi membolehkan Kerajaan Kemboja menjadi tuan rumah ATF pada tahun 2022.

Membina masyarakat berdaya tahan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Pusat



PENGARAH NDMC, Kolonel (B) Muhd. Harrih Rashidi bin Haji Muhd. Jamin ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) mengadakan Program Latihan Penyelaras Kesiapsiagaan Bencana iaitu Disaster Preparedness Coordinator (DPC) Siri 2 dengan kerjasama jabatan-jabatan dan badan organisasi berkaitan bermula pada 1 hingga 4 Februari 2021 bertempat di Pusat Pembangunan Belia dan Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas.

Program DPC Siri 2 adalah kesinambungan kepada Program Forum dan Bengkel Peranan Belia dalam Pengadaptasian Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana (CCA dan DRR) yang telah diadakan pada 18 hingga 19 November 2020 yang melibatkan para belia dalam kalangan Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Badan-Badan Organisasi berkenaan.

Seramai 39 peserta belia dan pemimpin belia lelaki dan perempuan yang berumur di antara 18 hingga 50 tahun mengikuti

program latihan ini.

Sehubungan itu, majlis penutup bagi program tersebut telah diadakan petang tadi di Pusat Pembangunan Belia dan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian sijil pengiktirafan berserta jaket atau vest DPC kepada para peserta ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Terlebih dahulu pada majlis itu, Pengarah NDMC, Kolonel Muhd. Harrih Rashidi bin Haji Muhd. Jamin dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan tujuan program latihan DPC ini diadakan adalah bagi mengiktiraf para belia dan pemimpin belia menjadi ahli DPC yang dihasrat dapat membantu mengurangkan impak kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku dengan mengambil tindakan sewajarnya di peringkat domestik atau peringkat masyarakat.

"Bukanlah menjadi barisan hadapan seperti para petindak di jabatan-jabatan yang berkenaan, tetapi Ahli-ahli DPC ini juga dihasrat untuk membantu tugas-tugas menangani kejadian bencana melalui kerjasama dengan Penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di negara ini," jelasnya.

Menurutnya, Ahli-ahli DPC dalam kalangan para belia ini mempunyai idea-idea yang kreatif yang boleh merancang dan mengadakan program kesedaran awam bersama masyarakat atau badan organisasi masing-masing pada masa akan datang yang bertujuan untuk mengembangkan lagi kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mengambil tindakan yang betul bagi mengurangkan risiko bencana.

Mereka juga dihasrat akan dapat membantu NDMC tambahan, Jabatan Daerah selaku DDMC



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa memakaikan vest DPC kepada salah seorang peserta (kiri). Manakala gambar atas, Yang Berhormat menyampaikan sijil pengiktirafan kepada salah seorang peserta.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

dan agensi-agensi berkepentingan selaku rakan strategik NDMC dalam melaksanakan apa jua aktiviti berkaitan pengadaptasian perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana.

Dari itu ujarnya lagi, dengan hasrat dan harapan tersebut ahli-ahli DPC yang diiktiraf pada hari ini akan dapat membantu mencapai objektif utama program, iaitu ke arah membina masyarakat yang berdaya tahan.

Para peserta adalah termasuk para belia di peringkat akar umbi dari keempat-empat daerah, Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Pasukan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam, dan Sukarelawan Belia.

Agensi-agensi yang terlibat selaku tenaga pengajar dalam program latihan ini adalah terdiri dari Jabatan-jabatan Daerah, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam, Jabatan Kerja Raya, Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perhutanan, Perkhidmatan Kecemasan Ambulans Perubatan (EMAS) Kementerian Kesihatan, Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam dan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang program empat hari itu, para peserta telah mendengarkan beberapa sesi taklimat berkaitan iaitu Terma Rujukan DPC, Pengenalan mengenai Pengurusan Bencana di

Negara Brunei Darussalam dan Tindakan-Tindakan Pengurangan Risiko Bencana. Taklimat-taklimat daripada agensi berkenaan iaitu yang berkaitan dengan pengadaptasian perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana juga turut disampaikan.

Selain itu, para peserta juga berkesempatan melaksanakan aktiviti di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas iaitu penanaman anak pokok sebanyak 100 pohon dalam mendokong komitmen Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi meningkatkan penyerapan karbon (*carbon sink*) melalui penghutan semula (*reforestation*) dan untuk mencapai sasaran menanam sebanyak 500,000 pokok menjelang tahun 2035.

Pada hari yang sama, para peserta juga telah diberikan latihan melalui senario latihan simulasi dalam menangani kecemasan kejadian bencana yang mana ianya dihasratkan bagi mencapai salah satu objektif program, iaitu bagi meningkatkan keupayaan para peserta dalam mengurangkan risiko kejadian sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana.

Majlis penutup tersebut juga dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Pegawai-pegawai Daerah, Pengarah NDMC serta Ketua-ketua Jabatan berkenaan dan Ketua-ketua Badan Organisasi berkenaan.



PARA peserta yang hadir pada majlis tersebut.

COVID-19 : 1 kes baharu disahkan

Dari muka 1

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 40 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, seramai lima kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemuanya adalah dalam keadaan baik serta alhamdulillah, satu kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembuh, hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 173 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 451 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,498 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 297 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 93,192

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

ujian. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
1	181		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	5	3	173

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (275 hari yang lalu)	40 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri	
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
451	12,498

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2	
Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
297 sampel	93,192

Tingkatkan sosioekonomi mukim, kampung

Kepimpinan, Kemasyarakatan dan Keusahawanan (3K) ini adalah penyertaan peserta-peserta yang kebanyakannya terdiri dari graduan-graduan Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negeri dari berbagai-bagai bidang disiplin.

"Dengan komitmen, kegigihan kepercayaan diri sendiri, mereka telah dapat menjelmakan produk keusahawanan yang dapat pula menjana sumber pendapatan. Ini mencerminkan bahawa para belia dan para graduan mempunyai potensi dan daya kreativiti dan inovasi untuk membuat perusahaan sendiri yang *sustainable*. Inilah sebenarnya ciri-ciri dari graduan dan belia Wawasan Brunei 2035 yang mampu untuk berdiri sendiri dan insyaaAllah dapat mengembangkan perusahaan mereka dan membantu meningkatkan sosioekonomi mukim dan kampung," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat juga menyarankan kepada belia-belia

yang sudah menjadi pengusaha di mana kejayaan mereka ini adalah permulaan dari kembara (*journey*) yang jauh.

"Dalam mengharungi alam perniagaan kita tidak sunyi daripada menempuh cabaran. Kerana itu kita hendaklah kuatkan semangat dan azam," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, dalam sama-sama menggalakkan penglibatan belia dan keusahawanan ini, KHEDN akan memperkenalkan 'geran keusahawanan' dikenali sebagai 'Belia Membangun'.

Ini adalah satu bentuk geran pembangunan yang dikhaskan kepada para usahawan yang berdaftar dan bernaung di bawah payung MPMK masing-masing yang berjaya mengukuhkan projek-projek perekonomian yang berpotensi dan berdaya tahan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Ini termasuklah projek-projek yang diusahakan oleh para belia dan beliawanis di bawah Program K3K MPK Daerah Tutong. Bagi

tujuan ini, pemenang Program K3K akan diberi keutamaan bagi mendapatkan geran ini.

Jelas Yang Berhormat lagi, penyediaan geran ini dihasratkan dapat memenuhi objektifnya sebagai galakan kepada para usahawan untuk bergiat aktif di dalam aktiviti-aktiviti MPMK yang menjurus kepada aspek keusahawanan dan perekonomian di samping memperkasakan usahawan MPMK dengan bimbingan dan sokongan kewangan dalam melaksanakan projek-projek yang dapat membuka peluang pekerjaan bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat yang cemerlang.

Jumlah kewangan yang disediakan adalah tertakluk kepada jenis permohonan yang dihadapi dan jumlah maksimum geran keusahawanan adalah tidak melebihi daripada BND2,000 bagi setiap permohonan.

Yang Berhormat berharap dengan adanya geran keusahawanan ini ia akan menjadi satu pencetus (*catalyst*) kepada peningkatan bilangan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Program Kebelaaan 3K Tahun 2020 Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Tutong.

projek-projek perekonomian yang berpotensi dan seterusnya dapat ditingkatkan kualitinya untuk diangkat sebagai Projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P) mewakili kampung masing-masing.

Berita dan Foto :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 3 Februari. - Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) diharap akan terus dapat mengembangkan pengetahuan dan kemahiran belia-belia dalam aspek kepimpinan yang merupakan asas bagi kewujudan sesebuah organisasi seperti institusi mukim dan kampung.

Ia menjadi asas ke arah tujuan menyatupadukan masyarakat dan kunci kejayaan keusahawanan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata demikian pada Majlis Penyampaian Hadiah Program Kebelaaan 3K Tahun 2020 Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Tutong yang diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Program Kebelaaan

Projek MPK Merimbun, Kuala Ungar juara

TUTONG, Rabu, 3 Februari. - Projek Majlis Perundingan Kampung (MPK) Merimbun dan Kuala Ungar muncul johan bagi Program Kebelaaan 3K (K3K), MPK Daerah Tutong.

Manakala Projek Tambang.bn dari MPK Panchor dan Penanjong meraih Anugerah Khas Projek Inovasi dan Kreatif.

Majlis Penyampaian Hadiah Program K3K Tahun 2020 MPK Daerah Tutong diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu

Bakar bin Haji Apong.

Program K3K, MPK Daerah Tutong dianjurkan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan MPK Daerah Tutong iaitu sebagai kesinambungan Konvensyen Belia MPK 2020 yang telah diadakan pada bulan Februari tahun lepas.

Sebanyak lima kumpulan terdiri daripada 17 belia dan beliawanis MPK Daerah Tutong telah dan sedang melalui pelaksanaan projek sebenar (*real life project*) melalui program berkenaan.

Kumpulan belia diberi tempoh selama empat bulan untuk memulakan dan melaksanakan projek-projek yang berpotensi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir selaku tetamu kehormat pada penyampaian hadiah kepada johan Program Kebelaaan 3K Tahun 2020 MPK Daerah Tutong dimenangi oleh MPK Merimbun dan Kuala Ungar.

dapat meningkatkan sosioekonomi masyarakat kampung selain membantu meningkatkan kapasiti diri para belia melalui *hands on* aktiviti yang mencabar.

Projek-projek yang dihasilkan dan dipertandingkan dalam program tersebut ialah Belia MPK Sengkarai, Inovasi Produk Sambal Komuniti Kampung 'Tutong Flames'; Belia MPK Penabai dan Kuala Tutong 'Penabai Funtastic Challenge'; Belia MPK Merimbun dan Kuala Ungar, Tempat Lawatan 'Labulicious'; Belia MPK Panchor dan Penanjong, 'Tambang.bn' Perkhidmatan Menyusur Sungai Tutong dan Belia MPK Kiudang dan Pad Nunok, Pakej Alam Semula Jadi 'Lakastah ke Kampung Kiudang dan Pad Nunok'.

Pemenang Program K3K menerima hadiah wang tunai berjumlah BND1,000 serta sijil penyertaan. Manakala pemenang Anugerah Projek

Inovasi dan Kreatif menerima hadiah wang tunai berjumlah BND200.

Program K3K adalah wadah ke arah menyediakan platform kepada belia bagi melahirkan kumpulan belia sebagai penggerak aktiviti MPK yang menjurus kepada tiga aspek iaitu Kepimpinan, Kemasyarakatan dan Keusahawanan (3K) yang mampu menyumbang kepada kemajuan yang progresif dan *sustainable* di peringkat kampung.

Program ini juga berkait rapat dengan dasar pembangunan belia negara ke arah melahirkan belia-belia yang berkemampuan, proaktif dan berdaya maju.

Dalam perspektif MPK, belia merupakan antara komponen utama bagi melengkapkan jentera pentadbiran MPK yang lebih mantap ke arah mengimbangi kemajuan semasa.

Antara tujuan dan matlamat program diadakan ialah

melahirkan belia-belia yang *reliable*, berkualiti dan cemerlang dalam kepimpinan MPK. Seterusnya, ke arah mendukung Wawasan Brunei 2035 dan akhir sekali, memantapkan MPK ke arah melaksanakan visi serta misinya kepada masyarakat dan kemajuan kampung.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung Daerah Tutong serta para belia.

Bagi maklumat lanjut bolehlah melayari laman sesawang www.tutong.gov.bn atau tutong.click atau melalui media sosial Instagram di [@jabatan_daerah_tutong](https://www.instagram.com/jabatan_daerah_tutong).



PROJEK yang diketengahkan oleh MPK Merimbun dan Kuala Ungar.

Sistem Automasi Makmal Menyeluruh dilancar



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa meninjau Sistem Automasi Makmal Menyeluruh bagi Makmal Rujukan Kimia Klinikal Kebangsaan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Jabatan Perkhidmatan Makmal mengadakan Majlis Pelancaran Sistem Automasi Makmal Menyeluruh (Total Laboratory Automation System) bagi Makmal Rujukan Kimia Klinikal Kebangsaan atau National Clinical Chemistry Reference Laboratory di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan

pelancaran sistem tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Makmal Rujukan Kimia Klinikal Kebangsaan menyediakan khidmat pelbagai jenis ujian biokimia, penganalisaan elektrolit, enzim, hormon dan protein dalam contoh darah, air kencing dan cecair serebrospinal.

Perkhidmatan ujian-ujian makmal tersebut diberikan kepada

kesemua perkhidmatan perubatan dan kesihatan di seluruh negara.

Selain itu, makmal tersebut juga menggunakan pelbagai peralatan canggih dan dengan kawalan kualiti yang ketat bagi membolehkan keputusan ujian yang dijamin berkualiti dan dilaporkan tepat pada masanya.

Makmal tersebut juga mencapai akreditasi standard antarabangsa ISO 15189 sejak tahun 2011 dan masih mengekalkan pengakreditasi ISO 15189 sehingga sekarang.

Pada tahun 2020, dengan 17 orang kakitangan teknikal, makmal tersebut menerima sebanyak 541,402 contoh darah, air kencing dan cecair nerebrospinal dan telah menjalankan sebanyak 3,213,518 ujian makmal.

Sistem Automasi Makmal Menyeluruh merupakan satu pencapaian penting dalam sejarah perkhidmatan makmal diagnostik di negara ini, di mana sistem tersebut berkemampuan mengendalikan sebanyak 86 jenis ujian darah merangkumi sistem trak penghantaran contoh darah yang mampu menjalankan sekitar 600 contoh darah setiap jam dari permulaan proses penganalisaan sehingga keputusan ujian dikeluarkan, serta kemudiannya contoh darah yang selesai diuji disimpan di dalam tempat penyimpanan yang khusus sehingga satu tarikh, di mana

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

contoh darah akan dihapuskan.

Dengan adanya sistem tersebut, kualiti Perkhidmatan Makmal Rujukan Kimia Klinikal Kebangsaan akan dapat dipertingkatkan dengan memberikan keputusan ujian makmal yang lebih tepat dan konsisten mengikut *turnaround time* setiap ujian. Sistem ini juga menawarkan ciri pengurangan risiko pendedahan kepada contoh darah pesakit dan dengan itu, keselamatan kakitangan juga akan

lebih terjamin.

Antara yang hadir pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Awang Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Pengarah Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Surita binti Haji Mohd. Taib; Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan; serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Makmal.



PEGAWAI Jabatan Perkhidmatan Makmal semasa mengendalikan mesin makmal yang baharu tersebut.

Kanser beri kesan terhadap individu, keluarga, negara

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

SERUSOP, Khamis, 4 Februari. - Risiko untuk kanser bergantung kepada jenis kanser dan secara umum faktor-faktor yang boleh mengakibatkan kanser melalui faktor yang tidak dapat dikawal, iaitu umur (kebanyakan kanser seperti kanser usus dan paru-paru), jantina, bangsa dan juga keturunan.

Sementara faktor yang boleh dikawal dengan perubahan cara hidup, antaranya merokok, kawalan berat badan, pemakanan yang tidak sihat, kurang bersenam, alkohol, jangkitan kuman seperti HPV virus untuk kanser pangkal rahim, Hepatitis B untuk kanser hati, sinaran matahari dan juga pendedahan kepada bahan kimia (masa pekerjaan).

Konsulten Perubatan Onkologi Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), Dr. Radin Mas Jefri bin Radin Mas Ismail menjelaskan perkara tersebut semasa Forum 'Kanser : Pencegahan dan Rawatan' sempena Majlis Ilmu 2020 yang berlangsung di Masjid Mohamed Bolkihah, di sini, hari ini.

Hadir bagi mengimarahkan majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, Penghulu Mukim Kota Batu dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang serta para pegawai kanan kerajaan.

Beliau menjelaskan, kanser yang paling kerap adalah kanser payudara dan kanser usus besar, diikuti dengan kanser paru-paru.

Bagi kaum wanita, tiga kanser yang paling kerap adalah kanser payudara, kanser usus besar dan kanser peranakan (rahim). Sementara bagi kaum lelaki, kanser yang paling kerap adalah kanser usus besar, kanser paru-paru dan juga kelenjar prostat.

Adapun simptom kanser juga tambahnya, bergantung kepada jenis-jenisnya, contohnya kanser paru-paru, iaitu sakit dada, batuk yang tidak sembuh, kahak berdarah, sesak nafas, manakala kanser payudara adalah benjolan pada buah dada, puting payudara merubah bentuk atau kulitnya menjadi merah atau bebintik, sementara kanser usus pula, ada pertukaran dalam kekerapan membuang air besar, darah pada najis atau najis menjadi hitam dan susut badan.

Kebanyakan masa apabila seseorang ada rasa lemah lesu yang tidak ada sebab musabab atau susut atau kurang berat badan yang tidak dirancang atau kurang selera makan yang berterusan, mungkin adalah petanda ada kemungkinan adanya penyakit kanser.

Sementara itu, Ketua Jabatan Radiation Oncologist PJSC, Dr. Haji Jamsari bin Dato Dr. Haji Khalid juga mengetengahkan salah satu jenis kanser prostat bagi lelaki yang juga antara kes di



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (depan, tengah) dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (depan, dua dari kiri) semasa menghadiri Forum 'Kanser : Pencegahan dan Rawatan' sempena Majlis Ilmu 2020 di Masjid Mohamed Bolkihah, Serusop (atas). Manakala gambar bawah, ahli-ahli panel dan moderator forum semasa membentangkan forum tersebut.



negara ini.

Kedua-dua ahli panel juga menerangkan bahawa cara yang paling berkesan dan terbukti

adalah pencegahan, iaitu dengan mempraktikkan cara hidup yang sihat, seperti berhenti merokok, bersenam, menjaga pemakanan.

Tujuan utamanya adalah untuk mengurangkan risiko kanser dengan masa.

Ke muka 15

704 dikesan hidap kanser

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Setiap tahun pada 4 Februari, seluruh dunia, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) menyambut Hari Kanser Sedunia, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit kanser.

Tahun ini adalah tahun ketiga dan tahun yang terakhir Hari Kanser Sedunia membawa tema 'Saya Adalah dan Saya Akan', yang bermaksud untuk mengingatkan orang ramai tentang komitmen setiap individu untuk bersama-sama bertindak, pada masa ini, yang seterusnya akan memberi impak yang positif di masa hadapan.

Perkara tersebut, dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Kanser Sedunia 2021.

Dalam masa yang sama, jelas Yang Berhormat, ia juga dihasrat untuk membantu setiap negara bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) untuk mengurangkan kematian pramatang, yang berpunca daripada penyakit kanser dan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit sebanyak satu pertiga menjelang tahun 2030.

"Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), di seluruh dunia, dianggarkan satu dalam lima orang akan menghidap penyakit kanser, di sepanjang hayatnya. Manakala, satu dalam lapan lelaki dan satu dalam 11 perempuan akan meninggal dunia disebabkan penyakit kanser.

"Ini bermakna, lebih daripada 50 juta orang di seluruh dunia pada lima tahun kebelakangan ini adalah penghidap penyakit kanser.

"Menurut statistik terkini daripada Global Cancer Observatory (Globocan) 2020 juga, kanser payudara dalam kalangan perempuan, buat pertama kalinya, merupakan kanser yang paling tertinggi didiagnosis dan telah mengatasi diagnosis kanser paru-paru," katanya.

Walau bagaimanapun, nyata Yang Berhormat, kanser paru-paru tetap menjadi penyebab kematian utama dalam kalangan semua penyakit kanser.

Di NBD pula, ujar Yang

Berhormat, menurut statistik yang diperoleh daripada Daftar Kanser NBD, pada tahun 2019, sejumlah 704 orang (berbanding dengan 644 orang, pada tahun 2018) Warganegara dan Penduduk Tetap di NBD dikesan menghidap penyakit kanser.

Pada tahun yang sama, katanya, jumlah kematian akibat penyakit kanser adalah sejumlah 347 kematian, iaitu 22.6 peratus daripada semua kematian, pada tahun 2019.

Menurut Yang berhormat, jumlah penghidap penyakit kanser juga menunjukkan peningkatan sebanyak 22.8 peratus dalam tempoh lima tahun, pada tahun 2015 - 2019, berbanding tahun 2010 - 2014.

Manakala, pada tahun 2019, antara jenis penyakit kanser yang tertinggi dalam kalangan lelaki adalah kolorektal (74 kes); prostat (30 kes); dan paru-paru (25 kes).

Dalam kalangan perempuan pula, jelas Yang Berhormat, penyakit kanser yang tertinggi adalah payudara (105 kes), diikuti kolorektal (57 kes); dan kanser korpus uteri atau rahim (45 kes).

Sementara itu, tambahnya, risiko bagi seorang lelaki untuk menghidap kanser di sepanjang hayatnya ialah 27 peratus atau satu dalam empat lelaki, manakala risiko bagi perempuan pula ialah 29 peratus atau satu dalam tiga perempuan.

Perkembangan penyakit kanser ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang kompleks, termasuk faktor genetik; dan faktor persekitaran.

"Kesan faktor-faktor tersebut adalah berbeza daripada satu individu kepada individu yang lain. Terdapat bukti yang dinyatakan di dalam World Cancer Report 2020, yang menunjukkan bahawa faktor genetik menyumbang kepada 5 hingga 10 peratus perkembangan penyakit kanser; manakala faktor persekitaran mempunyai risiko lebih tinggi, iaitu dalam lingkungan 80 hingga 90 peratus.

"Ini menunjukkan bahawa risiko penyakit kanser bagi setiap individu sememangnya dapat dikurangkan jika beberapa faktor risiko penyakit kanser dapat ditangani, seperti memberhentikan penggunaan tembakau, mengambil sayur-sayuran dan buah-buahan yang mencukupi, melakukan kegiatan fizikal, mempunyai

Indeks Jisim Badan atau Body Mass Index (BMI) yang normal dan tidak mengambil alkohol," jelasnya.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, dalam sama-sama menyertai inisiatif global untuk menuju ke arah masa depan yang bebas daripada penyakit kanser, kerajaan di NBD melalui Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa tindakan dan langkah untuk mengawal faktor-faktor risiko penyakit kanser.

Terang Yang Berhormat, antaranya termasuk pelaksanaan Brunei Darussalam Multisectoral Action Plan for Prevention and Control of Noncommunicable Diseases (BruMAP-NCD), iaitu Pelan Tindakan Kebangsaan, Meliputi Pelbagai Sektor untuk Mencegah dan Mengawal Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit.

Memandangkan penyakit kanser adalah penyebab utama kematian di negara ini, kata Yang Berhormat, satu komponen penting di dalam pelan tindakan tersebut adalah mengenai pencegahan dan pengawalan penyakit kanser.

Menurut Yang Berhormat, Multisectoral Taskforce on Health (MSTFH), yang terdiri daripada pelbagai agensi dan kementerian juga berusaha dan turut menyumbang pada keberhasilan dalam pelaksanaan pelan tindakan ini.

"Sebagai seorang individu pula, antara pendekatan yang dapat diusahakan adalah dengan mengubah dan mempraktikkan gaya hidup yang lebih sihat dengan mengambil tindakan, seperti Berhenti merokok dan mengelakkan daripada pendedahan pada asap rokok pasif atau udara tercemar; Mengambil 2 - 3 sajian sayur-sayuran setiap hari; Melakukan kegiatan fizikal sekurang-kurangnya 150 minit setiap minggu; Mengekalkan berat badan yang sihat; dan Menjalani ujian saringan kesihatan secara rutin untuk mengesan tanda-tanda awal penyakit kanser, termasuk bagi penyakit kanser serviks, payudara dan kolorektal," tegas Yang Berhormat.

Dari segi faktor-faktor risiko kanser, Yang Berhormat menggariskan, bahawa penggunaan tembakau masih menjadi salah satu penyebab utama bagi penyakit kanser di seluruh dunia.

Tegasnya, World Cancer Report 2020 menganggarkan, bahawa setiap tahun, sejumlah 2.4 juta kematian pesakit kanser, di seluruh dunia adalah berkaitan dengan penggunaan tembakau. Di NBD, menurut Kaji Selidik Kebangsaan STEPS NCD 2016, kadar merokok adalah dalam 20 peratus atau satu dalam lima orang dewasa adalah perokok, di mana 36 peratus atau satu dalam tiga lelaki dewasa adalah perokok.

Di samping itu, katanya, satu Kaji Selidik Global mengenai Penggunaan Tembakau dalam Kalangan Belia (Global Youth Tobacco Survey), di sekolah-sekolah yang dijalankan, pada tahun 2019, dalam kalangan

remaja, berumur 13 hingga 15 tahun telah mendapati bahawa 9.2 peratus atau satu dalam 10 remaja adalah perokok atau menggunakan produk tembakau, dan lebih daripada separuh (52 peratus) daripada remaja melaporkan pernah terdedah pada *second hand smoking*.

Yang Berhormat menyatakan, majoriti negara-negara lain, termasuklah NBD, menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam pengawalan tembakau.

Namun, tambahnya, ia masih jauh daripada mencukupi kerana masih banyak cabaran yang perlu dihadapi dalam mengurangkan penggunaan tembakau.

Antara cabaran-cabaran yang perlu diambil perhatian adalah dalam mengawal kemasukan tembakau ke negara ini kerana penggunaan rokok dalam kalangan orang dewasa dan belia masih wujud walaupun tidak ada penjual tembakau sah berdaftar, di NBD.

Sehubungan itu, jelas Yang Berhormat, di samping meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai mudarat yang disebabkan oleh penggunaan rokok dan *second hand smoke*, Kementerian Kesihatan juga ada menyediakan klinik-klinik berhenti merokok di kesemua Pusat Kesihatan, di setiap daerah, di NBD bagi mereka yang memerlukan bantuan untuk berhenti merokok.

Sementara itu, ujarnya, pada bulan November 2020, WHO melancarkan Global Strategy to Accelerate the Elimination of Cervical Cancer. NBD menyokong resolusi ini di World Health Assembly 2020 dan berikrar untuk memberikan komitmen penuh melalui Kementerian Kesihatan dalam usaha untuk mencapai matlamat bagi menghapuskan penyakit kanser serviks sebagai masalah kesihatan awam menjelang tahun 2030.

"Antara sasarannya adalah 90 peratus remaja perempuan menerima vaksinasi penuh bagi vaksinasi Human Papillomavirus (HPV) menjelang umur 15 tahun; 70 peratus wanita telah disaring menggunakan ujian berprestasi tinggi, pada umur 35 dan 45 tahun; dan 90 peratus wanita yang menghidap penyakit serviks menerima rawatan.

"NBD telah mencapai sasaran bagi vaksinasi dan rawatan, namun masih ada ruang lagi untuk memperbaiki sasaran 70 peratus wanita yang layak disaring bagi penyakit kanser serviks.

"Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua wanita yang berkelayakan untuk turut mendaftar bagi pemeriksaan saringan kanser serviks, di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak yang berdekatan," seru Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menekankan lagi, pengesanan awal penyakit kanser merupakan komponen yang amat penting dalam pengawalan penyakit kanser, di mana ia membolehkan kita untuk mendiagnosis juga membuang tumor ketika ia masih di peringkat awal juga meningkatkan *survival* atau jangka hayat pesakit.

Oleh itu, ujar Yang Berhormat, orang ramai adalah sangat



PERUTUSAN Yang Berhormat Menteri Kesihatan sempena Sambutan Hari Kanser Sedunia 2021.

digalakkan dan disyorkan untuk menggunakan kemudahan fasiliti-fasiliti pemeriksaan saringan dan mengambil bahagian dalam program-program pengesanan awal yang disediakan oleh kerajaan di NBD.

Seterusnya, Yang Berhormat menyatakan, program saringan kebangsaan bagi kanser payudara, serviks dan kolorektal ada ditawarkan di kesemua Pusat Kesihatan dan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, di seluruh negara, termasuk di Early Detection & Cancer Prevention Services (EDCP), Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC).

Dengan adanya kemajuan di bidang penyelidikan bagi faktor risiko penyakit kanser katanya, *individual susceptibility* atau kerentanan individu untuk mendapat penyakit kanser tertentu adalah semakin difahami melalui perspektif molekul, termasuk ujian genetik dan teknologi penilaian risiko (*risk profiling*) bagi penyakit kanser.

Di NBD, ujian genetik, iaitu salah satu strategi bagi pengesanan awal penyakit kanser ada ditawarkan dalam fasa rintis (*pilot phase*), di EDCP, PJSC.

Sambutan Hari Kanser Sedunia memberikan inspirasi kepada kita semua untuk bersatu dalam usaha memerangi penyakit kanser.

Saya berasa kagum melihat ramai individu dan kumpulan-kumpulan di dalam masyarakat yang aktif dalam tujuan mulia ini, sama ada sebagai *advocator*, penjaga, pendidik, mahupun *cancer survivors* yang bekerja tanpa lelah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit kanser, membincangkan mengenai penyakit kanser, menghilangkan stigma dan pantang larang mengenai penyakit kanser, juga mengambil tindakan untuk mencegah dan mengurangkan beban penyakit kanser, di NBD. Marilah kita semua berjanji : 'Saya Adalah dan Saya Akan' untuk memberi impak," tambah Yang Berhormat lagi.

Maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan boleh didapati melalui laman sesawang www.ppkk.gov.bn atau Laman Sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

PERKEMBANGAN penyakit kanser ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang kompleks, termasuk faktor genetik; dan faktor persekitaran.

"Kesan faktor-faktor tersebut adalah berbeza daripada satu individu kepada individu yang lain. Terdapat bukti yang dinyatakan di dalam World Cancer Report 2020, yang menunjukkan bahawa faktor genetik menyumbang kepada 5 hingga 10 peratus perkembangan penyakit kanser; manakala faktor persekitaran mempunyai risiko lebih tinggi, iaitu dalam lingkungan 80 hingga 90 peratus".



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga selaku Pengerusi UNN dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada majlis pelancaran tersebut (atas dan kanan).

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mencatatkan satu lagi perkembangan memberangsangkan dalam perkhidmatan telekomunikasi apabila platform kesalinghubungan baharu, Borneo IX yang ditempatkan di Stesen Kabel Bawah Laut Tungku bersedia untuk memberikan perkhidmatannya.

Platform tersebut menawarkan perkhidmatan di rantau Asia Tenggara dengan pengembangan ke pasaran metro DE-CIX lain di Malaysia dan Singapura, yang bertindak sebagai pintu masuk baharu antara Amerika Syarikat (AS) dan Asia Tenggara.

Sehubungan itu, Unified National Networks (UNN) sebagai pengendali infrastruktur rangkaian nasional NBD dan merupakan anak syarikat milik penuh Darussalam Assets Sdn. Bhd. serta DE-CIX, sebuah syarikat terkemuka dalam pengendalian Internet Exchange, baru-baru ini mengumumkan kerjasama strategik bagi mewujudkan Borneo-IX di majlis pelancarannya yang diadakan di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club.

Hadir merasmikan pelancaran tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, juga selaku Pengerusi UNN dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Dr. Steffen Oehler.

Turut hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap (Pelaburan) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Assets dan Timbalan Pengerusi UNN, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi, Keselamatan Siber, Strategi dan Korporat) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim dan pegawai-pegawai kanan di UNN.

Menurut kenyataan UNN di sini, pulau terbesar di Asia dan ketiga terbesar di dunia, Borneo berada di kedudukan yang baik di tengah-tengah Asia Tenggara dan NBD mempunyai stesen pendaratan untuk beberapa kabel dasar laut antarabangsa serta dihubungkan dengan daratan Malaysia dan Indonesia.

Sehubungan itu, Borneo-IX telah menawarkan kepada pelanggan domestik dan serantau pintu jalan keluar terdekat dan khusus ke hab internet di seluruh dunia di Asia, Eropah, Amerika dan membolehkan rangkaian global untuk lebih dekat dengan pengguna di wilayah Asia

Hab ICT diperluaskan ke peringkat serantau



Tenggara yang padat penduduknya.

Sementara itu, Dr. Steffen Oehler dalam ucapannya semasa majlis tersebut berkata hubungan dan transaksi ekonomi sangat bergantung pada perkhidmatan dan aplikasi telekomunikasi yang mantap dan mencukupi.

"UNN dapat menawarkan Perkhidmatan ini dari Negara Brunei Darussalam dengan ciri dan kualiti parameter yang sama ke lokasi utama di Asia, Eropah dan AS yang akan mewujudkan peluang baharu untuk perniagaan NBD untuk bekerjasama dan berkembang secara antarabangsa sambil menarik minat organisasi antarabangsa lain untuk mempertimbangkan NBD sebagai tempat perniagaan dan pelaburan," jelasnya.

Tambahnya, Borneo-IX, digabungkan dengan rangkaian nasional tetap dan mudah alih yang moden dan stabil dari UNN, merupakan blok utama untuk mengembangkan industri telekomunikasi dan cita-cita kami untuk menjadi pesaing Hab ICT untuk rantau ini.

Perkembangan tersebut juga akan menyokong tujuan utama

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melaksanakan pelan digitalisasi yang diperlukan untuk mencapai objektif Wawasan Brunei 2035 sebagai sebahagian daripada Pelan Pembangunan ICT Nasional.

Dr. Steffen Oehler, berkata UNN, sebagai sebuah syarikat telekomunikasi nasional yang mengendalikan perkhidmatan rangkaian di NBD merupakan sebahagian daripada industri telekomunikasi global.

"Kami mempunyai tanggungjawab dan berusaha untuk mencapai tahap perkhidmatan telekomunikasi dan ICT yang terbaik dengan infrastruktur moden.

Hab penghubung baharu akan dikendalikan oleh DE-CIX bagi pihak UNN, sebagai sebahagian daripada program DE-CIX-as-a-Service (baas). Program DaaS merangkumi satu set atau perkhidmatan seperti pemasangan, penyelenggaraan, penyediaan, pemasaran dan sokongan penjualan yang dirancang untuk pengendali pusat data atau pihak ketiga yang lain

untuk membuat platform pertukaran dan sambungan internet mereka sendiri yang dikendalikan sepenuhnya oleh DE-CIX di Dubai, SEECIX yang baru dilancarkan dikuasakan oleh DE-CIX Di Athens, Yunani, dan Ruhr-CIX Jerman."

Manakala itu, Ketua Pegawai Eksekutif DE-CIX International, Ivo Ivanov berkata, "Dengan lebih dari 600 juta penduduk di Asia Tenggara, terdapat banyak permintaan yang perlu ditangani. Sebanyak 80 peratus daripada yang berkaitan dengan pembekal antarabangsa yang menjalankan perniagaan di rantau ini dan memerlukan perkhidmatan penghubung yang kuat dan fleksibel".

Walaupun Singapura telah menjadi pusat utama di rantau ini selama satu dekad terakhir, ekosistem penghubung DE-IX Asia membawa latensi rendah dan kelajuan penyambungan yang tinggi ke kawasan pedalaman di rantau ini, memungkinakan memerlukan pertukaran lalu lintas secara tempatan tetapi juga hubungan langsung dengan rangkaian DE-CIX Ixs lain di rantau ini.



KETUA Pegawai Eksekutif UNN, Dr. Steffen Oehler dan Ketua Pegawai Digital UNN, Heiko Trost ketika berucap pada majlis tersebut (kiri dan kanan).



قجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

**Apa boleh kami bantu?
Hubungi kami.**

How can we help you today?
Here's how to get in touch with us.

  **+673 7371961**

 **query@spa.gov.bn**



Akademi Polis baharu bakal dibina



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (depan, empat dari kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Dokumen Pelan Induk Akademi Polis yang diadakan di Dewan Atria Simpur, Jabatan Kerja Raya (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat menyerahkan Dokumen Pelan Induk Akademi Polis kepada Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).



Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PENERANGAN ringkas daripada Pengarah Kemajuan di JKR, Dayang Salfawatty binti Haji Mohd. Salleh.

BERAKAS, Khamis, 4 Februari. - Ke arah mengembangkan lagi pusat pembelajaran asas yang berterusan bagi pegawai dan anggota pangkat rendah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Majlis Penyerahan Dokumen Pelan Induk Akademi Polis diadakan di Dewan Atria Simpur, Jabatan Kerja Raya (JKR), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Jabat, diikuti dengan taklimat ringkas mengenai Projek Pelan Induk Akademi Polis yang disampaikan oleh Pengarah Kemajuan di JKR, Dayang Salfawatty binti Haji Mohd. Salleh.

Majlis turut menyaksikan tayangan video mengenai projek tersebut, di mana Sepakat Setia Perunding (B) Sdn. Bhd. merupakan konsultan yang dilantik bagi penyediaan pelan induk projek tersebut yang bernilai sebanyak BND230,000, yang memakan masa selama lima bulan untuk siap.

Antara prasarana yang terkandung di dalam pelan induk tersebut ialah masjid, kemudahan bagi kursus halangan, latihan di lapangan, penyelidikan serta simulasi taktikal dan maya, Pusat Perubatan, Padang Kawat, Kemudahan Sukan, Kompleks Sukan Renang dan lain-lain lagi.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Dokumen Pelan Induk Akademi Polis yang diserahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan kepada Pesuruhjaya

Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Antara yang hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali bin

Pengiran Haji Yakob; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji

Mohammad Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Ir. Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Abd. Karim, ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai kanan serta para pegawai dan kakitangan di bawah JKR, Kementerian Pembangunan dan PPDB.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada majlis tersebut (atas). Manakala gambar bawah, lakaran 3D mengenai Projek Pelan Induk Akademi Polis, PPDB.



COVID-19 : 444 jalani pengasingan diri mandatori

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Seramai 444 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori sementara seramai 12,467 orang menamatkan pengasingan diri

mandatori sejak Mac 2020.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan menerusi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	180		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	5	3	172
Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19		Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan	
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (274 hari yang lalu)		39 Kes	
Ringkasan Pengasingan Diri			
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)		
444	12,467		
Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2			
Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)		
284 sampel	92,895		

NBD, alhamdulillah mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, sebanyak 180 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 274 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Menurut Kementerian Kesihatan, lima kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes import setakat ini sebanyak 39 kes dan kes yang sembuh adalah seramai 172 orang.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 284 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 92,895 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Tinjau usaha strategik, perkembangan terkini Kementerian Tenaga

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri Tenaga turut mengiringi rombongan semasa lawatan Ahli-ahli MMN ke Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.

SERIA, Rabu, 3 Februari. - Seramai 16 Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) meneruskan rangka Lawatan Kerja ke Tenaga Sinar di Seria, Daerah Belait.

Lawatan adalah bagi meninjau usaha Kementerian Tenaga dalam memberikan gambaran strategik dan perkembangan terkini sektor tersebut.

Lawatan memperlihatkan peranan penting sektor tenaga sebagai tonggak pembangunan sosioekonomi Brunei.

Menyertai rombongan, Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien.

Hadir sama, Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga dan Kuasa Elektrik), Kementerian Tenaga, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra.

Semasa lawatan ke Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd., Ahli-ahli MMN berkesempatan untuk



YANG Berhormat Menteri Tenaga (depan, dua dari kanan) bersama Yang Mulia Timbalan Menteri Tenaga (depan, dua dari kiri) menyertai Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada lawatan ke Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.

berkunjung ke Bangunan Pusat Data dan Pejabat Baharu (NDCO), BSP juga diberikan taklimat mengenai pusat data canggih.

Pencapaian yang dikongsi mengenai Projek CerDaaS, penglibatan pihak BSP bekerjasama dengan syarikat perkhidmatan IT dari hujung ke hujung bebas global yang terkemuka bagi menubuhkan operasi perkhidmatan pengkomputeran pengguna akhir (EUC) tempatan meningkatkan hubungan antarabangsa BSP.

Melalui projek unggulan itu, seramai 50 pakar IT tempatan berkhidmat, di bawah syarikat perkhidmatan IT.

Lawatan berakhir di laman Brunei Fertilizer Industries (BFI), di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK).

Taman tersebut masih dalam pembinaan, di mana kilang itu, setakat ini, adalah salah satu daripada dua projek hilir minyak dan gas besar, di samping kilang-kilang PMB dan kilang petrokimia, di Pulau Muara Besar.

Setelah siap nanti, Kilang BFI

akan menjadi antara tanaman baja terbesar di Asia Tenggara.

Kilang tersebut mempunyai keupayaan untuk menghasilkan 2,200 metrik tan ammonia dan 3,900 metrik tan urea setiap hari.

BFI menyasarkan sejumlah 548 peluang pekerjaan langsung selama tahun pertama beroperasi, di mana 65 peratus tenaga kerja akan menjadi penduduk tempatan.

Projek BFI akan memberikan peluang kepada kontraktor lokal juga Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui penyediaan perkhidmatan sokongan, di bidang pembinaan, penyelenggaraan, pengangkutan, logistik, katering dan penginapan.

Lawatan ke Tenaga Suria Brunei, BSP dan BFI memaparkan projek-projek yang menyumbang ke arah visi kementerian untuk 'Tenaga Lestari dan Berpelbagai untuk Pertumbuhan dan Kemakmuran Negara Brunei Darussalam'.

Susulan selepas Lawatan Kerja, muzakarah, seterusnya akan diadakan bersama Ahli-ahli MMN, pada 9 Februari akan datang.



AHLI-ahli MMN mendengar penerangan pada lawatan ke Panel Solar Tenaga Suria Brunei.

Dialog kelestarian alam sekitar

Berita dan Foto : Ihsan Yang Berhormat
Dayang Khairunnisa Haji Ash'ari



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (empat, kanan) pada sesi bergambar ramai pada sesi dialog berkenaan.

BERAKAS, Rabu, 3 Februari. - Jeroen Diels menganjurkan sesi dialog yang memfokuskan terhadap kelestarian dan

kepimpinan yang diadakan di The Wildflower Café di Peak Performance, Berakas, baru-

baru ini.

Hadir pada sesi dialog tersebut ialah Duta Besar Kerajaan Belanda ke Singapura dan NBD, Puan Yang Terutama Margriet Vonno yang berkongsi pandangan bernilai dari segi pengalaman profesionalnya sebagai pemimpin serta semangat peribadinya demi kelestarian.

Puan Yang Terutama turut menggariskan kepentingan mempraktikkan 'Reduce, Reuse and Recycle' dalam kehidupan seharian dan menekankan minggu ekonomi pekeliling yang berlangsung di Belanda minggu ini.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, yang juga Pengasas Bersama Green Brunei; Pengasas The Collective Art Events, Shiny Chia; Ketua Sumber, Penyelidikan dan Pembangunan, Pengasas EnEvo, Syidah Kariya; Pengasas MY Actions For SDGs Campaign, Dayang Nurul Hadina binti Haji

Alias; Pereka di ETHA Studio, Aisyah Azlan dan Pengasas Bersama Eco Ponies Garden, Eyon Ukoi.

Ahli-ahli dialog tersebut merupakan wanita tempatan yang mendorong kelestarian di pelbagai bidang seperti industri tenaga, pelancongan, fesyen, pendidikan alam sekitar dan kitar semula.

Dialog tersebut difasilitasi oleh Ketua Peralihan Tenaga, Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP), Shirley Sikun.

BSP juga berusaha menghubungkan para pemimpin wanita tempatan untuk berkongsi pandangan dan pendekatan kolaboratif untuk berpusat ke arah gaya hidup yang lebih lestari.

Dalam masa yang sama, turut ditekankan ialah peranan yang dapat dimainkan oleh individu, komuniti dan perniagaan tempatan untuk mencapai matlamat pembangunan lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Hubungan ASEAN-India diperkukuhkan dalam pelbagai bidang



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyampaikan pesanan melalui rakaman video.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Majlis penyampaian hadiah bagi ASEAN-India Online Hackathon diadakan kelmarin, 4 Februari yang dihadiri oleh tetamu dan delegasi dari ASEAN dan Republik India.

Acara tersebut turut dihadiri oleh Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dan wakil-wakil dari ASEAN dan India.

Pada acara berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman berkesempatan untuk menyampaikan pesanan melalui rakaman video, di mana

Yang Berhormat menggariskan mengenai hubungan kukuh di antara ASEAN dan Republik India dalam kerjasama di pelbagai bidang yang antaranya bidang pembangunan sumber manusia, hubungan antara manusia dan pendidikan.

Yang Berhormat seterusnya menekankan bahawa acara *hackathon* tersebut dihasratkan untuk memberi peluang dan pengalaman kepada generasi muda dalam membangun kemahiran seperti kerja berpasukan, komunikasi dan bekerja dalam persekitaran yang mencabar.

Acara *hackathon* itu diadakan

di bawah platform ASEAN-India dan merupakan sebuah inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan India melalui Kementerian Pendidikan Republik India dan Kementerian Luar Negeri Republik India.

Hackathon dalam talian ini dilakukan selama 36 jam tanpa henti dengan penyertaan lebih daripada 330 pelajar dan 110 mentor dari seluruh ASEAN dan Republik India di peringkat pendidikan tinggi.

Pelajar ditugaskan untuk memberikan penyelesaian kepada pernyataan masalah dalam pendidikan, sains dan teknologi. Acara ini bertujuan untuk merangsang idea inovatif dan kreatif dalam berkongsi budaya, nilai dan amalan terbaik dalam kalangan pelajar dengan latar belakang yang berbeza.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh delegasi yang terdiri seramai lapan orang pelajar dan dua orang pensyarah dari Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Acara kemuncak ASEAN-India Online Hackathon menyaksikan pengumuman pemenang-pemenang bagi pertandingan berkenaan, di mana kumpulan yang dibimbing oleh Timbalan Pengarah Pusat Kejuruteraan Inovatif UTB, Penolong Profesor Dr. Wida Susanty binti Haji Suhaili, telah pun dinobatkan sebagai salah sebuah kumpulan naib juara. Manakala kumpulan yang diterajui oleh Dayang Siti Aisah binti Janaji, pelajar Kedoktoran di UTB juga berjaya mendapat tempat kedua di pertandingan *hackathon* berkenaan.

Belia Islam penting dalam mencapai ummah rabbani



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa merasmikan Akademi Da'wah 3.0 di Dewan Multaqa, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas). Manakala gambar bawah, para jemputan dan belia yang menghadiri majlis perasmian tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Para belia merupakan aset yang amat berharga serta tunggak dan kekuatan masa depan bagi sesebuah negara, perlu diasuh, dididik dan diberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang betul dan sempurna sehingga mereka menjadi insan yang berilmu, berakal dan bertakwa serta berakhlak mulia berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah.

Tidak dapat dinafikan dengan demikian, ia akan dapat melahirkan para belia yang mampu

memikul dan menaani tugas dan tanggungjawab berdakwah dengan cara yang betul dan sempurna serta tidak pula akan ketandusan para pendakwah di masa akan datang.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa Majlis Perasmian Akademi Dakwah 3.0 bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

Menyentuh mengenai tema Program Akademi Da'wah 3.0, iaitu 'Generasi Pendakwah Muda, Pemangkin Ummah Rabbani', Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berkata, tema tersebut memberi gambaran mengenai belia Islam yang berperanan penting dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab bagi mencapai objektif sebagai ummah rabbani melalui pendekatan dakwah.

Justeru tambah Yang Mulia, para belia dalam mempelajari dan mengasah kemahiran berdakwah, mereka memerlukan pendedahan yang berupa ilmu berbentuk metodologi dan seumpama dengannya.

Ke arah merealisasikan hasrat tersebut jelas Yang Mulia, maka penyertaan para belia dalam program tersebut sudah tentunya akan dapat mencapai matlamat dan objektif penganjuran program berkenaan.

Yang Mulia seterusnya berharap, menerusi program tersebut, para peserta akan dapat mempelajari dan memahami dengan mengambil *ibrah* atau pengajaran yang pernah ditunjukkan oleh para belia Islam dan juga program ini menjadi medan latihan kepada para pesertanya dan seterusnya mereka akan dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa juga negara.

"Di sini peramba / saya suka memberi ingatan bersama bahawa apabila para belia berada di medan dunia dakwah yang sebenar nanti, maka para belia perlulah membetulkan niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala kerana niat

yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala dalam berdakwah itu akan memberi kesan dan penerimaan yang baik di hati orang yang didakwah.

Para belia juga hendaklah memiliki sifat tawaduk dan rendah diri serta menghormati pandangan orang lain supaya tidak menimbulkan rasa kurang senang di hati masyarakat. Perancangan dan sifat berhati-hati juga perlu ada dalam diri para belia untuk membuat penilaian. Tidak dinafikan bahawa semangat yang berkobar-kobar dalam jiwa para belia untuk membuat perubahan adalah tinggi akan tetapi jika perubahan itu tidak sesuai dengan aspirasi bangsa yang merangkumi cara kehidupan bermasyarakat dan beragama, maka seyogianya hendaklah dielakkan demi menjaga keharmonian hidup bermasyarakat," ujar Yang Mulia lagi.

Yang Mulia seterusnya menyeru pihak-pihak yang berkenaan, seperti Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dan lain-lain jabatan di bawah KHEU dan yang lainnya untuk terus-menerus meningkatkan kerjasama dalam merencana program-program ke arah meningkatkan kualiti da'ie-da'ie muda, di samping meningkatkan profesionalisme mereka dari semasa ke semasa demi kelangsungan hidup bermasyarakat dan beragama di Negara Brunei Darussalam (NBD)

menurut acuan Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Syafie serta kita semua akan terus teguh berpegang dengan prinsip falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) dan menjadikan NBD sebuah Negara Zikir.

Program Akademi Dakwah 3.0 disertai seramai 49 orang peserta, iaitu Muslimin dan Muslimah yang terdiri daripada kalangan ahli rasmi Belia Da'ie yang berdaftar dan para belia yang berminat untuk menyertai program ini bagi tujuan menggilap bakat para belia yang dipercayai mempunyai potensi besar untuk menjadi pelapis da'ie.

Program tersebut memulakan sesi pengajiannya pada 30 Januari 2021 hingga 11 April 2021, iaitu sebanyak lima sesi dan ia diadakan dua kali dalam sebulan setiap Sabtu dan Ahad, kecuali pada bulan Januari, ia diadakan sebanyak satu sesi sahaja.

Program anjuran bersama Jawatankuasa Badan Sukarelawan Belia Da'ie dan Urusetia Program Keagamaan Belia, PDI, antara lain bertujuan untuk melahirkan golongan pendakwah muda atau barisan pelapis da'ie yang akan dapat memastikan keberlangsungan da'ie teras, di samping menimbulkan kesedaran terhadap kepentingan berdakwah dengan cara yang betul dan sebagai didikan / *tarbiyah* bagi para peserta.

Selain itu, untuk melahirkan da'ie yang dapat melaksanakan dakwah di dalam bidang masing-masing berteraskan kefahaman Al-Quran dan As-Sunnah yang maksima dan *digital-friendly* serta sebagai pendedahan (*awareness*) kepada orang awam mengenai penubuhan Belia Da'ie sebagai wadah untuk berdakwah, khususnya golongan muda.



PARA belia yang mengikuti Akademi Da'wah 3.0 tersebut semasa melafazkan ikrar (kanan).





Rezeki itu rahsia Allah Subhanahu Wata'ala

bin Mas'ud radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya setiap kalian dikumpulkan penciptaannya dalam perut ibunya selama 40 hari berupa air mani, kemudian menjadi sekumpulan darah dalam waktu 40 hari. Lalu, diutus malaikat kepada janin tersebut dan ditiupkan roh kepadanya dan malaikat tersebut diperintahkan untuk menulis empat perkara, iaitu rezeki, batas umur, pekerjaan dan kecelakaan atau kebahagiaan hidupnya".

Apabila kita memperkatakan mengenai rezeki dalam kehidupan sehari-hari, maka ramai dari kalangan kita yang beranggapan bahawa rezeki itu hanya dari segi pekerjaan, harta kekayaan dan wang ringgit semata-mata. Perlu diketahui, bahawa limpah rahmat dan rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu sangat luas dan setiap manusia rahmat itu dikurniakan bentuk rezeki yang berbeza-beza antara satu sama lain.

Sesungguhnya sihat tubuh badan itu adalah rezeki, sekiranya kita kurang mendapat rezeki dari segi wang ringgit mahupun harta benda, maka Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kita dengan rezeki kesihatan. Dengan kesihatan itu, kita dapat menjalani kehidupan kita dengan lebih gembira dan penuh ceria, jauh dari kerisauan dan juga kesulitan.

Selain itu, mempunyai keluarga yang bahagia itu juga rezeki, dikurniakan anak itu rezeki, mempunyai tempat untuk berteduh itu rezeki, dikelilingi oleh orang yang baik-baik itu juga adalah satu rezeki. Hakikatnya, Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita semua, orang yang kaya dengan rezeki tersendiri, namun terkadang kita sendiri seakan-akan tidak nampak dan kurang menyedarinya. Ini kerana, kita selalu merasakan bahawa rezeki itu hanya dalam bentuk wang ringgit dan material sahaja.

Terdapat segelintir dalam kalangan masyarakat kita yang sering mengeluh kerana tidak mendapat rezeki yang mencukupi untuk menampung keperluan dalam kehidupan seharian walhal ia telah berusaha dengan bersungguh-sungguh. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis-hadis Baginda ada menjelaskan mengapa rezeki seseorang itu terasa kurang dan sempit, antaranya :

Pertama : Tidak mendekati Allah Subhanahu Wata'ala
Sesungguhnya tidak mendekati Allah

Subhanahu Wata'ala merupakan antara penyebab rezeki seseorang itu terasa kurang dan sempit. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menjelaskan di dalam hadis Baginda, bahawa barang siapa yang meluapkan masa untuk mendekati Allah Subhanahu Wata'ala dengan beribadat, nescaya akan dipenuhi dadanya dengan kekayaan dan ditutupi kemiskinannya.

Daripada Abu Hurairah radiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya Allah Ta'ala berfirman : "Wahai anak Adam, luangkanlah masamu untuk beribadat kepada-Ku, nescaya akan Aku penuhi dadamu dengan kekayaan dan akan Aku tutupi kemiskinanmu melainkan jika kamu tidak melakukannya, maka Aku akan masukkan hatimu dengan kesibukan dan Aku tidak akan menutupi kemiskinanmu". (Hadis Qudsi Riwayat Imam Termizi)

Kedua : Kurang bersedekah

Sedekah itu mengundang rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadi antara sebab Allah Subhanahu Wata'ala membukakan pintu rezeki. Daripada Asma radiallahuanha berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

لَا تُؤْكِي فَيُؤْكِي عَلَيْكَ

Maksudnya : "Janganlah kamu tahan (tanganmu dari berinfak (bersedekah) kerana takut miskin), sebab nanti (Allah) menyempitkan rezeki bagimu". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Ketiga : Melakukan maksiat dan dosa

Seseorang itu terhalang dari mendapat rezeki kerana perbuatan dosa dan maksiat yang dilakukannya. Daripada Tsauban Maula Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

إِنَّ الْعَبْدَ لَيَحْرَمُ الرِّزْقَ بِالدَّنْبِ يُصِيبُهُ

Maksudnya : "Seseorang hamba benar-benar terhalang dari rezeki kerana dosa yang dilakukannya". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Jangan pernah kita sekali-kali berasa kecil hati, kecewa mahupun berputus asa dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, sekiranya hidup ini tidak sentiasa berpihak kepada kita ataupun pada saat kita merasakan bahawa hidup dan rezeki kita itu sempit, kembalilah kita kepada Yang Maha Esa, sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala Maha Mendengar

dan Allah Subhanahu Wata'ala adalah sebaik-baik tempat untuk mengadu. Rezeki Allah Subhanahu Wata'ala itu saat luas. Mintalah kepada-Nya. Turutilah segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. InsyaaAllah, rezeki itu akan datang kepada kita.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada mengajarkan doa yang jika dibaca maka doa itu mencakupi urusan dunia dan juga akhirat. Telah mengkhabarkan kepada kami Abu Malik daripada bapanya bahawasanya dia mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda didatangi oleh seorang lelaki dan kemudian lelaki tersebut bertanya, "Ya Rasulullah, apa yang sebaiknya saya ucapkan ketika saya memohon kepada Allah yang Maha Mulia dan Maha Agung?" Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab, ketika kamu memohon kepada Allah, maka ucapkanlah doa berikut :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَعَافِنِي وَارْزُقْنِي
{رواه الإمام مسلم}

Maksudnya : "Ya Allah, ampunilah aku, kasihanilah aku, selamatkanlah aku dan berikanlah rezeki kepadaku".

Rezeki yang kita perolehi itu sebenarnya adalah milik Allah Subhanahu Wata'ala dan meskipun urusan rezeki itu sudah ditetapkan dan ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan merupakan sesuatu yang sudah pasti. Kita masih tetap perlu terus berusaha mencari rezeki bukannya duduk diam dan berpeluk tubuh sahaja. Apa yang penting ialah setiap pekerjaan itu hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh, berlandaskan hukum-hukum syarak, mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.

Apa yang penting dalam mencari rezeki itu ialah membetulkan niat dan tujuan iaitu untuk menanggung dan mencukupi keperluan diri sendiri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungan kita, jika ada rezeki yang lebih maka adalah lebih baik kita bersedekah kepada golongan yang memerlukan. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala memurahkan dan memberkati rezeki kita semua. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu (menjalani kehidupan) maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantainya serta makanlah sebahagian rezeki-Nya dan kepada-Nyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan". (Surah Al-Mulk, ayat 15)

50,658 responden kaji selidik vaksin COVID-19

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Februari. - Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada orang ramai atas penyertaan dalam kaji selidik mengenai penerimaan vaksin COVID-19.

Kaji selidik tersebut telah dijalankan melalui aplikasi BruHealth dari 15 hingga 28 Januari 2021 dan mendapat sejumlah 50,658 responden.

Kaji selidik bertujuan untuk menilai penerimaan vaksin COVID-19 dalam kalangan penduduk dewasa di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan untuk meneroka pandangan, kebimbangan dan ekspektasi orang ramai mengenai vaksinasi.

Kaji selidik tersebut diadaptasi daripada "World Health Organisation Survey guidance data for action : Achieving high uptake of COVID-19 vaccines measuring behavioural and social drivers of vaccination".

Sebilangan besar responden kaji selidik, iaitu 81 peratus responden percaya bahawa mendapatkan vaksin COVID-19 adalah sangat penting atau cukup penting untuk kesihatan mereka.

15 peratus berpendapat bahawa mendapatkan vaksin COVID-19 adalah sedikit penting untuk kesihatan mereka. Sementara itu, hanya empat peratus responden mengatakan bahawa mendapatkan

vaksin COVID-19 itu sama sekali tidak penting untuk kesihatan mereka.

Kaji selidik ini juga meminta responden menunjukkan kemungkinan untuk mengambil vaksin COVID-19 apabila ia sedia ada di NBD.

Sebanyak 59 peratus responden menunjukkan bahawa mereka pasti atau berkemungkinan mengambil vaksin COVID-19. 33 peratus responden tidak pasti akan mengambil pada peringkat ini. Hanya 8 peratus responden melaporkan bahawa mereka pasti tidak akan atau tidak berkemungkinan untuk mengambil vaksin COVID-19.

Selain itu, 84 peratus responden melaporkan bahawa mereka mempercayai cadangan Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan vaksin COVID-19 jika ia disyorkan kepada

mereka.

Individu yang menunjukkan respons positif kepada penggunaan vaksin adalah terdiri daripada mereka yang mengambil vaksin semasa dewasa, mereka percaya bahawa mendapatkan vaksin COVID-19 akan dapat melindungi orang lain, membolehkan perjalanan yang lebih selamat dan bersetuju bahawa vaksin COVID-19 adalah selamat dan berkesan.

Kementerian Kesihatan akan menggunakan hasil daripada kaji selidik itu untuk menangani kebimbangan orang awam dan untuk memperbaiki strategi program vaksinasi COVID-19 bagi memastikan program tersebut akan mencapai sejumlah besar penduduk di NBD, terutama sekali golongan warga emas dan individu yang berisiko tinggi.

Kementerian Kesihatan akan terus membuat penilaian ke atas calon-calon vaksin yang akan digunakan di NBD dan bekerjasama rapat dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan autoriti lain yang berkepentingan di seluruh dunia bagi memastikan bahawa setiap vaksin COVID-19 yang digunakan di NBD adalah selamat dan berkesan.

Bagi mereka yang layak untuk mendapatkan vaksin COVID-19, tindakan untuk mendapatkan vaksin adalah penting bagi melindungi diri kita, keluarga dan masyarakat di negara ini. Sehingga kini, seramai 120 juta orang telah pun mendapatkan vaksin di seluruh dunia dan adalah penting bagi kita semua memainkan peranan untuk mendapatkannya apabila vaksin tersebut sedia ada di NBD.

Kolaborasi padu perlu tangani cabaran keselamatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Simposium Pertama Maritime Security Review (1st Maritime Security Review - MSR) yang diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Teater, Bangunan Jabatan Perdana Menteri menyaksikan agensi-agensi keselamatan negara di bawah Jawatankuasa Kerja

Keselamatan Maritim (JKKM) dan Jawatankuasa Kerja Penguatkuasa Undang-Undang (JKPU) berkolaborasi buat julung kalinya. Bengkel tersebut dilancarkan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat, juga selaku Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Keselamatan Maritim (JKKM).

Terdahulu menerusi ucapan alu-aluannya, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah menekankan keperluan kolaborasi yang padu di antara semua agensi keselamatan dengan pendekatan Whole of Nation dalam menangani cabaran keselamatan.

Dengan bertepatan *re-strategizing our approach* ia memberikan peluang kepada semua agensi keselamatan untuk membuat *reflection* dan merangka strategi masing-masing bertepatan dengan cabaran masa kini dan masa hadapan.

Bengkel tersebut telah dikoordinasikan oleh Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan (PPMK) berserta Sekretariat



ANTARA pegawai kanan dari agensi keselamatan dan ahli-ahli di dalam JKPU dan JKKM yang hadir.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN).

Turut hadir, Pegawai-pegawai Kanan agensi keselamatan dan ahli-ahli di dalam JKPU dan JKKM.



PEMERINTAH ABDB yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Maritim (JKKM) semasa berucap.

COVID-19 : 5 masih dirawat

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) alhamdulillah mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00

tengah hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, sebanyak 180 kes. Dalam Siaran Akhbar

Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 273 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Menurut Kementerian Kesihatan, lima kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes import setakat ini sebanyak 39 kes dan kes yang sembuh adalah seramai 172 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 471 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,413 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 323 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 92,611 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	180		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	5	3	172

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (273 hari yang lalu)	39 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri	
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
471	12,413

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2	
Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
323 sampel	92,611

Kursus Menghalusi Ibadah Solat bersama Al-Minhaaj Centre

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Al-Minhaaj Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Februari. - Kursus Menghalusi Ibadah Solat akan diadakan pada 14 Februari 2021, bagi Sesi 1; dan pada 21 Februari 2021, bagi Sesi 2.

Penyertaan bagi kursus tersebut dibukakan sekarang dan tarikh tutup penyertaan, pada 12 Februari 2021, di mana pembayaran penyertaan adalah sebanyak BND30.

Penyertaan hanya dibukakan kepada 20 peserta terawal sahaja dan buku nota akan disediakan secara percuma semasa menjalani kursus nanti.

Kursus akan diadakan di Raudhah Al-Minhaaj Pengiran Hjh Armah di Kampung Tasek Meradun dan dikendalikan oleh Pengarah Urusan dan Operasi Al-Minhaaj Centre, Daie Bertauliah MUIB, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Untuk keterangan lebih lanjut, sila hubungi talian +673 8626904 atau layari Instagram @alminhaajcentre.

Kursus Menghalusi Solat

Bersama
Ustad Abdul Rahman bin Haji Ajak

Raudhah Al-Minhaaj Pg Hjh Armah,
Lot 118/1188, Kg Tasek Meradun, Jalan Bengkurong.

14hb Feb 2021
Sesi I Jam 8 pagi - 12 tghri
21hb Feb 2021
Sesi II Jam 8 pagi - 12 tghri

"Dalam KUBUR itu gelap. Namun dapat diterangi dengan
Amalan Soleh"

@alminhaajcentre +673 862 6904 alminhaajcentre@gmail.com

NBD-Britain bekerjasama tangani perubahan iklim

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Tahun 2021 merupakan tahun yang penting bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kerajaan Britain kerana masing-masing memegang peranan sebagai Pengerusi ASEAN dan Presidency bagi Persidangan Perubahan Iklim Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN Climate Change Conference - COP26) yang akan berlangsung di Glasgow, Scotland.

Ini memberikan peluang kerjasama di antara NBD dan Britain dalam mendorong seluruh ASEAN untuk bertindak ke atas perubahan iklim dengan segera, dan dalam masa yang sama menyokong NBD dalam menjalankan matlamat perancangan perubahan iklim kebangsaannya sendiri.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Dr. Isabelle de Lovinfosse yang merupakan Ketua Strategi COP26 di Asia Tenggara yang berpusat di Suruhanjaya Tinggi Britain di Republik Singapura semasa sidang media setelah mengadakan perjumpaan bersama pihak-pihak yang berkepentingan dari agensi kerajaan dan swasta serta NGO.

Sidang media yang berlangsung di Piccolo Café itu dihoskan oleh Suruhanjaya Tinggi British di NBD, dan dihadiri oleh

Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Tuan Yang Terutama John Virgoe.

Pada sidang media tersebut, Dr. Isabelle mengongsikan pelbagai strategi dan objektif yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Britain selaku Presidency COP26, antaranya perincian tiga tiang utama (*pillars*) dan lima jenis kempen yang akan menyokong keberkesanan *pillars* tersebut.

Ketiga-tiga *pillar* tersebut ialah *ambition, negotiations* dan *working on climate actions on the ground* merupakan fokus utama pada COP26 nanti, di mana NBD juga akan menyumbang kepada keberhasilan objektif-objektif tersebut dengan sumbangan yang ditentukan secara nasional (Nationally Determined Contributions - NDC).

Menurutnya, NBD sudah pun menerbitkan NDC untuk Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) dengan berkomitmen untuk pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) sebanyak 20 peratus berbanding tahap Perniagaan - Seperti - Biasa menjelang 2030, dan setiap negara perlu bercita-cita untuk mencapai sasaran pengurangan GHG, dan komited untuk mencapai sasaran

net zero emission.

Sementara itu, objektif perundingan ialah bagi setiap kerajaan untuk memberikan kata muktamad bagi pelaksanaan dalam Perjanjian Paris yang telah dipersetujui pada tahun 2015, antaranya memfokuskan kepada protokol dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan cabaran mencapai konsensus dalam isu-isu perbincangan.

Selaku Presidency COP26, Britain akan menggesa negeri-negeri, perniagaan, para belia, bandar-bandar dan kerajaan tahap rendah untuk mempercepatkan usaha mereka terhadap perubahan iklim.

Dalam hubungan ini, Dr. Isabelle mengalu-alukan penerbitan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BDNCCP) pada Julai 2020, dan NDC pada Disember yang lalu, di mana pihak kerajaan berkomitmen kepada 30 peratus tenaga boleh diperbaharui menjelang 2035, dan ini menunjukkan tanda positif yang menunjukkan kehendak untuk beralih kepada sistem yang lebih 'hijau'.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga bercita-cita mencapai sasaran 60 peratus Kenderaan Elektrik (EV) menjelang tahun 2035, dan ini berpadanan dengan dasar dan kempen COP26.

"Dalam masa 15 tahun ini, kami berharap Brunei akan mencapai



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam dan Ketua Strategi COP26 di Asia Tenggara, Dr. Isabelle de Lovinfosse semasa sidang media tersebut.

sasaran tersebut dengan menyasarkan para belia, kerana belia merupakan orang dewasa hari esok, dan bila kita bercakap mengenai perubahan iklim, kita berbicara tentang jangka panjang, oleh itu, kita melihat perubahan tingkah laku jangka panjang, bukan hanya dari segi ekonomi dan teknologi, tetapi juga tingkah laku dan budaya, bagaimana untuk mengubah persepsi perjalanan dan juga pilihan "consumer," jelasnya.

Tuan Yang Terutama turut mengongsikan, perubahan iklim

merupakan keutamaannya bukan hanya kerana Presidency, tetapi kerana ia isu global yang sangat penting dan ia sangat mendesak bagi negara-negara untuk bertindak mengenainya sekarang.

Sebagai penutup, TYT menerima baik pengisytiharan tahun ini sebagai Tahun Tindakan Iklim NBD dan sangat berminat untuk menyumbang kepada usaha tersebut dengan mengadakan beberapa aktiviti menjurus kepada perubahan iklim di Suruhanjaya Tinggi British.

JMK terbitkan 3 buku baharu



KETUA Bahagian Penerbitan dan Penerangan Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha semasa memperkenalkan tiga buku terbitan baharu Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kini menerbitkan tiga buah buku baharu, iaitu Fatwa Mufti Kerajaan 2019; Irsyad Hukum 2019; dan Sembahyang Sembahyang Sunat dan Persoalannya.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan JMK, Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha pada sidang media mengenainya yang diadakan di bangunan jabatan berkenaan.

Jelasnya, Fatwa Mufti Kerajaan 2019 merupakan buku yang

menghimpunkan soalan dan pertanyaan yang diajukan oleh pelbagai pihak serta golongan masyarakat Islam di sepanjang tahun 2019 dan dijawab dalam bentuk fatwa.

Beliau menambah, salah satu ciri khas fatwa berkenaan bukan sahaja memberikan jawapan terhadap persoalan atau permasalahan yang diajukan, tetapi turut memberikan huraian dari pelbagai aspek pandangan ulama-ulama *mu'tabar* Ahli Sunnah Waljamaah, di samping penguraian ciri-ciri ilmu pengetahuan yang penuh dan mudah dihayati.

Antara persoalan yang termasuk dalam buku berkenaan ialah mengenai ibadat sembahyang, puasa, haji dan umrah; persoalan-persoalan muamalat, iaitu jual beli dan wakaf; persoalan kebudayaan, haiwan, pakaian dan perhiasan; dan As-Siyasah Asy-Syar'iyah dan Al-Mutafarriqat.

Manakala Buku Irsyad Hukum 2019 pula menghimpunkan artikel-artikel yang ditulis oleh pegawai-pegawai Bahagian Buhat dan Irsyad, JMK, yang secara keseluruhannya bertujuan bagi menyediakan dan memberikan bimbingan hukum serta panduan kepada umat Islam secara lebih teratur, jelas dan mudah.

Buku berkenaan juga diharap akan dapat menjadi rujukan dalam menghadapi isu-isu berkaitan dalam kehidupan seharian umat Islam, seperti soal ibadat,

muamalat, Al-Ahwal, Asy-Syakhshiyah, Al-Faraidh, Akhlak, Doa, Wirid dan Zikir.

Sementara itu, buku Sembahyang Sembahyang Sunat dan Persoalannya pula mengandungi artikel-artikel kompilasi Irsyad Hukum mengenai Sembahyang Sunat yang sememangnya tidak boleh dipandang ringan kerana ia mempunyai fadilat yang besar.

Kandungan buku berkenaan diharap akan dapat membantu memberikan jalan penyelesaian terhadap masalah dan persoalan yang sering menjadi tanda tanya, khususnya tentang

Sembahyang-sembahyang Sunat seperti Sembahyang Hari Raya, Sembahyang Witir, Sembahyang Sunat Tawaf dan seumpamanya.

Ketiga-tiga buku terbitan terbaharu JMK ini sememangnya mempunyai nilai ilmu yang tersendiri dan amat bermanfaat untuk dikongsikan serta disebarluaskan dalam kalangan umat Islam sebagai panduan ke arah kesempurnaan ibadah dan kehidupan seharian.

Orang ramai yang berminat untuk membeli buku-buku berkenaan boleh berkunjung ke Kedai Buku JMK pada waktu bekerja.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai **program pemeriksaan kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH
PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Samaratlah Rakan Awda



DAYANG Izzati Shamina binti Sufri, Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam Ekonomi Gunaan dan Kewangan di UTB.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei

TUNGKU LINK, Jumaat, 5 Februari. - Etos (ciri utama) Universiti Teknologi Brunei (UTB) adalah berdasarkan pada idea pengajaran yang berkesan, pendekatan langsung dan program berasaskan industri, yang melengkapi pelajar dengan pengetahuan dan kepakaran yang relevan untuk membantu mereka cemerlang dalam kehidupan setelah tamat pengajian.

Prinsip panduan ini telah membantu UTB menghasilkan graduan yang sangat bernilai dan dihargai oleh majikan tempatan dan organisasi antarabangsa.

Pada masa yang sama, para lulusan juga dilengkapi dengan kemahiran keusahawanan yang membolehkan mereka memimpin perniagaan mereka sendiri.

Menurut tinjauan yang dilakukan oleh Unit Bimbingan

Kerjaya, UTB mengenai kadar keboleherjaan lulusan UTB, menunjukkan bahawa kadar pekerjaan untuk tahun 2020 adalah 72 peratus, yang menandakan peningkatan sebanyak 12.5 peratus daripada 59.5 peratus yang dicatatkan pada tahun 2019.

Menurut Pegawai Bimbingan Kerjaya UTB, Dayang Hajah Halimah binti Datuk Haji Mohd. Kassim, para graduan juga terlibat secara aktif dengan aktiviti perkembangan kerjaya dengan menghadiri ceramah kerjaya dari rakan industri, klinik kerjaya atau bengkel dan sesi dialog yang dianjurkan oleh universiti tersebut, di mana tumpuan khusus diberikan dalam menghasilkan para pelajar sebagai individu 360 *degree plus*.

Seorang lagi Penganalisis Penyelesaian dan Peminat Teknologi, Awang Muhammad

Idea pengajaran, pendekatan langsung bantu pelajar UTB

Amin bin Haji Fauzul, yang lulus dari UTB dengan Kepujian Kelas Pertama dalam Sarjana Muda Sains dalam Pengkomputeran yang ditawarkan jawatan dalam syarikat telekomunikasi terkemuka menyatakan beliau mengutamakan pembelajaran bebas, pemikiran kreatif dan kemahiran menyelesaikan masalah yang dipupuk melalui pembelajaran interaktif di luar kelas. Ini membantunya untuk bersaing dengan graduan dari universiti lain ketika mendapatkan pekerjaan sebagai IT kerana pasaran pekerjaan memerlukan mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan praktikal dalam pelbagai bidang.

Bagi Awang Abdul Harith bin Abdul Wahab dan Awang Abdul Hafiz bin Abdul Wahab yang memperoleh ijazah dari universiti yang sama mengongsikan impian mereka untuk mendapatkan kerjaya impian di Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP).

Kedua-duanya aktif menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum dan pertandingan bersama-sama semasa dalam pengajian termasuklah Shell Eco Marathon Asia, Majlis Badan Pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, pasukan Dodgeball dan banyak lagi.

"Asas-asas kawalan dan automasi yang saya gunakan semasa saya di UTB membantu saya dalam tugas seharian dalam memastikan instrumen lapangan berfungsi dengan baik untuk menjaga proses keselamatan," tambah Awang Abdul Hafiz.

Begitu juga bagi Dayang Izzati Shamina binti Sufri yang mengikuti jejak langkah datuknya, kini mempunyai misi untuk membina semula soto 'air tangan' datuknya, Soto Haji Tuah. Semasa tahun keduanya mengambil Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam Ekonomi Gunaan dan Kewangan di UTB, beliau sudah bersedia untuk mengambil langkah dengan membuka cabang pertamanya ketika belajar.

"Mempelajari pemasaran, ekonomi, undang-undang

perniagaan, kewangan dan komunikasi di UTB telah menjadi pengalaman transformasi bagi saya di mana saya dapat menerapkan pengetahuan dan kemahiran ketika menguruskan perniagaan. Saya tidak akan pergi dengan lebih jauh dengan apa yang telah dipelajari di UTB," jelasnya

dengan penuh bersemangat.

UTB telah membentuk beliau untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya dengan memberikan pengalaman dan kesabaran melalui kerja keras kerana tegasnya, setiap yang sukar itu akan menjadi mudah pada akhirnya.

Borang Kemasukan Pra U 1 SMALHB berakhir 8 Februari

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan kepada ibu bapa / penjaga bahawa Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bolkia (SMALHB) melalui Jabatan Pengajian Islam, KHEU sedang mengagihkan Borang Kemasukan bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran Pra U 1 ke SMALHB yang bermula Khamis, 28 Januari 2021 yang lalu.

Sehubungan dengan itu, tarikh akhir mengembalikan borang ialah pada Isnin, 25 Jamadilakhir 1442 Hijrah bersamaan 8 Februari 2021 Masihi, jam 3.00 petang.

Dalam hal ini, para pelajar yang akan mengembalikan borang adalah diingatkan untuk memastikan borang diisi dengan lengkap dan betul, memastikan salinan dokumen-dokumen yang diperlukan adalah tersusun dan lengkap juga mematuhi arahan dan SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Kanser beri kesan terhadap individu, keluarga, negara

Dari muka 6

Inti pati forum juga menggariskan mengenai jenis-jenis rawatan kanser adalah pembedahan, Rawatan Kemoterapi, Radioterapi, Immunoterapi dan juga rawatan hormon untuk sesetengah kanser.

Dua matlamat tujuan rawatan, iaitu kesembuhan (*curative*), iaitu pesakit sembuh 100 peratus dan juga paliatif (menahan kanser), di mana pesakit hidup lebih lama dan beban kanser, seperti lemah lesu, kesakitan, sesak nafas dan benjolan berkurangan.

Beban kanser yang dihadapi memberi kesan pada individu, keluarga dan juga negara. Jika kanser peringkat awal, boleh kembali bekerja, belajar dan juga menjaga anak. Manakala kanser peringkat IV memerlukan rawatan secara berterusan. Bukan itu sahaja, ia juga melibatkan kos tinggi dari segi kewangan, mental dan fizikal pesakit dan penjaga, kehilangan tenaga pekerja, ibu dan juga anak.

Kesan sampingan rawatan, antaranya pesakit diberitahu matlamat setiap rawatan, termasuk kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku dengan maklumat lisan dan bertulis, mendapat kebenaran untuk merawat (*consent*), pemantauan semasa dan selepas rawatan.

Jika berlaku kesan sampingan, dos rawatan akan dikurangkan atau rawatan dihentikan.

Dari segi pemantauan (*surveillance*) pula, beberapa perkara akan dijalankan, seperti memeriksa tubuh badan (fizikal), pemeriksaan payudara dengan mamografi setiap tahun, memastikan pesakit mengambil ubat hormon (jika ada) dan kesan sampingan.

Pesakit juga akan ditanya jika ada petanda-petanda atau simptom yang meragukan, antaranya sakit tulang, pening kepala, susut badan dan juga memberi nasihat mengenai menjaga kesihatan serta pengawasan mental dan seksual pesakit.

Forum dimoderatkan oleh Pengarah Pusat Pengajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman bin Haji Salim.



AWANG Muhammad Amin bin Haji Fauzul yang lulus dari UTB dengan Kepujian Kelas Pertama dalam Sarjana Muda Sains dalam Pengkomputeran (kiri), manakala gambar kanan, Awang Abdul Harith bin Abdul Wahab dan Awang Abdul Hafiz bin Abdul Wahab yang kini masing-masing bekerja di Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP).



DARI MAHKAMAH

Reman : Kes didengar semula 18 Februari ini

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Perbicaraan terhadap kes Awang Mas Fadillah bin Ibrahim yang disyaki terlibat

di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 diteruskan petang tadi di Mahkamah Majistret.

Oleh :
Nooratini Haji Abas

Majistret Kanan, Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman melanjutkan tahanan reman selama dua minggu ke atas Awang Mas Fadillah (defendan) dan juga menetapkan kes tersebut disebut semula pada 18 Februari 2021, jam 2.00 petang.

Awang Mas Fadillah, berumur 32 tahun disyaki terlibat di dalam aktiviti pengedaran dadah semasa berada di dalam dua buah kereta yang berasingan di kawasan lapang letak kereta di Flat Kerajaan, Kampung Sinarubai.

Defendan memiliki dadah terkawal, iaitu Dadah Kelas 'A' Methylamphetamine, iaitu sebanyak 1.2 kilogram bagi tujuan mengedar dan jika didapati bersalah, defendan boleh dihukum gantung hingga mati di bawah Seksyen 3A bagi Akta Penyalahgunaan Dadah Bab 29.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah 'Adzimah Mukarramah binti Haji Salleh manakala pihak defendan diwakili oleh Pengiran Muhammad Khairul Nizam bin Pengiran Haji Mohd. Yassin dari Yusof Halim and Partners.

**KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH**

NASIHAT KEPADA PENIAGA MAKANAN UNTUK MENGURANGKAN PENYEBARAN COVID-19

 Amalkan kebersihan diri yang baik semasa mengendali makanan.	 Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air selama tidak kurang dari 20 saat.	 Kerap mencuci dan menyah-kuman semua permukaan tempat kerja. Gunakan sabun pencuci atau pembersih yang mengandungi 60-70% alkohol.
 Menyediakan sanitiser tangan bagi pelanggan yang masuk dan keluar dari premis makanan.	 Amalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1-2 meter. Elakkan berhubung rapat dengan sesiapa yang tidak sihat.	 Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) seperti penutup muka & sarung tangan boleh mengurangkan penyebaran COVID-19 jika digunakan dengan betul.
 Amalkan kebersihan respiratori yang baik. Tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin. Buang tisu dan cuci tangan.	 Pengendali makanan yang tidak sihat hendaklah memaklumkan pengurusan & tidak bertugas. Jika perlu, hubungi talian 148 untuk mendapatkan nasihat kesihatan.	 Sediakan garis panduan pengurusan kakitangan yang tidak sihat. Ini termasuk panduan bagi kakitangan yang mula jatuh sakit semasa bertugas di premis makanan.

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn

HALUAN

Dari muka 2

Para pelajar perlu dilengkapkan dengan kemahiran Abad Ke-21

Kementerian Pendidikan adalah mengambil berat akan pembangunan kapasiti para guru untuk menghadapi perubahan penyampaian pengajaran digital. Melalui Akademi Pemimpin dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA), beberapa inisiatif pembangunan profesional seperti Technologically Enhanced Learning Environment (TELE) telah diperkenalkan untuk meningkatkan kesediaan digital para guru khususnya kepada kemampuan guru untuk mengajar secara dalam talian dan menyampaikan kurikulum Abad Ke-21. Dalam pada itu, satu wadah bagi para guru dan pemimpin sekolah berkongsi dan mengakses inisiatif terkini, sumber digital dan amalan terbaik dalam pendidikan, Ruang Guru (Teachers' Lounge) dan Ruang Pemimpin Sekolah (School Leaders' Lounge) secara virtual telah disediakan pada tahun 2020.

Menyentuh pula mengenai pengurusan perkembangan kerjaya dan profesional guru, Jabatan Pengurusan Pendidik (JPP) adalah :

i. Sedang giat merangka dan melaksanakan latihan khusus untuk para pemimpin sekolah dalam menangani krisis, menyesuaikan diri dengan perubahan serta memantau kesejahteraan guru, pelajar dan warga sekolah;

ii. Adalah dalam proses melaksanakan pemilihan dan pengambilan guru baharu untuk memastikan pembekalan guru berkualiti tinggi;

iii. Akan terus mengkaji semula program latihan awal perguruan bagi memastikan program-program ini dapat menghasilkan guru yang berkemampuan untuk menyampaikan kurikulum Abad Ke-21; dan

iv. Akan mengukuhkan program latihan di Akademi Pemimpin dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) dan mengkaji semula trek kerjaya guru ke arah trek kerjaya yang lebih jelas dan progresif.

Semua usaha-usaha ini adalah selaras dengan salah satu objektif strategik dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan

2018-2022 iaitu mentransformasikan sumber tenaga manusia yang ada ke arah budaya yang berasaskan prestasi.

Ke arah memastikan kelancaran pengajaran dan pembelajaran serta memastikan persekitaran institusi-institusi pendidikan berada di tahap yang kondusif dan selamat, sukacita dikongsi bahawa Facilities Management yang telah diperkenalkan di Kementerian Pendidikan mulai tahun 2019 kini telah dilartakan kesemua sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam serta pejabat di seluruh negara (empat daerah).

Perlaksanaan projek ini juga telah dijadikan salah satu inisiatif yang mendukung Fiscal Consolidation Programme di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi memandangkan potensi penjimatan perbelanjaan berbanding kontrak konvensional. Di samping itu juga, projek ini juga telah mampu menjana peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat di mana sejumlah tenaga kerja tempatan telah diambil bekerja bagi memenuhi jawatan di peringkat pengurusan, teknikal, pentadbiran dan perkhidmatan pembersihan (*janitorial*).

Inisiatif strategik ini adalah mendukung satu lagi objektif strategik Kementerian Pendidikan iaitu untuk menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti.

Salah satu inisiatif strategik lain yang berkaitan ialah pelaksanaan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3) dalam menyokong pembentukan masyarakat yang berasaskan pengetahuan bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Pusat L3 ini berperanan sebagai Pusat Maklumat Setempat (*One-stop Information Centre*) bagi program dan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat dari pelbagai pembekal latihan (*training providers*) dan diusahakan dengan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan. Kementerian Pendidikan juga

bekerjasama rapat dengan Manpower Planning and Employment Council (MPEC) untuk memastikan program-program yang ditawarkan adalah kompetitif dan dapat memastikan para pelajar mempunyai kebolehpasaran (*employability*). MPEC juga berperanan besar dalam menyediakan bantuan dana sumber tenaga manusia (Human Resource Development Fund) yang ditawarkan kepada pencari pekerjaan tempatan, para pekerja di sektor swasta dan juga kepada para syarikat yang berminat menawarkan latihan kepada para pekerja mereka.

Inisiatif-inisiatif strategik yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan juga meliputi peringkat pengajian tinggi. Pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam melahirkan kualiti pelajar dan graduan yang berkemahiran tinggi dan memenuhi kehendak pasaran.

Pelbagai pencapaian cemerlang telah dikecapi di peringkat universiti di mana Universiti Brunei Darussalam (UBD) buat julung kalinya pada tahun 2020 telah memecah masuk carta 'The Times Higher Education (THE)' di kedudukan ke-60 di Asia. Dalam pada itu, UBD juga meneruskan lagi kecemerlangan mereka dalam QS World University Rankings, di mana kedudukannya melonjak naik ke-254 di seluruh dunia pada tahun 2021.

Universiti Teknologi Brunei (UTB) juga telah meningkatkan kedudukannya di QS World University Rankings 2021 pada posisi ke-350.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pula telah memenangi Anugerah Kewangan Islam Global 2020 (GIFA 2020) bagi Kategori Anugerah Kepimpinan Pasaran GIFA 2020. InsyaaAllah, pencapaian ini akan dapat menjadi pemacu kepada usaha yang lebih besar bagi UNISSA menyumbang kepada pembangunan bidang perbankan dan kewangan Islam di negara ini.

Semua kejayaan ini adalah pengiktirafan antarabangsa terhadap keupayaan universiti-universiti tempatan

dari segi akademik, penyelidikan, reputasi majikan, nisbah pelajar dan sebagainya.

Di peringkat pengajian teknikal dan vokasional pula, kemasukan pelajar ke Politeknik Brunei (PB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) adalah semakin bertambah dan kompetitif setiap tahun. Ini adalah hasil dari penawaran kursus dan kurikulum yang sejajar dengan kehendak industri dan pasaran pekerjaan melalui kerjasama rapat dengan pihak berkepentingan khususnya MPEC.

Sebagai penutup, penglibatan berterusan Ahli-ahli Yang Berhormat, para ibu bapa, penaja dan masyarakat, adalah amat diperlukan sepertimana yang dapat kita alami semasa mengharungi pandemik COVID-19. Marilah kita bersama-sama mendukung misi Kementerian ini 'Untuk Memberikan Pendidikan Holistik Bagi Mencapai Potensi Sepenuhnya Untuk Semua' bagi mencapai visi 'Pendidikan Berkualiti, Negara Dinamik'.

Peramba / kaola / saya yakin pada pagi ini kita akan dapat bercambah fikiran dengan penuh muhibah agar apa jua isu-isu yang disampaikan, insyaaAllah, akan dapat diambil perhatian yang sewajarnya demi melahirkan generasi Brunei yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, lagi berpegang teguh dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Akhir kata, bagi pihak Kementerian Pendidikan, peramba / kaola / saya sekali lagi menjunjung kasih / mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas keberangkatan / kesudian Ahli-ahli Yang Berhormat hadir pada Sesi Muzakarah ini. Semoga permuakarah kita pada pagi ini akan dapat memberikan keberkatan ilmu dan manfaat kepada kita semua, serta mendapat rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian
Walhidayah Warahmatullahi
Wabillahit Taufik Wassalamualaikum Wabarakatuh.

Ambil langkah proaktif kesan kanser

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Ihsan Pusat Pakar Pantai Jerudong

JERUDONG, Khamis, 4 Februari. - Hari Kanser Sedunia disambut pada 4 Februari setiap tahun di seluruh dunia dengan tujuan utamanya untuk meningkatkan kesedaran terhadap barah dan untuk mendorong pencegahan, pengesanan dan rawatan awal.

Sehubungan itu, dalam menyokong Hari Kanser Sedunia, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) hari ini menganjurkan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kanser Sedunia 2021 bertempat di Lobi Lantai 2, pusat berkenaan, di sini.

Antara yang hadir, Pengarah PJSC, Dato Seri Laila Jasa Dr. Babu Sukumaran yang juga selaku Pengarah Pusat Kanser Brunei (TBCC); dan Duta Goodwill PJSC, Wu Chun yang juga selaku Penyampai bagi Kesedaran

Kanser. Pengarah Eksekutif PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, kemunculan wabak COVID-19 pada separuh pertama tahun 2020 telah memberi kesan langsung kepada penjagaan kanser di seluruh dunia memandangkan kebanyakan negara menumpukan perhatian untuk menangani masalah wabak tersebut dan mengalih sumber yang sangat diperlukan untuk penjagaan kanser.

Tambahnya, di Negara Brunei Darussalam, rawatan bagi pesakit kanser terus diberikan di PJSC tanpa gangguan perkhidmatan dan menerapkan norma baharu dengan pelaksanaan pengimbasan termal pesakit, langkah-langkah penjarakan sosial dan sekatan

selaras dengan Garis Panduan Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun tambahnya, perkhidmatan pengesanan dan pencegahan barah awal ditangguhkan selama beberapa bulan pada hari-hari awal wabak COVID-19 tetapi telah disambung semula pada separuh kedua tahun lalu.

Menurutnya lagi, sikap kewaspadaan dan mematuhi tanggungjawab sosial terus dilaksanakan, dan kini semua perkhidmatan rawatan dan kawalan kanser dapat dijalankan seperti biasa.

Beliau seterusnya menjelaskan, pada tahun ini PJSC sebagai sebuah pusat perubatan pakar, dengan sokongan TBCC dan sokongan padu daripada Perkhidmatan Pencegahan Kanser Dan Pengesanan Awal (EDCPS) akan mengambil langkah proaktif dengan mengadakan aktiviti yang bertujuan bagi mendidik, mengesan dan mengelak kanser dengan kerjasama rakan-rakan kongsi lain.

Majlis kemudian diteruskan dengan persembahan muzikal dan koir dengan tema 'An Expression of Support Through Music And Songs For World Cancer Day' yang

disampaikan oleh Expression Music Academy dan kakitangan TBCC bagi menyokong para pejuang pesakit kanser dan pesakit yang selamat melalui muzik dan lagu.

Bagi memperingati Hari Kanser Sedunia 2021, bangunan PJSC dinyalakan dengan lampu-lampu berwarna biru dan oren yang menjadi tema warna Hari Kanser Sedunia.

Pelbagai aktiviti akan diadakan sepanjang Sambutan Hari Kanser Sedunia 2021 antaranya Larian Virtual 'I Am and I Will' dan Hari Hujung Minggu Kanser Sedunia yang dijangka akan berlangsung pada 28 Februari 2021 di Kompleks Yayasan.

Kempen 'I Am and I Will' mengingatkan orang ramai bahawa kekuatan kerjasama dan tindakan kolektif yang berkekal penting agar penduduk di dunia akan lebih sihat dan cerah tanpa kanser.

Negara Brunei Darussalam melalui PJSC, berikrar untuk berdiri dalam perpaduan dengan negara-negara lain dan bersatu untuk menyokong komuniti kanser dan mengurangkan beban penyakit tersebut.

TBCC akan meneruskan misinya untuk mencapai dalam



PENGARAH Eksekutif PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar ketika menyampaikan ucapan.

memberikan maklumat yang lebih baik mengenai kanser, risikonya dan bagaimana kita dapat mengurangkan peluang daripada menderita di mana pencegahan selalu lebih baik daripada mengubati.

Untuk maklumat lanjut, hubungi PJSC menerusi enquiries@pjscbrunei.com atau +673 2613333 sambungan 1055.



DUTA Goodwill PJSC, Wu Chun yang juga selaku Penyampai bagi Kesedaran Kanser semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang pelajar dari Expression Music Academy (atas). Manakala gambar kanan, persembahan koir sempena Sambutan Hari Kanser Sedunia 2021.



Jadikan membaca Al-Quran amalan harian



PEMANGKU Ketua Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa menyampaikan hadiah pada Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi (kiri dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Awang Syaharuddin bin Haji Md. Seriwani wakil dari Balai Ibadat Mukim Saba muncul juara Kategori 'A' (Lelaki) bagi Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat

Seluruh Negara Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi dengan memungut markah sebanyak 94.6 peratus.

Dengan memperoleh markah sebanyak 96.5 peratus, wakil dari Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kiudang, Dayang Tara' Wfirah binti Sharnizan memenangi tempat pertama bagi

Kategori Perempuan.

Sementara bagi Kategori 'B' pula, Awangku Muhd. Alifuddin bin Pengiran Ghani dan Dayang Nur Syakirah Najwa binti Sophiana masing-masing mendapat gelaran juara.

Manakala wakil dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Masjid Kampung Pulaie masing-masing memperoleh markah sebanyak 92.5 dan 93.8 peratus.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara, Pemangku Ketua Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Seramai 36 peserta mengikuti pertandingan kali ini yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori 'A' bagi mereka berumur 7 hingga 9 tahun,

manakala 10 hingga 12 tahun bagi Kategori 'B'.

Pertandingan tersebut merupakan sebahagian daripada usaha untuk memupuk semangat dalam kalangan murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara agar celik Al-Quran serta menjadikannya sebagai satu amalan harian yang berpanjangan.

Pertandingan tersebut julung-julung kalinya diadakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), melalui Unit Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Antara tujuan pertandingan ini dijalankan adalah untuk melahirkan kanak-kanak yang boleh membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna kerana ia merupakan salah satu rukun di dalam sembahyang.

Di samping itu, sebagai galakan bagi kanak-kanak mengamalkan membaca Al-Quran secara harian, ia juga dihasrat untuk meramaikan mereka celik Al-Quran dan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum.

Pertandingan seumpama ini akan dapat menampilkan para peserta yang berbakat dalam pelbagai bidang, selain mencungkil bakat masing-masing, sekali gus menjadikan Al-Quran sebagai teman kehidupan serta lebih ramai kanak-kanak berminat mengikuti sebarang aktiviti masjid, khususnya kelas Al-Quran dan Muqaddam.

EPT 2021 dalam talian bermula 15 Februari ini



KETUA Bahagian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee (tengah) semasa Sidang Media berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto dan Infografik : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman, Ihsan Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Ekspo Pengajian Tinggi (EPT) 2021 buat julung-julung kalinya akan diadakan secara dalam talian mulai 15 hingga 21 Februari 2021, dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Ekspo yang diadakan secara dalam talian ini adalah sebagai landasan alternatif kepada ekspo bersemuka bagi mematuhi garis panduan dari Kementerian Kesihatan dalam menangani pandemik COVID-19, iaitu mengelakkan perkumpulan secara besar-besaran serta mengamalkan penjarakan sosial dan fizikal.

Ketua Bahagian Pengajian Tinggi, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee selaku Pengerusi Ekspo Pengajian Tinggi (EPT) 2021 menjelaskan perkara tersebut semasa Sidang Media EPT 2021 yang berlangsung di Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, tahun ini

merupakan kali ke-6 EPT tersebut diumumkan oleh Kementerian Pendidikan dengan fokus utama untuk menjadi Pusat Informasi Sehati (One Stop Information Centre) Pengajian Tinggi yang akan menyatukan semua institusi pengajian pasca menengah, Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta serta agensi-agensis sektor pendidikan dalam negara yang berkaitan di bawah satu platform bagi memberikan gambaran mengenai landskap pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi yang terdapat di negara ini.

Ekspo ini tambahannya, juga bertujuan bagi mewujudkan suasana Real Life Time, seperti EPT yang lalu untuk memberikan peluang kepada orang ramai berinteraksi secara sembang langsung (*live chat*) dan persidangan video (*video conferencing*) bersama pihak peserta ekspo.

"Ekspo ini akan membarigakan

pelbagai laluan (*multiple pathways*) ke pengajian tinggi dan peluang-peluang pendidikan yang sedia ada di dalam negara. Ekspo ini diharap akan dapat memudahkan pelajar-pelajar yang berhasrat untuk meniggi tahap pengajian dengan berinteraksi secara langsung bersama pihak institusi-institusi dan agensi-agensis pendidikan yang berkenaan," ujarnya.

Sebanyak 27 buah IPT, agensi perkhidmatan pendidikan dan juga agensi-agensis kerajaan dan swasta lain yang berkaitan akan menyertai ekspo pada tahun ini, iaitu sebanyak 13 buah IPT awam dan swasta dalam negara, dan 14 buah agensi kerajaan dan swasta.

IPT awam yang akan menyertai ekspo tersebut, termasuk Universiti Brunei Darussalam; Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Universiti Teknologi Brunei; Politeknik Brunei; dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Manakala Laksamana College of Business; Kolej International Graduate Studies; Cosmopolitan College of Commerce & Technology; Micronet International College; Kemuda

Institute; BICPA - FTMS Accountancy Academy Sdn. Bhd.; Mahakarya Institute of the Arts; dan HADtech College adalah di antara IPT swasta yang akan menyertai ekspo tersebut.

Institusi - institusi tersebut akan memperkenalkan program-program yang akan ditawarkan, syarat-syarat kemasukan, tatacara pendaftaran dan segala maklumat yang berkaitan dengannya.

Kementerian Pendidikan pula akan membarigakan maklumat-maklumat terkini yang berkaitan seperti Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi atau Higher Education Centralized Admission System (HECAS), Biasiswa-biasiswa Kerajaan serta permohonan bagi mendapatkan pengiktirafan kursus / kelulusan dan sebagainya.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan akan diwakili oleh Bahagian Pengajian Tinggi; Bahagian Biasiswa; Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan; Jabatan Pengurusan Pendidik; Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat; serta Unit Perkembangan Karier, Jabatan Sekolah-Sekolah.

Turut serta dalam ekspo ini adalah dari agensi-agensis kerajaan yang terdiri dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Unit Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan dan Unit Elau Pelajar, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Manakala agensi-agensis swasta akan disertai oleh Brunei Shell

Petroleum Co. Sdn. Bhd. dan Agensi-agensis Perkhidmatan Pendidikan seperti Findlay (B) Sdn. Bhd.; Paradigm Scholar Agency; HRD Services; dan MEG Educational Services.

EPT kali ini juga akan mengadakan aktiviti, seperti Webinar dari beberapa buah institusi pendidikan dan persatuan tempatan secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom, antaranya tatacara permohonan HECAS, peluang-peluang tawaran biasiswa, program-program baharu yang diperkenalkan oleh IPT, *success story* daripada graduan dan sebagainya.

Ekspo ini dibukakan kepada orang awam, khususnya bagi lepasan menengah dan pra universiti, iaitu Lulusan Brunei G.C.E. 'O' Level dan 'A' Level atau kelulusan yang sebanding dengannya yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, seperti program-program National Technical Education Certificate (NTec); Higher National Technical Education Certificate (HNTEC); Diploma; Ijazah Sarjana Muda; Ijazah Sarjana; dan Ijazah Kedoktoran, dan juga mereka yang ingin mengembangkan kemahiran secara *upskilling* (meningkatkan kemahiran yang ada) dan *reskilling* (mempelajari kemahiran baharu yang lain).

Orang ramai yang berhasrat untuk menyertai ekspo tersebut boleh membuat pendaftaran secara dalam talian (*online*) melalui portal EPT di <https://heexpo.moe.gov.bn> mulai Isnin, 8 Februari 2021, jam 9.00 pagi.




BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Pengambilan Pusingan Pertama (HECAS) 2021 secara dalam talian (*online*) bagi kemasukan ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Politeknik Brunei; dan permohonan Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri di bawah kendalian Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan bagi tahun akademik 2021 / 2022 akan bermula pada Isnin, 8 Februari 2021, jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada Sabtu, 27 Februari 2021, jam 10.00 pagi.

Ketua Bahagian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee selaku Pengerusi Ekspo Pengajian Tinggi (EPT) 2021 mengumumkan perkara itu pada Sidang Media yang berlangsung di Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, kursus-kursus yang

ditawarkan adalah di peringkat Ijazah Pertama, Diploma Tertinggi Kebangsaan dan Diploma Level 5.

"HECAS dibukakan kepada pemegang kad pintar Brunei Darussalam yang sah, iaitu kad pintar yang berwarna Kuning, Ungu atau Hijau. HECAS tidak memproses permohonan di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan atau permohonan orang asing yang tidak mempunyai kad pintar yang tersebut di atas. Pemohon boleh memakai keputusan yang diramal (*predicted result*) untuk memohon ke IPTA (UBD, UNISSA dan UTB) atau permohonan Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri di bawah kendalian Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan. Pemohon yang berjaya akan diberi tawaran bersyarat (Conditional Offer) oleh institusi berkenaan," jelasnya.

Sebelum tarikh tutup HECAS, pemohon yang telah lengkap mengisi permohonan HECAS secara dalam talian adalah dikehendaki untuk membuat

pembayaran tertunggak melalui aplikasi BIBD Mobile atau secara tunai di kaunter pembayaran di kaunter-kaunter, iaitu di Tingkat 1, Blok 'B', Unit Tunai dan Hasil, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan; Pusat Tingkatan Enam Tutong; Pusat Tingkatan Enam Belait; dan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong.

Selain itu, mematuhi keperluan IPTA dan Bahagian Biasiswa yang dinyatakan dalam Institution Checklist.

Bagi keterangan lanjut, layari Laman Sesawang Kementerian Pendidikan di <http://moe.gov.bn> atau Laman Sesawang HECAS yang baharu di hecas.moe.gov.bn.

Untuk sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui e-mel di ask.hecas@moe.gov.bn atau melalui talian +673 2381992 atau +673 2381224 semasa waktu pejabat.

Berita dan Foto : Aimi Sani

PPPBD hulur sumbangan derma

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Dalam sama-sama membantu meringankan beban golongan yang memerlukan, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) menyerahkan sumbangan derma berupa wang tunai kepada 16 orang murid yang memerlukan bantuan daripada lapan buah sekolah rendah, hari ini.

Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada golongan memerlukan (Projek Titian Kasih 2021) yang berlangsung di Ibu Pejabat PPPBD, Kampung Anggerek Desa itu dihadiri oleh Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim.

Seramai 16 orang murid menerima sumbangan tersebut yang terdiri daripada lapan buah sekolah di mana dua orang murid bagi setiap sekolah rendah menerima sumbangan derma yang diperuntukkan untuk membeli baju sukan sekolah.

Sekolah-sekolah rendah tersebut terdiri dari Sekolah Rendah Delima Satu; Sekolah Rendah Berakas Garison; Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata Gadong; Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49; Sekolah Rendah Haji Mohammad Jaafar Maun Kiulap; Sekolah Rendah Panglima Barudin Limau Manis; Sekolah Rendah Katok 'B' dan Sekolah



KETUA Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim semasa menyampaikan sumbangan derma bagi Projek Titian Kasih 2021 kepada salah seorang guru bagi murid-murid yang memerlukan bantuan (kiri). Manakala gambar kanan, Dayang Hajah Siti Hafsa semasa menyampaikan hadiah kepada Dayang Hana Zahra Sofiya binti Mohammad Nazri dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang mendapat tempat pertama bagi Peraduan Melukis.

Rendah Dato Mohd. Yassin Menteri.

Majlis antara lain bertujuan untuk mendedahkan ahli-ahli akan budaya berkhidmat kepada masyarakat terutamanya kepada yang memerlukan bantuan serta sumbangan dan pada masa yang sama memupuk dan memantapkan sifat-sifat jati diri, disiplin dan semangat kerja berpasukan melalui projek serta aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan persatuan.

Majlis Penyampaian tersebut disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa kepada guru-guru Besar atau wakil-wakil guru besar sekolah berkenaan.

Acara kemudiannya diselenggarakan penyampaian hadiah kepada peserta-peserta Peraduan Melukis Pandu Puteri Tunas PPPBD 2020.

Peraduan melukis tersebut telah diadakan pada Disember 2020 dan disertai oleh seramai 21 orang



Pandu Puteri Tunas dari lima buah sekolah rendah dan Ibu Pejabat PPPBD sendiri.

Ia diadakan bersempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2020 yang membawa

tema 'Bayangkan Semua Dunia Yang Lebih Baik' dan bertujuan untuk mencungkil bakat Pandu Puteri Tunas dalam bidang lukisan selain mempromosi daya kreativiti mereka.

Lebih 50 muallaf sertai Bengkel Surah Al-Fatihah



Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Jumaat, 5 Februari. - Surah Al-Fatihah merupakan pembuka Al-Quran yang memiliki banyak faedah, fadilat dan pengertian yang sangat agung sebagai bukti pengabdian diri seorang hamba terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Pusat Ilmu Teras menerusi Mahasiswa Pasca Siswazah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Unit Tarbiyyah, Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) menganjurkan Bengkel Surah Al-Fatihah bagi muallaf yang berlangsung di Dewan Serbaguna, PDI, hari ini, di sini.

Bengkel selama satu hari itu menyaksikan penyertaan lebih 50 orang saudara baharu yang bertujuan bagi membawa para

BENKEL Surah Al-Fatihah bagi muallaf dikelola oleh Pusat Ilmu Teras menerusi Mahasiswa Pasca Siswazah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Unit Tarbiyyah, Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

saudara baharu (muallaf) bagi sama-sama mengenali, memahami dan menghayati makna-makna ayat yang terdapat pada Surah Al-Fatihah di bawah bimbingan seramai 10 orang pembimbing daripada KUPU SB.

Antara pengisian bengkel pada sebelah pagi ialah pertunjukan pembacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan Taddabur Surah Al-Fatihah dan pembacaan secara *murattal*. Manakala pada sebelah petang para peserta akan menjalani sesi praktikal membaca Surah Al-Fatihah secara bertalaqqi dan persembahan wakil peserta.



LEBIH 50 saudara baharu menyertai Bengkel Surah Al-Fatihah tersebut.

Bengkel kenderaan tidak berdaftar diperiksa

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



BENKEL Kenderaan yang menjadi sasaran Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang (LED), Jabatan Buruh dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) baru-baru ini melaksanakan Operasi Bersepadu Selongkar 24/2021.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang (LED), Jabatan Buruh dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) baru-baru ini melaksanakan Operasi Bersepadu Selongkar 24/2021 dan membuat pemeriksaan ke atas kegiatan Bengkel Kenderaan yang dipercayai tidak berdaftar secara sah.

Operasi yang dijalankan di Jalan Lambak Kiri, Simpang 64 tersebut bermula pada kira-kira jam 9.00 pagi dengan melibatkan seramai sembilan orang anggota pegawai penguatkuasaan.

Antara objektif operasi adalah bagi meningkatkan kerjasama bersama agensi penguatkuasaan dalam menguatkuasakan peraturan dan undang-undang mengikut bidang kuasa agensi masing-masing.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut mendapati majikan dipercayai melakukan penyalahgunaan jawatan, iaitu pekerja asing masing-masing berjawatan sah pemandu persendirian dan buruh binaan melakukan pekerjaan mengecat kereta.

Bukan itu sahaja, Jabatan Buruh juga mendapati kesalahan penempatan pekerja tidak mengikut kebenaran Lesen Pekerja Asing (LPA).

Jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun ke atas majikan dalam kegiatan Perkhidmatan Rumahtangga, iaitu didenda kompaun sebanyak BND300 bagi kesalahan pertama dan BND600 bagi kesalahan kedua.

Manakala majikan dalam kegiatan syarikat pula didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua mengikut kesalahan-kesalahan di bawah bab 86 dan bab 112 Perintah Pekerjaan 2009.

Hasil operasi daripada JPD pula mendapati bengkel menjalankan aktiviti membaiki pulih badan kenderaan dan mengecat kenderaan, tidak mempunyai *oven* mengecat yang teratur dan hanya menggunakan *oven* mengecat yang dibuat sendiri menggunakan zink.

Turut didapati, kawasan bengkel sempit, kotor dan barang-barang berselerakan dan tidak teratur, tidak ada tempat menyimpan teratur untuk peralatan kereta, *scaffolding*, kayu dan barang-barang lain dan bengkel juga menyimpan peralatan sewaan kem, pekerja tidak memakai Alat Perlindungan Diri (PPE) yang bersesuaian serta terdapat banyak kereta terbiar di kawasan bengkel.

Kaedah berkesan pengajaran Bahasa Arab

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



AWANG Md. Adi Adham bin Ramlan semasa membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Keperluan Persediaan Bahasa Sebagai Guru Bahasa Arab'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Februari. - Bahasa merupakan *aswaat* dengan membawakan makna lain seperti suara atau bunyi, oleh itu, untuk kita mahir dalam berbahasa adalah sangat penting bagi memperbanyakkan latihan dalam mendengar dan bercakap dalam bahasa tersebut.

"Sebagai guru Bahasa Arab, guru perlu mempunyai semangat dan perasaan suka terhadap bahasa Arab kerana ia akan turut mempengaruhi minat pelajar

terhadap bahasa Arab," jelas Awang Md. Adi Adham bin Ramlan semasa membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Keperluan Persediaan Bahasa Sebagai Guru Bahasa Arab' pada Bengkel Lughatul Mu'allim bertempat di Dewan Ta'alim, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di sini.

Membincangkan mengenai kaedah berkesan dalam pengajaran Bahasa Arab, Md. Adi Adham menerangkan bahawa pengajaran bahasa perlu dilaksanakan secara berperingkat iaitu bermula daripada mengenal satu perkataan, kemudian menjadi ayat, seterusnya membentuk satu perenggan dan akhirnya dapat membuat karangan tanpa had.

Beliau yang merupakan alumni KUPU SB dalam Program Diploma Perguruan Ugama Lulusan Ijazah (pengajaran Bahasa Arab bagi penutur bukan Arab) juga menambah, paling utama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab itu ialah pelajar tidak takut atau segan jika terdapat kesalahan kerana ia merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran ke arah penguasaan bahasa yang lebih kukuh dan mantap.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan bengkel tersebut ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal juga selaku Ahli Majlis KUPU SB.



REKTOR UNISSA yang juga selaku Ahli Majlis KUPU SB (tengah) dan Ra'es KUPU SB (dua, kiri) semasa hadir pada majlis pembukaan bengkel tersebut.

Turut hadir ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dan Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha.

Bengkel Lughatul Mu'allim adalah sebuah program yang diperkenalkan KUPU SB khusus bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah Arab di bawah Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), dengan tujuan untuk membantu meningkatkan kemampuan para guru dalam menguasai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Bengkel tersebut mula diadakan buat kali

pertamanya pada tahun 2017.

Antara objektif bengkel diadakan adalah bagi membantu para guru dalam menguasai empat kemahiran asas dalam bidang Bahasa Arab iaitu Istima', Qira'ah, Kitabah dan Kalam.

Selain itu, bengkel diharapkan dapat memberi pendedahan kepada para guru mengenai pedagogi pengajaran Bahasa Arab yang terkini dan lebih efektif.

Juga diharapkan, ia boleh dijadikan wadah perbincangan dan pertukaran pengalaman serta isu yang dihadapi di sekolah masing-masing serta mencari mekanisme terbaik ke arah penyelesaian dan pembaikan yang berkesan.

Bengkel tersebut juga

merupakan usaha berterusan KUPU SB melalui Pusat Bahasa bagi kelangsungan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab secara amnya.

Ia diharapkan dapat memberikan manfaat serta nilai tambah kepada para peserta dalam meningkatkan kualiti dan penguasaan teknik pengajaran mereka dan lebih-lebih lagi dalam melahirkan pelajar yang benar-benar mempunyai potensi dan berkemahiran dalam mendengar, membaca, menulis serta bertutur dalam bahasa Arab.

Juga hadir dalam majlis tersebut ialah pegawai-pegawai utama, pensyarah-pensyarah, guru besar dan pengetua sekolah-sekolah Arab serta pelajar-pelajar KUPU SB.

Persediaan sebelum bersara

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Februari. - Seramai 61 orang pegawai dan kakitangan kerajaan yang akan bersara mengikut Kursus Persediaan Persaraan yang dianjurkan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan bermula pada 1 Februari yang lalu. Kursus yang diadakan selama lapan hari itu diisikan dengan beberapa sesi lawatan juga taklimat.

Kursus diisikan dengan tiga modul iaitu modul pertama berkaitan dengan kerohanian, modul kedua tentang kemasyarakatan dan modul ketiga ialah mengenai keusahawanan.

Penolong Pegawai Latihan, Awang Hadini @ Nizamuddin bin Haji Ibrahim juga selaku Penyelaras Kursus Persediaan Persaraan IPA ketika ditemui berkata, antara objektif kursus ini adalah untuk membuka minda bakal-bakal pesara membuat persiapan sebelum menempuh alam persaraan.

Lawatan ke Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) yang diadakan pada hari ini, jelasnya, diharap akan dapat membuka minda, tarikan supaya mereka nanti terus terlibat, seperti mana yang pernah pihak kami laksanakan dalam modul ini, kami pernah membawa mereka ke kampung-kampung di bawah Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Daerah Temburong, Tutong dan Belait

dengan tujuan supaya mereka dapat merasakan bahawa mereka masih diperlukan dan berguna di tempat kampung mereka bila bersara nanti.

Selain itu, katanya, kami juga membuat lawatan lebih dekat kepada pihak-pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu dengan membawa mereka melawat ke persatuan-persatuan yang terdapat di negara ini dan dari segi keagamaan pula kami cuma memberikan mereka santapan rohani, yang juga penting kepada peserta kursus.

Para peserta kursus terlebih dahulu mendengarkan ucapan alu-aluan oleh Pengurus PKWE DBM, Awang Haji Yusoff bin Mohd. Salleh.



Para peserta turut dibawa melihat lebih dekat ke bangunan PKWE yang terletak bersebelahan dengan Dewan Kemasyarakatan II, Lambak Kanan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ahli-ahli pusat berkenaan.

PKWE DBM ditubuhkan pada 1 Mei 2013 dan kini mempunyai seramai lebih 200 orang ahli yang berdaftar dan PKWE dirasmikan pada 12 Mac 2013.

Antara kegiatan yang dijalankan oleh pusat ini ialah mengadakan kelas-kelas keagamaan, aktiviti kesihatan termasuk pemeriksaan kesihatan, aktiviti sukan, kelas masakan dan sebagainya.

Selain itu, pusat ini juga bergiat aktif dalam perekonomian, di mana ahli-ahli pusat juga menghasilkan produk masakan, kuih-muih dan sebagainya.



PRODUK-produk yang juga dihasilkan oleh Ahli-ahli PKWE bagi Cawangan Daerah Brunei dan Muara (atas). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengikuti Kursus Persediaan Persaraan yang dianjurkan oleh Institut Perkhidmatan Awam bermula pada 1 Februari yang lalu.




MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



 [PSC.BN](https://www.instagram.com/pisc.bn)



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

MAKLUMAN :
TAWARAN SEBUT HARGA
JABATAN PENERBANGAN AWAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
ATELS / 2021 / SH-01

KETERANGAN :
THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING &
COMMISSIONING OF PRECISION
AIR-CONDITION SYSTEM
SCROLL COMPRESSOR AND
BLOWER UNITS AT
DEPARTMENT OF CIVIL
AVIATION REMOTE SITE,
DEPARTMENT OF CIVIL
AVIATION

**BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :**
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

**TARIKH TUTUP DILANJUTKAN
DAN WAKTU :**
17 FEBRUARI 2021
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



KEMENTERIAN
PERTAHANAN

**PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL
REKRUT LELAKI
PENGAMBILAN KE-168
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI**

PENDAFTARAN sekarang dibukakan untuk menceburi kerjaya tentera sebagai bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-168 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibukakan dengan 2 tataraca iaitu secara atas talian (*online*) dan juga secara pandu lalu (*drive-thru*) mengikut tarikh dan masa seperti berikut :

Tataraca :
Atas talian (*online*)

Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :
1 Februari 2021 hingga 12 Februari 2021
(Isnin hingga Jumaat)
8.00 Pagi hingga 4.30 Petang

Tataraca :
Pandu lalu (*drive-thru*)

Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :
1 Februari 2021 hingga
11 Februari 2021
(Isnin hingga Khamis sahaja,
hari Jumaat ditutup bagi
pentadbiran)
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.30 Petang hingga 4.00 Petang

Sila layari laman sesawang
<http://www.mindef.gov.bn>
(Career - Military Recruitment(male))

Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 hari 0 bulan) sebelum latihan bermula pada 13 Ogos 2021.

Untuk keterangan lanjut,
sila hubungi :
Pejabat Pengambilan
Jabatanarah Keanggotaan
Bolkliah Garison

Telefon : +673 2386898
atau layari laman sesawang
<http://www.mindef.gov.bn>
(Career - Military Recruitment (male))
atau
e-mel : FRO@mindef.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TEMPAT MENGHANTAR BORANG
01.	MERINYU KANAN HAL EHWAL UGAMA [D.3 EB.4-5] 50/2021 (SPA/BIKL)	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	1	7(A) LUAR BIDANG KUASA SPA	10 FEBRUARI 2021	SEKSYEN PENGAMBILAN DAN KEANGGOTAAN, TINGKAT 3, BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
02.	MERINYU HAL EHWAL UGAMA [D.2-3 EB.4] 51/2021 (SPA/BIKL)	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	2	7(A) LUAR BIDANG KUASA SPA	10 FEBRUARI 2021	SEKSYEN PENGAMBILAN DAN KEANGGOTAAN, TINGKAT 3, BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
03.	BILAL TINGKAT I [D.3-4] 51/2021 (SPA/BIKL)	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	4	7(A) LUAR BIDANG KUASA SPA	10 FEBRUARI 2021	SEKSYEN PENGAMBILAN DAN KEANGGOTAAN, TINGKAT 3, BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
04.	BILAL TINGKAT II [D.1-2 EB.3] 54/2021 (SPA/BIKL)	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	4	7(A) LUAR BIDANG KUASA SPA	10 FEBRUARI 2021	SEKSYEN PENGAMBILAN DAN KEANGGOTAAN, TINGKAT 3, BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
05.	IMAM TINGKAT IV [D.4-5 EB.6] 55/2021 (SPA/BIKL)	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	7	7(A) LUAR BIDANG KUASA SPA	10 FEBRUARI 2021	SEKSYEN PENGAMBILAN DAN KEANGGOTAAN, TINGKAT 3, BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
06.	PENOLONG PEGAWAI PENYIASATAN HAL EHWAL UGAMA [C.4 EB.5] 52/2021 (SPA/BIKL)	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	9	38(A) LUAR BIDANG KUASA SPA	10 FEBRUARI 2021	SEKSYEN PENGAMBILAN DAN KEANGGOTAAN, TINGKAT 3, BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
07.	PEGAWAI UGAMA [B.2 EB.3] 2021/004/16	JABATAN KEHAKIMAN NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A
08.	PEGAWAI PENYELIDIK [B.2 EB.3] 2021/004/19	JABATAN KEHAKIMAN NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A
09.	PENOLONG PENTADBIR [C.3-4 EB.5] 2021/004/10	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	2	7(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A
10.	KETUA PENTERJEMAH [C.3-4 EB.5] 2021/004/08	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	1	7(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A

Dari muka 21

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TEMPAT MENGHANTAR BORANG
11.	PENOLONG PEKERJA KANAN BELIA DAN SUKAN [C.1 EB.2] 2021/004/09	JABATAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN	2	7(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A
12.	PENGURUS MESS TINGKAT III [D.2 EB.3] 2021/004/11	JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN	1	7(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A
13.	PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH [D.1-2 EB.3] 2021/003/05	JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	5	7(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A
14.	MANDUR [F.2-3-4 EB.5 / F.2-3 EB.4 / F.1-2-3-4 EB.5] 2021/003/06	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	2	7(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A
15.	PENOLONG PENGARAH [KUMPULAN 2] 2021/004/17	BAHAGIAN RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	1	38(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A
16.	PEGAWAI KEWANGAN KANAN [B.3] 2021/003/07	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	2	38(A)	13 FEBRUARI 2021	N/A
17.	JURUTERA [B.2 EB.3] 2021/004/12	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	4	7(A)	15 FEBRUARI 2021	N/A
18.	PEGAWAI PELAJARAN [G.13] 2021/004/21	JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	1	7(A)	15 FEBRUARI 2021	N/A
19.	PENOLONG PENGURUS PERDAGANGAN [C.3 EB.4-5] 2021/004/15	JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A)	15 FEBRUARI 2021	N/A
20.	PEMBANTU KANAN PERKEMBANGAN UGAMA [C.1-2 EB.3] 2021/004/07	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	1	7(A)	15 FEBRUARI 2021	N/A

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

PENGAMBILAN REKRUT KONSTABEL POLIS

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENGAMBILAN REKRUT KONSTABEL POLIS

1. TERDIRI daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Mempunyai Kad Pengenalan Pintar berwarna kuning sahaja.

3. Mempunyai pengetahuan tentang kerassian Ugama Islam, adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik, Negara Brunei Darussalam.

4. Mempunyai kelulusan 2 kredit dalam mata pelajaran Sijil Am Peringkat Biasa (GCE 'O' Level dan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Ingeris) atau sijil BDTVEC NTC 2 di dalam bidang yang bersesuaian atau mana-mana kelulusan yang sebanding dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah merupakan satu kelebihan.

5. Taraf Kelamin : **Bujang**.

6. Pemohon lelaki hendaklah berumur di antara 18 hingga 25 tahun.

7. Memenuhi kelayakan tinggi badan dan Indeks Jisim Tubuh (BMI) yang telah ditetapkan seperti berikut :

KELAYAKAN BAGI BAKAL REKRUT KONSTABEL (PC)

Ketinggian :
1.57 meter (5 kaki 2 inci)
Indeks Jisim Tubuh (BMI) :
18.5 hingga 28 (lulus)
Formula :
Berat (Kg) / Tinggi (m) / Tinggi (m) = BMI

8. Tidak buta warna.

9. Mestilah lulus ujian kecergasan, ujian bertulis, pemeriksaan kesihatan dan tapisan keselamatan.

TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

1. Borang-borang permohonan boleh didapati di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong pada 4 Februari 2021 hingga 15 Februari 2021 waktu pejabat (Isnin hingga Khamis dan Sabtu jam 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 4.00 Petang kecuali Jumaat. Ahad dan kelepasan awam).

2. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan ke Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong tidak lewat dari 15 Februari 2021 pada jam 4.00 Petang.

3. Pemohon-pemohon yang berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan melalui ketua jabatan masing-masing.

4. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Pejabat Pengambilan, Pusat Latihan Polis di talian +673 2459500 sambungan 380.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

BILANGAN SEBUT HARGA :
APM.2020-2021 / SH-16

TO DESIGN AND REFURBISH
HANGING GARDEN AT THE
DEPARTURE HALL, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT

TARIKH TUTUP TAWARAN :



HINGGA JAM 2.00 PETANG
17 FEBRUARI 2021, RABU



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI



BILANGAN TAWARAN :
RTB / K / 192 / 20 - 21

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
TELEVISION FOR AUDIENCE
SURVEY CONSOLATION

TARIKH TUTUP :
10 FEBRUARI 2021
(2.00 PETANG)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DDS 001 / 2021 - (CDE)

NAMA PROJEK :
MENAIK TARAF LONGKANG DI
HILIR SUNGAI HANCHING
(TAWARAN SEMULA)

TARIKH TUTUP :
9 MAC 2021 (SELASA),



TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN KESIHATAN



KK / 02 / 2021 / LAB

TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVER
NUCLEIC ACID EXTRACTION KITS
AND MULTIPLEX PCR KITS FOR
SARS-COV-2 TEST WITH
EQUIPMENT RENTAL FOR
VIROLOGY LABORATORY,
DEPARTMENT OF LABORATORY
SERVICES, MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF ONE (1) YEAR
USAGE

BILANGAN TAWARAN
KK / 03 / 2021 / UPP

TAWARAN
SUPPLY AND DELIVER
ANGIOGRAPHY /
INTERVENTIONAL CONSUMABLES
FOR DEPARTMENT OF
RADIOLOGY, RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)
HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH

BILANGAN TAWARAN
KK / 04 / 2021 / UPP (TC)

TAWARAN
SUPPLY AND DELIVER OF
NEWBORN HEARING SCREENING
CONSUMBLE FOR DEPARTMENT
OF OTORHINOLARYNGOLOGY,
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A

BILANGAN TAWARAN
KK / 01 / 2021 / LAB (TC)

TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVER
REAGENTS AND COMSUMABLES
WITH EQUIPMENT RENTAL FOR
SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL
AND PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI
AL-MUHTADEE BILLAH HOSPITAL
CLINICAL CHEMISTRY
LABORATORIES DEPARTMENT OF
LABORATORY SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH FOR A
PERIOD OF FIVE (5) YEARS

BILANGAN TAWARAN

PERIOD OF THREE (3) YEARS

BILANGAN TAWARAN
KK / 05 / 2021 / UPP (TC)

TAWARAN
SUPPLY AND DELIVER OF
MEDICAL CONSUMABLES FOR
UROLOGY SURGERY, OPERATING
THEATRE AT RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)
HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH

BILANGAN TAWARAN
KK / 06 / 2021 / DSS (TC)

TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVER
MICROBIOLOGICAL MEDIA AND
SUPPLEMENTS FOR
MICROBIOLOGICAL SECTION,
DEPARTMENT OF SCIENTIFIC
SERVICES, MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE (3)
YEARS

BILANGAN TAWARAN
KK / 07 / 2021 / DSS (TC)

TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVER
APPLIED BIOSYSTEMS
GLOBALFILER PCR
AMPLIFICATION KITS FOR
FORENSIC BIOLOGY/DNA
SECTION, DEPARTMENT OF
SCIENTIFIC SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

BILANGAN TAWARAN
PHARM / 08 / 2021

TAWARAN
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

BILANGAN TAWARAN
PHARM / 09 / 2021

TAWARAN
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

BILANGAN TAWARAN
PHARM / 10 / 2021

TAWARAN
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

BILANGAN TAWARAN
PHARM / 11 / 2021

TAWARAN
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

TARIKH TUTUP :
16 FEBRUARI 2021
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



JABATAN KAJICUACA
BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

SEBUT HARGA BILANGAN :
JKBD / 2020 / SH-33

TWO (2) YEARS TERM
CONTRACT FOR CLEANING
BRUNEI DARUSSALAM
METEOROLOGICAL DEPARTMENT
AT WEATHER SERVICE DIVISION
(1st FLOOR OF CIVIL AVIATION
BUILDING) AND AT WEATHER
OBSERVATION DIVISION'S
BUILDING, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT,



BERAKAS, BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TUTUP :
RABU, 17 FEBRUARI 2021,
SEBELUM JAM 2.00 PETANG



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SEBUT HARGA BAGI :

1. RUJUKAN SEBUT HARGA :
JBP / TSH / 64 / 2020-2021
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
CANVAS
2. RUJUKAN SEBUT HARGA :
JBP / TSH / 65 / 2020-2021
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN
MEMASANG EMERGENCY LIGHT
DAN EXIT SIGNAGE
3. RUJUKAN SEBUT HARGA :
JBP / TSH / 66 / 2020-2021
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
ALAT-ALAT TULIS
4. RUJUKAN SEBUT HARGA :
JBP / TSH / 67 / 2020-2021
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
PBARANG-BARANG PEMBERSIH
5. RUJUKAN SEBUT HARGA :
JBP / TSH / 68 / 2020-2021



MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN
MEMASANG ALAT PENGHAWA
DINGIN

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
Khamis, 11 FEBRUARI 2021
(tidak lewat dari jam 1.50 Petang)



JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

1. BILANGAN TAWARAN :
01 / IMMB / 01 / 2020

TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN
MEMELIHARA BANGUNAN DAN
KAWASAN POS KAWALAN
IMIGRESEN SUNGAI TUJUH,
KUALA BELAIT

2. BILANGAN TAWARAN :
02 / IMMB / 01 / 2021

TAWARAN BAGI PEMBEKALAN
PAKAIAN SERAGAM DAN KASUT



UNTUK PEGAWAI IMIGRESEN
LELAKI DAN PEREMPUAN
BERBAGAI PERINGKAT DI
JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

TARIKH TUTUP :
16 FEBRUARI 2021



PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

1. BIL :
(71) KHEU . PDI 300 - 001 JILID 24

TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA MENCETAK
MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM
DAN TAFSIRANNYA JUZ 2

2. BIL :
(73) KHEU . PDI 300 - 001 JILID 24

TAJUK SEBUT HARGA :
SEBUT HARGA MEMBEKAL
RAK BUKU KEGUNAAN
RUMAH-RUMAH PANJANG DI
KAWASAN PEDALAMAN, BILIK
TAFSIR DAN BILIK PEJABAT



PENGARAH, PUSAT DA'WAH
ISLAMIAH

TARIKH TUTUP :
RABU, 10 FEBRUARI 2021,
JAM 2.00 PETANG

Gagal tunjuk dokumen sah



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) baru-baru ini menjalankan Operasi Langis JIPK 22/2021 ke atas sebuah gerai menjual nasi katok di Kampung Jerudong (atas dan kanan).

JERUDONG, Jumaat, 5 Februari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) baru-baru ini menjalankan Operasi Langis JIPK 22/2021 ke atas sebuah gerai menjual nasi katok di Kampung

Jerudong. Operasi tersebut diketuai oleh Pegawai Imigresen Kanan berserta tujuh orang anggota. Semasa operasi tersebut, seramai tiga orang perempuan warganegara asing diperiksa di sasaran tersebut dan ketiga-tiga warga asing

tersebut ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang JIPK, Bandar Seri Begawan atas kesalahan gagal menunjukkan dokumen yang sah sewaktu pemeriksaan dijalankan dan akan disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 dan tindakan selanjutnya.

Dalam hubungan itu, JIPK mengingatkan kepada orang ramai bahawa JIPK akan sentiasa menjalankan operasi menangkap, menyiasat serta mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana orang yang menyalahi undang-undang mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan.

Bagi mana-mana warganegara asing di negara ini yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan dan jika sabit kesalahan akan dihadapkan ke mahkamah, dipenjarakan dan diusir ke negara asal dan nama-nama mereka disenaraihitamkan.

JIPK juga akan terus

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan kepada maklumat yang ada sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan

tersebut, JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 dan +673 8753888.



Kerjasama erat dalam menjaga keselamatan negara



KESATUAN kolaborasi yang dibina ini juga diharap dapat mendidik masyarakat awam akan betapa pentingnya keprihatinan sesama berjiran dalam menjaga keselamatan kawasan persekitaran dan rumah kediaman.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Februari. - Kolaborasi berterusan di antara Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama masyarakat awam melalui program Pengawasan Kejiranan (PK) menjadi pemangkin dalam hala tuju untuk menyaksikan negara ini bebas daripada apa juga kegiatan jenayah dan pengaruh-pengaruh negatif.

Kesatuan kolaborasi yang dibina ini juga diharap dapat mendidik masyarakat awam akan betapa pentingnya keprihatinan sesama berjiran dalam menjaga keselamatan kawasan persekitaran dan rumah kediaman.

Menyahut seruan tersebut, beberapa buah kampung telah menggerakkan program PK ini melalui rondaan pencegahan jenayah bersama Pegawai-pegawai Menguasa Balai dan ahli-ahli PK.

Di Setia, rondaan keanggotaan balai diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Setia, ASP

Syed Afidzul Azeed bin Sheikh Haji Abu Bakar, bersama ahli PK yang hadir menumpukan rondaan di kawasan Berek Lorong 3 Selatan Setia, kawasan Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Setia, Rancangan Perumahan Negara Lorong Tengah, kawasan Sekolah PSN Lorong 3 Selatan Setia dan Kedai Pekan Setia.

Manakala di Daerah Temburong, rondaan pencegahan jenayah Balai Polis Bangar kali ini dipimpin oleh Inspektor Percubaan Mohd. Nazri bin Haji Junaidi bersama Pemangku Ketua Kampung Lepong, Awang Ambol anak Baki selaku Pengerusi PK.

Rondaan dijalankan di sekitar Kampung Lepong Baru, Kampung Lepong Lama, Kampung Semabat, Kampung Kenua, Pos Polis Kawalan Temada, Balai Raya Kampung Semabat dan Rumah Bahagia Kampung Semabat. Sepanjang kesemua rondaan tidak

ada menemukan sebarang kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang mahupun berupa jenayah. Di samping itu juga beberapa pendekatan bersama Ketua Kampung juga dilakukan.

Di Daerah Brunei Muara, Unit Pengawasan Kejiranan (UPK) Balai Polis Muara pula diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Muara, ASP Hajah Nur Azhani binti Haji Johaiani membuat pendekatan ke rumah Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tarip.

Pendekatan tersebut bertujuan untuk membincangkan tentang aktiviti PK bersama Ketua Kampung dan berkongsi maklumat mengenai jenayah yang berlaku, sekali gus memberi saranan kepada Ketua Kampung agar melaporkan kepada pihak polis sebarang kejadian jenayah yang berlaku.

Sementara itu di Daerah Tutong, UPK Balai Polis Tutong diketuai oleh Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Tutong, Inspektor Muhd. Haiqal bin Abdullah Raman, di mana membuat aktiviti pendekatan bersama Pemangku Ketua Kampung Bukit Udal, Awang Mohd. Azmi bin Md. Yusof.

Pendekatan ini bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim di antara PPDB dengan penduduk kampung dan Pemangku Ketua Kampung khususnya. Beberapa perkara juga turut dibincangkan, antaranya adalah permasalahan yang sering dihadapi oleh penduduk kampung dan mengenai kadar statistik jenayah yang berlaku dan yang dilaporkan kepada Ketua Kampung dan Balai Polis.

Kerjasama yang erat ini serta kesepakatan yang padu antara pihak polis dan masyarakat perlu terus diperkasakan demi menjaga kepentingan serta keselamatan dalam mewujudkan negara yang aman dan sejahtera.

Dikompaun kerana melanggar Akta Kesalahan Lalulintas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Jumaat, 5 Februari. - Satu operasi sekatan jalan raya dikendalikan kelmarin oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang melibatkan Balai Polis Panaga, Daerah Polis Belait di kawasan Jalan Tengah, Panaga.

Dalam operasi sekatan itu berhasil mengambil tindakan kompaun ke atas seorang pemandu atas kesalahan memasang pelekat plastik filem di cermin kenderaan di bawah Seksyen 18 Akta Kesalahan Lalulintas Jalanraya Penggal 68.

Sehubungan dengan itu, PPDB ingin mengingati kepada orang awam agar sentiasa mematuhi peraturan di jalan raya, memandu dengan cermat dan selamat serta menghindari daripada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.



PEMERIKSAAN dijalankan semasa operasi tersebut.

18 peserta Skim Bimbingan Asas terima sijil



PEMANGKU Pegawai Kanan PDI, Awang Haji Fathi Fuad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar (kanan) semasa menyampaikan sijil kepada peserta.

BERAKAS, Khamis, 4 Februari. - Seramai 18 peserta Skim Bimbingan Asas Muallaf 14 Hari Siri Ke-193 bagi peserta lelaki menerima sijil masing-masing pada majlis penutup skim berkenaan yang berlangsung di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI). Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil tersebut ialah Pemangku Pegawai Kanan PDI, Awang Haji Fathi Fuad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Skim anjuran PDI melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) ini diadakan bermula 20 Januari yang lalu.

Peserta terdiri daripada para muallaf dari pelbagai latar belakang dan bangsa yang telah tamat menjalani Skim Bimbingan Pengenalan Islam 10 Hari.

Ia diadakan dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman asas tentang ajaran Islam, di samping memeduli dan memberikan sokongan moral serta spiritual kepada para peserta.

Skim ini juga bertujuan untuk membimbing para peserta dalam menghayati ajaran Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian, seterusnya menjadi teladan dan secara tidak langsung dapat berakhlak kepada masyarakat bukan Islam khususnya serta para muallaf yang lain.

Ia diharap akan dapat mengukuhkan lagi akidah para peserta sekali gus memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi dengan tenaga pengajar dalam mengajukan sebarang kemusykilan berhubung agama Islam, di samping menjadi agen dakwah bagi sama-sama mencapai misi dan visi PDI dalam menyebarkan ajaran agama Islam di negara ini.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



ANTARA peserta Skim Bimbingan Asas Muallaf 14 Hari Siri Ke-193 yang hadir.

Kukuhkan semangat patriotik



PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris menyampaikan Taklimat Kenegaraan di Bilik Sumber Ma'had Islam Brunei, Tutong.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Rabu, 3 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan

Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Bilik Sumber Ma'had Islam Brunei, Tutong, hari ini, di sini.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara dengan hasrat untuk dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan

kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Seramai 78 penuntut Tahun 7 menghadiri Taklimat Kenegaraan tersebut yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, yang antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' yang turut disertai oleh Pengetua Ma'had Islam Brunei, Pengiran Haji Asnady bin Pengiran Haji Aliuddin dan tenaga pengajar.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan yang disampaikan oleh Pengetua Ma'had Islam Brunei.




PARA penuntut Tahun 7 yang menghadiri Taklimat Kenegaraan tersebut.

Penyalan lampu sempena Sambutan Hari Kanser Sedunia

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



NEGARA Brunei Darussalam menyambut Sambutan Hari Kanser Sedunia dengan menghiasi Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS) dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dengan lampu warna oren dan biru bermula pada jam 7.00 malam (bawah dan atas).



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Setiap tahun pada 4 Februari, seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) menyambut Hari Kanser Sedunia yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit kanser.

Tahun ini adalah tahun ketiga dan tahun yang terakhir Hari Kanser Sedunia ini membawa tema 'Saya Adalah dan Saya

Akan'. Selaras dengan negara antarabangsa, NBD turut menyambut Sambutan Hari Kanser Sedunia dengan menghiasi Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS) dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dengan lampu warna oren dan biru bermula pada jam 7.00 malam bagi memperingati sambutan ini.

Program WAH kukuh gaya hidup sihat di tempat kerja

Studio Kecergasan	Kementerian
Studio Eleve Sdn Bhd	Jabatan Perdana Menteri
Aman Optimum Fitness Centre	Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Health And Performance Fourte Co.	Kementerian Pertahanan
Fitnesszone Studio	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
HSN Health & Fitness	Kementerian Pendidikan
Studio NinetySix	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Soulfitness Centre	Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Fitness Rebel	Kementerian Pembangunan
Victorious Enterprise	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
RS Mission Fitness	Kementerian Kesihatan
Primal Performance Centre	Kementerian Hal Ehwal Ugama
Helmi Abdullah Fitness Enterprise	Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Renegade MMA Academy And Fitness	Kementerian Tenaga

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Februari. - Program WAH 2.0 adalah merupakan sebuah program kolaborasi perkongsian awam swasta (PPP) Kementerian Kesihatan dan Gleneagles Pusat Perubatan Jerudong Park (GJPMC) Sdn. Bhd. bagi peringkat kedua, tahun 2020/2021.

Program ini dijalankan di 13 buah kementerian, iaitu Jabatan

Perdana Menteri; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Pertahanan; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Pendidikan; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Kementerian Pembangunan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Kesihatan;

Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Tenaga.

Program WAH merangkumi beberapa komponen seperti Sesi pemeriksaan dan pemantauan kesihatan fizikal, khususnya, bagi pemantauan tekanan darah dan Indeks Jisim Badan (Body Mass Index - BMI); Sesi senaman berkumpulan sebelum, semasa atau selepas waktu bekerja secara percuma yang diketuai oleh studio kecergasan; dan Sesi pendidikan kesihatan melalui atas talian mengenai risiko penyakit tidak berjangkit termasuk penyakit jantung, amalan pemakanan sihat, asas senaman dan kegiatan fizikal serta bahaya merokok dan langkah-langkah berhenti merokok serta langkah-langkah menangani stres.

Program WAH bertujuan untuk mengukuhkan program gaya hidup sihat di tempat kerja, iaitu 'Workplace Health Promotion Programme (WHPPP)' di semua kementerian menjelang akhir tahun 2021.

Manfaat yang akan diperoleh daripada Program WAH ini adalah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

meningkatkan dan memperluaskan lagi pengetahuan dan kecekapan mengenai gaya hidup sihat khususnya di tempat kerja; dan mempromosi kegiatan fizikal untuk mengekalkan berat badan yang sihat dan menyumbang kepada kesejahteraan yang positif.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan mengadakan Majlis Penandatanganan Perjanjian Kontrak dan Taklimat untuk 13 Studio-studio Kecergasan yang dicalonkan pada 12 dan 18 November 2020, dan 1 Februari 2021.

Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Kassim mewakili bagi pihak Kementerian Kesihatan menandatangani kontrak tersebut bersama dengan Timbalan Ketua (1) Pusat Promosi Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Kamis.

Setiap studio kecergasan

diperuntukkan di bawah kementerian masing-masing merujuk kepada rajah dinyatakan..

Setiap kementerian ditetapkan sebanyak 30 sesi senaman yang dijalankan oleh studio kecergasan kementerian yang dicalonkan. Manakala, sebanyak 70 Sesi Senaman WAH dari 10 kementerian telah dijalankan sejak Disember 2020.

Kementerian Kesihatan berhasrat program ini akan dapat meningkatkan dan memperluaskan pengetahuan dan kecekapan peserta mengenai cara hidup sihat di tempat kerja serta mempromosi kegiatan fizikal untuk mengekalkan berat badan yang sihat dan menyumbang kepada pengurangan kadar penyakit-penyakit yang tidak berjangkit di negara ini sekali gus merealisasikan Visi Kementerian Kesihatan, iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu kualiti kehidupan yang tinggi.

Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

MUARA, Rabu, 3 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki warganegara Indonesia, Sigit Kamseno, 24 tahun yang memegang nombor pasport C3620060 dan dipercayai lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Muara, Daerah Polis Brunei dan Muara melalui telefon +673 2770142 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



SIGIT Kamseno, 24 tahun, yang dipercayai lari daripada majikan.



MAJLIS Penandatanganan Perjanjian Kontrak dan Taklimat untuk 13 Studio-studio Kecergasan.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkat Keselamatan Semasa Musim Tengkujuh'. Tarikh Tutup : 10 Februari 2021
2. 'Kesan Pengambilan Makanan Segera'. Tarikh Tutup : 17 Februari 2021
3. 'Menangani Kes Buli'. Tarikh Tutup : 24 Februari 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Hargai Pengorbanan Mereka

Mereka bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan awda selamat

HUBUNGI TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148
WWW.MOH.GOV.BN



Oleh : Mohammad Hisyam Idris
Foto : Ihsan Laman Sesawang Xbox.com

Memperkasa imaginasi dengan Xbox Series X dan Series S



MICROSOFT menghasilkan dua konsol permainan video generasi baharu bagi memperkasa pengalaman pengguna dalam bermain permainan video, iaitu Xbox Series X dan Xbox Series S.

PADA era digital yang berkembang ini, permainan video memainkan peranan yang tersendiri dalam kehidupan kita. Permainan video mampu mencetuskan imaginasi kreatif kita yang hebat dan tanpa had serta menghubungkan kita dengan dunia baharu, cerita-cerita menarik dan rakan-rakan kita.

Microsoft telah menghasilkan dua konsol permainan video generasi baharu bagi memperkasa pengalaman pengguna dalam bermain permainan video iaitu Xbox Series X dan Xbox Series S. Menurut Phil Spencer, Head of Xbox Brand : "Visi kami menjadi kenyataan dengan terhasilnya sebuah konsol permainan video generasi baharu yang paling berprestasi tinggi, mendalam dan serasi untuk memberikan penggunanya pengalaman yang menarik serta kebebasan untuk bermain permainan video dengan rakan-rakan, bila-bila masa dan di mana sahaja".

Xbox Series X dipercayai adalah permainan video yang paling berkuasa yang pernah dibuat oleh Xbox. Manakala Xbox Series S adalah konsol permainan video terkecil yang pernah direka bentuk dan dijual dengan harga yang berpatutan. Kedua konsol permainan video ini dilancarkan pada 10 November dan mula dijual secara *pre-order* pada 22 September 2020. Xbox berpendapat bahawa orang ramai seharusnya diberikan kemudahan untuk mendapatkan konsol permainan video mereka dengan memberikan harga yang berpatutan kepada peminat tegar mereka malahan kepada masyarakat umum.

Kedua konsol Xbox ini mempunyai ciri-ciri yang sama, seperti Xbox Velocity Architecture, Quick Resume, DirectX

Raytracing, Variable Rate Shading (VRS), Frame Rates hingga 120 fps (*frames per second*), Xbox Wireless radio dan dilengkapi dengan teknologi Spatial Sound termasuk Dolby Atmos dan Dolby Vision serta beberapa persamaan yang lainnya. Kedua konsol ini juga mempunyai akses ke pelbagai aplikasi dan perkhidmatan seperti Netflix, Amazon Video, Disney+ dan sebagainya.

Xbox Series X direka untuk menjadi teras kepada konsol permainan video generasi baharu dengan *loading time* yang lebih cepat dan pantas, *frame rate* yang tinggi serta dunia permainan yang lebih dinamik dan menarik. Ia dipercayai adalah permainan video yang paling berkuasa dan dipercayai akan memberikan pemain pengalaman baharu yang belum pernah diberikan oleh konsol sebelum ini. Ia juga memberi peluang kepada pembuat permainan video untuk menghasilkan visi dan impian kreatif mereka tercapai dan menjadi realiti.

Dengan kekuatan pemprosesan grafik (GPU) setinggi 12 *teraflop* bagi Xbox Series X dan setinggi 4 *teraflops* bagi Xbox Series S serta kebolehan *quick resume*, ia membolehkan pemain meneruskan permainan tepat di tempat mereka berhenti bagi memastikan pemain tidak kehilangan rentak momentum permainan mereka dan kembali bermain dengan penuh kegembiraan dalam sekelip mata.

Kedua konsol Xbox baharu juga menyokong *backward-compatible consoles*, yang membolehkan pengguna bermain beribu-ribu permainan dari empat generasi sebelumnya dengan paparan grafik yang lebih baik serta pengalaman

permainan yang lebih cepat. Ia juga memberi peluang untuk pengguna bermain dengan rakan-rakan mereka di mana sahaja sama ada melalui konsol permainan video, komputer peribadi dan juga melalui telefon bimbit.

Xbox juga menawarkan Xbox All Access program yang membolehkan pengguna untuk mendapat kemudahan kepada lebih daripada 100 permainan video produk Xbox yang berkualiti tinggi. Electronic Arts (EA) Play membership juga diberikan kepada pengguna untuk mendapatkan akses kepada 60 permainan video terbaik keluaran Electronic Arts yang boleh dimainkan serta lebih 100 permainan video yang boleh di akses daripada *cloud*.

Sekarang, dengan komuniti Xbox Game Pass yang melebihi dari 10 juta pemain, Xbox telah mengembangkan lagi akses kepada ahlinya untuk mendapatkan kepada lebih dari 100 permainan video yang boleh diakses menggunakan konsol permainan video, komputer peribadi atau telefon bimbit pemain.

Sebagai nilai tambah, Xbox juga bekerjasama dengan Electronic Arts untuk memberikan ahli Xbox Game Pass Ultimate menikmati EA Play di Xbox One, Xbox Series X dan Xbox Series S serta komputer peribadi yang menggunakan peranti Windows 10. Selain mendapat akses kepada lebih dari 100 buah permainan video di perpustakaan Xbox Game Pass, ahli Ultimate juga boleh mendapat akses untuk bermain lebih daripada 60 permainan EA yang terbaik dan popular seperti FIFA 20, Titanfall 2 dan Need for Speed Heat, Battlefield, Mass Effect, Skate dan The Sims.

Beberapa permainan EA Play yang

terbaik juga akan tersedia untuk ahli Ultimate bermain di telefon bimbit Android yang boleh diakses melalui *cloud* tanpa sebarang kos dan pembayaran tambahan.

Pelancaran Xbox Series X dan Xbox Series S menjadi mercu tanda dalam memberikan pengalaman permainan video generasi baharu dengan menyediakan barisan permainan video yang hebat seperti FIFA 21, Assassin's Creed Valhalla, Watch Dogs: Legion, Yakuza: Like a Dragon, Gears Tactics, dan Tetris Effect: Connected. Ianya akan menjadi beberapa permainan video generasi baharu yang dinanti-nantikan dan boleh dimainkan apabila membeli Xbox Series X atau Xbox Series S.

Permainan video yang terbaharu juga akan dapat dimainkan pada Xbox Series X dan Xbox Series S termasuk Destiny 2: Beyond Light yang keluar pada 10 November serta Call of Duty: Black Ops Cold War dan Cyberpunk 2077 yang dilancarkan pada 10 Disember 2020. Permainan video ini akan memanfaatkan teknologi Smart Delivery dengan memberikan versi terbaik untuk apa sahaja konsol Xbox yang dimiliki.

Bukan itu sahaja, malah banyak lagi permainan video yang akan dikeluarkan khas untuk pemain merasakan pengalaman bermain permainan video yang luar biasa. Xbox Series X dan Xbox Series S telah disenaraikan dengan nama-nama terbesar dalam pengembangan permainan video termasuk 15 syarikat eksklusif dari Xbox Game Studios bagi memastikan Xbox Series X dan Xbox Series S akan menjadi pemangkin generasi baharu permainan video *blockbuster* untuk tahun akan datang.



Air jagung punca rezeki 3 pemuda tempatan

Oleh : Nurul Hazwani Abu Omar
Foto : Azmah Haji Ahad

AIR jagung merupakan minuman yang dikenali ramai malah di pelbagai negara. Bagi tiga pemuda tempatan, bermula dengan berniaga kecil-kecilan kini sudah berupaya memiliki perusahaan air jagung yang dikenali ramai iaitu Jaddams. Mula beroperasi sejak 2018, ia diasaskan bersama oleh Awang Muhammad Saufi bin Haji Suhaili, 29, Awang Mohammad Nazih bin Mohammad Hafizzam, 30 dan Awang Muhammad Azri bin Haji Asri, 30. Memandangkan peluang pekerjaan amat tipis pada masa itu, mereka bertiga mencuba nasib untuk berniaga air jagung, walaupun mereka bertiga tidak mempunyai latar belakang bidang keusahawanan.

Menurut Awang Muhammad Azri, banyak pencapaian yang diperoleh sejak Jaddams mula ditubuhkan. Dahulunya Jaddam hanya mempunyai satu cawangan di Mulaut dan alhamdulillah kini sebanyak 20 gerai beroperasi yang bertempat di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong dan Daerah Kuala Belait.

Perjalanan Jaddams

Dengan bermodalkan elaun terakhir mereka semasa masih belajar yang mana memandangkan peluang pekerjaan sangat tipis, justeru mereka berbincang sehingga terfikir untuk memulakan

perniagaan minuman air jagung buatan sendiri dan kemudian dihantar ke kedai-kedai.

Setelah mendapat sambutan yang menggalakkan, mereka mula berfikir untuk mencari nama bagi jualan mereka.

Sebelum tertubuhnya Jaddams, mereka membuka perniagaan kecil iaitu menjual makanan dan minuman, salah satunya air jagung. Mereka mendapati air jagung amat popular dan sangat digemari ramai. Justeru mereka cuba memfokuskan kepada satu produk sahaja iaitu air jagung.

Sebelum itu mereka telah membuat kajian *trial and error* untuk mendapatkan resipi air jagung yang paling sedap. Seminggu sebelum ia mula dijual, mereka meminta ahli keluarga serta rakan-rakan rapat untuk merasa buatan air jagung mereka terlebih dahulu. Sehingga ia menepati cita rasa yang tepat, barulah ia mula dipasarkan dan sambutannya sangat menakjubkan.

Bagi pemilihan nama Jaddams, mereka mendapat ilham dari salah satu filem P. Ramlee. Selain itu, masyarakat Brunei juga suka dengan nama unik dan ia menarik perhatian ramai. Berasal daripada Jaddam menjadi Jaddams dengan tambahan huruf 's' dihujungnya kerana ia dikendalikan oleh mereka bertiga.

Jaddams kini mempunyai pekerja seramai 30 lebih orang dan kesemuanya adalah anak tempatan.

Pelbagai cabaran telah ditempuh semasa

menjalankan perniagaan mereka. Baik dari segi *business marketing, strategy, operation* dan lebih-lebih lagi tambahnya, mereka yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Syariah perlu belajar lebih banyak mengenai bidang perniagaan.

Jika menghadapi sebarang masalah katanya, mereka akan berbincang dan berkongsi idea yang sesuai antara satu sama lain. Pada masa ini mereka fokus kepada perkembangan gerai, insyaaAllah bercadang untuk melarutkan lagi jualan air jagung Jaddams ke Daerah Temburong dan mungkin suatu hari akan cuba mengembangkan jualan keluar negara. Setakat ini, mereka fokus kepada *sustain* dan *maintain* terlebih dahulu.

Mereka juga bekerjasama bersama pihak kerajaan di bawah inisiatif i-Ready bagi membantu para graduan lain agar mereka memperoleh pekerjaan.

Di samping giat menyertai ekspo-ekspo atau jualan-jualan, Jaddams juga pernah menyertai Brunei International Halal Showcase yang mana pada masa itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memuji rasa air jagung Jaddams dan ia menjadikan mereka lebih bersemangat untuk terus mengembangkan lagi perniagaan ini.

Di samping menjual menggunakan cawan, atas permintaan ramai, mereka juga menjual air jagung menggunakan botol. Harga-harga bagi air jagung dalam cawan dan botol adalah dari harga BND1 hingga BND3.

Kejayaan tidak akan tercapai tanpa adanya usaha dan kerja keras. Tetapi, usaha dan kerja keras juga perlu ditampung dengan ilmu bagi membantu seseorang untuk terus berjaya. Begitulah juga dengan kejayaan anak-anak muda ini sebagai motivasi dan penyuntik semangat bagi belia-belia lain yang masih belum mendapat kerja.

Menjalankan perniagaan minuman air jagung membuktikan bahawa walaupun tidak mempunyai latar belakang dalam bidang keusahawanan, berkat usaha dan tanpa putus untuk menimba ilmu, perniagaan boleh sahaja dijalankan.

Bagi yang ingin memulakan sesebuah perniagaan, Jaddams adalah contoh untuk terus mencuba dan tidak takut walaupun tidak mempunyai latar belakang mengenai perniagaan. Apa yang penting terus belajar dan jika menghadapi sebarang kesulitan, jangan berputus asa dan cubalah untuk bertahan. Belajar merupakan kunci utama dalam menjalankan sesebuah perniagaan. Walaupun sekiranya menghadapi dugaan atau halangan, jangan terus mengalah dan cuba cari jalan penyelesaiannya.

Selain beroperasi di gerai-gerai, Jaddams juga menyediakan jualan air jagung dalam tangki / tong di samping menyediakan perkhidmatan penghantaran ke semua daerah. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Jaddams, orang ramai boleh mengikuti media sosial di Instagram @the.jaddams_bn dan Facebook Jaddams.bn atau menghubungi talian +673 7145699 / +673 7347780.



WHO : Tiada bukti virus COVID-19 berasal dari Wuhan



BEIJING, 5 Feb. - Pasukan pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sangsi terhadap khabar angin mengenai Institut Virologi Wuhan (WIV) dikatakan sebagai tempat asal usul virus COVID-19.

Sebaliknya, pasukan tersebut yakin dengan tahap keselamatan di kawasan itu dan memberikan penilaian yang positif terhadap cara pengurusan serta pengendalian makmal di institut berkenaan.

Pasukan pakar WHO berada di China bagi menyiasat asal-usul pandemik COVID-19 dan telah melawat WIV serta makmal

institus tersebut di Wuhan, wilayah Hubei pada 3 Febuari (Rabu).

Pakar epidemiologi Institut Pasteur St. Petersburg Rusia, Dr. Vladimir Dedkov mendapati makmal berkenaan dilengkapi pelbagai kemudahan berpiawaian tinggi dan sangsi bagaimana virus boleh disebarkan dari kawasan tersebut.

Seorang lagi pakar, Peter Daszak, yang telah mengumpul pelbagai maklumat mengenai makmal itu mengesahkan banyak pencapaian sains dan penyelidikan berjaya dihasilkan di makmal tersebut.

Mengulas mengenai Pasar Basah Huanan pula, Dr. Vladimir Dedkov mengesahkan tiada bukti menunjukkan penularan wabak berpunca daripada pasar itu.

Dalam perkembangan lain, jurucakap Kementerian Luar China, Wang Wenbin pada sidang media pada hari yang sama turut memaklumkan bahawa perbincangan antara pasukan pakar WHO dengan petugas China telah membuahkan hasil.

Tambah Wang, kerja-kerja menyiasat oleh pakar-pakar tersebut ke kawasan hospital, pasar dan Pusat Kawalan dan

Pencegahan Penyakit (CDC) Wuhan serta tempat-tempat lain berjalan lancar. Tegasnya, China akan

meneruskan kerjasama dengan WHO secara terbuka, telus dan bertanggungjawab. ©BERNAMA

Tragedi empangan runtuh, gergasi perlombongan Brazil setuju bayar pampasan US\$7 bilion

RIO DE JANEIRO, 5 Feb. - Kerajaan negeri Minas Gerais di tenggara Brazil dan gergasi perlombongan Vale pada Khamis menandatangani perjanjian untuk membayar ganti rugi hampir US\$7 bilion susulan bencana empangan pada 2019 yang mengorbankan ratusan nyawa selain menyebabkan pencemaran di wilayah itu, lapor Agensi Berita Xinhua.

Kerajaan Minas Gerais menyifatkan perjanjian itu sebagai pampasan terbesar pernah berlaku di Amerika Latin. Empangan syarikat berkenaan di bandar

Brumadinho runtuh pada 25 Januari 2019 menyebabkan lumpur beracun menimbus banyak rumah dan meragut sekurang-kurangnya 272 nyawa.

"Vale bertekad untuk memperbaiki sepenuhnya dan mengimbangi kemusnahan akibat tragedi Brumadinho dan menyumbang, meningkatkan, kepada penambahbaikan dan pembangunan masyarakat di lokasi kami beroperasi," kata Ketua Pegawai Eksekutif Vale, Eduardo Bartolomeo.

Perjanjian itu akan membayar kerja-kerja awam yang akan

menghasilkan 360,000 pekerjaan "dalam beberapa bulan dan tahun akan datang," kata Gabenor Minas Gerais Romeu Zema.

Menurut perjanjian itu, 30 peratus dana akan disalurkan ke Brumadinho dan penduduknya melalui program pemindahan wang untuk penduduk kawasan terjejas.

Kira-kira US\$870 juta akan diperuntukkan bagi pemulihan lembangan Sungai Paraopeba, dan US\$1.2 bilion untuk membayar ganti rugi kerosakan sosio-alam sekitar. - ©BERNAMA

AS bakal tambah had kemasukan pelarian

WASHINGTON, 5 Feb. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden pada Khamis berkata akan meningkatkan segera had kemasukan pelarian ke negara itu selepas presiden sebelumnya berusaha untuk menurunkan angka tersebut.

Ketika mengumumkan perintah eksekutifnya, Biden berkata masyarakat antarabangsa berhadapan cabaran apabila lebih 80 juta orang kini terpaksa melarikan diri di seluruh dunia dan AS mesti menghadapi cabaran itu serta mengembalikan "moralnya mengenai isu-isu pelarian", lapor Agensi Anadolu.

"Kami menyalakan lampu kebebasan kepada golongan

tertindas, menawarkan tempat perlindungan kepada mereka yang melarikan diri dari keganasan atau penganiayaan, dan tindakan kami mendorong negara-negara lain untuk membuka pintu mereka juga.

"Jadi hari ini saya meluluskan perintah eksekutif untuk memulakan usaha memulihkan program kemasukan pelarian kami untuk membantu memenuhi keperluan global," kata Biden di Jabatan Negara.

AS selama beberapa dekad telah memimpin dunia dalam penempatan semula pelarian sehinggalah bekas Presiden Donald Trump memegang jawatan itu pada 2017 dan menggunakan

pendekatan keras untuk semua bentuk imigrasi. Beliau menyekat 110,000 permohonan suaka dan hanya membenarkan kemasukan maksimum 15,000 orang pada tahun akhir pentadbirannya.

Menurut laporan itu, Biden menjanjikan had 125,000 kemasukan pelarian, meskipun had ditetapkan Trump masih berkuat kuasa sepanjang tahun fiskal dan berakhir pada September.

Biden telah mengarahkan Jabatan Negara untuk berunding dengan ahli parlimen berhubung perkara itu untuk membolehkan ia dilaksana sebelum tahun fiskal 2022 bermula Oktober. - ©BERNAMA

Trump tidak akan beri keterangan : Pasukan peguam

WASHINGTON, 5 Feb. - Pasukan peguam bekas Presiden Donald Trump pada Khamis menolak permintaan untuk anak guamnya memberi keterangan pada perbicaraan pendakwaan oleh Senat.

Pengurus pendakwaan utama Jamie Raskin mengirim surat kepada peguam Trump yang meminta beliau memberi keterangan sebelum atau semasa perbicaraan minggu depan, menurut Agensi Anadolu.

"Kami mencadangkan anda memberikan keterangan (termasuk

pemeriksaan balas) seawal Isnin, 8 Februari 2021, dan selewat-lewatnya pada Khamis, 11 Februari 2021.

"Kami akan mengatur sesi tersebut mengikut waktu dan tempat yang sesuai dan dipersetujui," tulis Raskin dalam surat itu.

Permohonan itu ditolak Peguam Bruce Castor dan David Schoen.

Menurut mereka Raskin tidak dapat membuktikan tuduhan terhadap bekas presiden itu dan Trump "kini warganegara bebas." Jason Miller, penasihat kanan

Trump, juga memberitahu Domenico Montanaro dari Radio Awam Nasional bahawa Trump tidak akan memberi keterangan dalam perbicaraan itu.

"Presiden itu tidak akan memberi keterangan dalam proses yang tidak berperlembagaan," katanya.

Trump menghadapi tuduhan menghasut rusuhan 6 Jan di Capitol Hill yang menyebabkan lima kematian.

Beliau satu-satunya presiden dalam sejarah Amerika Syarikat yang didakwa sebanyak dua kali. - ©BERNAMA

COVAX lancar penghantaran bekalan vaksin ke negara miskin

GENEVA, 4 Feb. - COVAX dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Rabu melancarkan program pertamanya untuk mengedarkan vaksin COVID-19 ke negara-negara membangun, lapor Agensi Anadolu.

Menurut program itu, menjelang pertengahan tahun, 3.3 peratus daripada 145 negara peserta akan mendapat dos tersebut.

"Edaran pertama merangkumi 240 juta dos vaksin AstraZeneca Oxford yang dilesenkan kepada Serum Institute of India," kata Ketua Pegawai Eksekutif Gavi, Sethy Berkley.

"Ia juga merangkumi 96 juta dos vaksin sama yang dijamin berdasarkan perjanjian pembelian hadapan yang ditandatangani antara GAVI dan AstraZeneca pada Disember.

"Ini juga termasuk 1.2 juta suntikan vaksin Pfizer-BioNTech COVID-19," kata Berkley.

Pengumuman dibuat oleh rakan kongsi COVAX pada sidang media maya.

"Ini sangat hebat. Kita boleh memulakan pemvaksinan untuk minggu-minggu akan datang," lapor Agensi Anadolu memetik penyelar Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk program imunisasi, Ann Lindstrand.

Menurut Gavi untuk peringkat awal 337.2 juta dos akan diedarkan selewat-lewatnya akhir Februari.

Jumlah terbesar akan dihantar ke India (97.2 juta), diikuti Pakistan (17.2 juta), Nigeria (16 juta), Indonesia (13.7 juta), Bangladesh (12.8 juta), Brazil (10.6 juta), Kenya (4.2 juta), Sudan (3.4 juta) Yaman (2.3 juta) dan Syria (1.02 juta).

COVAX ditubuhkan bertujuan untuk memastikan pengedaran vaksin secara adil kepada negara-negara dan penduduk yang memerlukan. - ©BERNAMA

Biden kaji semula kedudukan pertahanan global AS

WASHINGTON, 5 Feb. - Presiden Joe Biden pada Khamis berkata Amerika Syarikat (AS) akan mengkaji semula kedudukan pertahanan globalnya, satu langkah yang boleh mempengaruhi jumlah tentera yang ditempatkan di luar negara, termasuk di Korea Selatan, lapor Agensi Berita Yonhap.

"Hari ini, saya mengumumkan langkah tambahan untuk memperbetulkan dasar luar kita dan menyatukan nilai demokratik dengan kepimpinan diplomatik.

"Sebagai permulaan, Setiausaha Pertahanan Austin akan memimpin kajian kedudukan global terhadap kekuatan kita, supaya tindakan ketenteraan kita sesuai dengan dasar luar dan keutamaan keselamatan negara," kata Biden dalam ucaptamanya mengenai keselamatan negara dan dasar luar.

Tambah beliau rancangan penempatan semula tentera AS di Jerman akan dibekukan semasa tempoh semakan semula.

Ia menandakan penamatan dasar pemerintahan Donald Trump yang sering menggunakan penempatan semula atau penguduran tentera untuk menekan sekutu AS supaya menawarkan lebih banyak perbelanjaan untuk pertahanan bersama.

Trump juga mengugut menarik balik tentera AS dari Korea Selatan di tengah rundingan perkongsian perbelanjaan ketenteraan yang tertangguh untuk menempatkan sekitar 28,500 askar di Semenanjung Korea.

Seoul dan Washington masih belum menyambung rundingan perkongsian beban sejak Biden memegang jawatan pada 20 Januari. Bagaimanapun, setiausaha pertahanan baharu, Lloyd Austin, sebelum ini dilaporkan merancang untuk menyelesaikan rundingan dengan Seoul secepat mungkin.

Biden mengulangi pentingnya pakatan itu. "Melabur dalam diplomasi bukan hanya ia perkara yang betul untuk dunia. Kita melakukannya supaya dapat hidup dalam kedamaian, keamanan dan kemakmuran. Kita melakukannya demi keselamatan negara.

"(Ketika) kita memperkukuh pakatan kita, kita sebenarnya sedang memperkuatkan kuasa serta kemampuan kita untuk menghalang ancaman sebelum mereka menggugat negara kita.

"Diplomasi adalah 'nadi kepada semua yang ingin saya lakukan. Anda adalah nadinya," katanya berucap di hadapan diplomat AS sempena lawatan pertamanya ke Jabatan Negara sejak memegang jawatan pada 20 Januari. Biden berkata memimpin dengan diplomasi bermaksud bekerjasama dengan rakan dan musuh.

"Sekutu Amerika adalah aset terbesar kita, dan memimpin dengan diplomasi bermaksud kembali berdiri bersama-sama dengan sekutu dan rakan kongsi kita. Memimpin dengan cara diplomasi juga bermaksud melibatkan musuh dan pesaing kita secara diplomatik," katanya.

"Kita akan bersaing dari posisi yang kuat, dengan membangunkan kembali tanah air, bekerja dengan sekutu dan rakan kongsi, memperbaharui peranan kita dalam institusi antarabangsa dan mengembalikan kredibiliti dan kewibawaan moral kita, yang sebahagian besar telah hilang," tambah beliau. - ©BERNAMA



Warga Malaysia antara lebih 6,000 individu terima regimen penuh vaksin COVID-19 di Singapura

SINGAPURA, 4 Feb. - Sejumlah rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura merupakan antara lebih 6,000 individu yang telah mendapat suntikan kedua vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech di sini, sekali gus melengkapkan regimen penuh vaksinasi itu.

"Alhamdulillah dan rasa sangat lega," luah Imra Astata Ibrahim

kepada Bernama ketika ditemui baru-baru ini selepas menerima suntikan vaksin kali keduanya di sebuah poliklinik di Pioneer di sini.

Beliau dan rakan senegara yang bekerja dalam sektor marin, antara sektor yang diberi keutamaan untuk vaksinasi, menerima suntikan pertama secara berperingkat sejak awal Januari lepas.

Imra Astata, 40, yang tidak teragak-agak menerima vaksin itu apabila ditawarkan oleh majikannya menzahirkan rasa syukur kerana tidak perlu menunggu lama untuk menerima vaksin.

"Kini saya lebih bersedia menjalankan tugas seharian yang perlu berada di barisan hadapan," kata anak kelahiran Johor itu.

Beliau hanya kembali ke Singapura untuk bekerja pada 24 Sept 2020, selepas enam bulan langkah-langkah memperketatkan pergerakan antara kedua-dua sempadan negara diperkenalkan pada Mac tahun lepas, bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

"Mudah-mudahan vaksin ini berkesan dan harap keadaan pulih seperti sedia kala," kata bapa kepada tiga cahaya mata yang sentiasa meletakkan harapan dapat berulang-alik semula ke Johor seperti sebelum ini.

Menurut kenyataan Kementerian Kesihatan Singapura,

sehingga 2 Feb lebih 175,000 individu telah menerima dos pertama vaksin Pfizer-BioNTech di sini dan kira-kira 6,000 daripada mereka juga telah menerima dos kedua.

Dalam masa dua minggu, kementerian itu memaklumkan mereka akan dilindungi sepenuhnya daripada COVID-19.

Vaksin Pfizer-BioNTech adalah vaksin COVID-19 pertama yang digunakan di Singapura dengan penghantaran pertama tiba pada 21 Dis lepas, sekali gus program vaksinasi dimulakan pada 30 Dis.

Sebagai nasihat kepada yang masih sangsi dengan vaksinasi COVID-19 ini, Imra Astata berkata: "Pastinya setiap kerajaan akan jalankan ujian klinikal. Jangan risau kesan sampingan juga sangat minimum."

"Kepada yang belum ambil (vaksin) jika ada peluang, ambillah," katanya yang turut menolak tanggapan bahawa penerima awal suntikan seolah-olah menjadi 'tikus

makmal'.

Beliau turut berkongsi hanya mengalami sengal dan sedikit kebas di tempat suntikan pada tiga hari terawal selepas suntikan pertama dan kembali normal untuk menerima suntikan kedua selepas 21 hari.

"Suntikan tidak menyakitkan...ia seperti mengambil suntikan vaksin BCG (Bacille Calmette-Guerin) ketika zaman sekolah," katanya sebelum beredar menaiki motosikalnya untuk kembali bertugas.

Walaupun ia dilakukan secara sukarela, Singapura telah memperuntukkan kepada semua rakyatnya dan penduduk jangka panjang di negara itu untuk menerima vaksin sebelum akhir 2021 secara percuma.

Singapura pada 3 Feb lepas juga telah memberi kelulusan sementara bagi vaksin COVID-19 keluaran Moderna, sebagai vaksin kedua digunakan di negara itu yang dijangka tiba pada Mac 2021. - ©BERNAMA

Sistem ujian COVID-19 Rusia berupaya kesan varian baharu

MOSCOW, 4 Feb - Syarikat Sistema-BioTech Rusia pada Isnin mengesahkan sistem ujian pengesanan yang dibangunkan sebelum ini turut berupaya mengesan varian baharu virus COVID-19 termasuk yang dilaporkan di Britain.

"Penyelidikan yang kami jalankan mengesahkan kemungkinan untuk mengesan varian yang sudah bermutasi termasuk yang berasal dari Britain dan yang lain, menggunakan sistem ujian yang dibangunkan Sistema-BioTech," lapor Agensi Berita Rusia (TASS) memetik syarikat itu.

Sistem ujian itu boleh mengesan gen proteinase 3CL, yang merupakan gen paling mungkin bermutasi.

"Varian baharu COVID-19 yang dikesan di Britain mempunyai gen tidak berubah walaupun terdapat 23 mutasi terkumpul pada gen lain. Oleh itu, ujian PCR Sistema-Biotech dapat mengesan jangkitan dengan berkesan walaupun terdapat mutasi," kata syarikat itu.

Menurut syarikat berkenaan, pakarnya telah menjalankan penyelidikan ke atas spektrum virus yang berkaitan, termasuk agen penyebab pneumonia atipik 2003.

Varian baharu yang mula dikesan di United Kingdom pada 14 Disember 2020, dipercayai 70 peratus lebih cepat merebak. - ©BERNAMA

Mahkamah Tinggi PBB miliki bidang kuasa putus kes sekatan AS terhadap Iran

ANKARA, 4 Feb - Mahkamah Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Rabu berkata ia mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan permohonan Iran bagi membatalkan sekatan Amerika Syarikat (AS) yang dikenakan semasa pemerintahan bekas Presiden Donald Trump.

"Mahkamah mendapati bahawa ia memiliki bidang kuasa - Perjanjian Damai, Hubungan Ekonomi dan Hak Konsular 1955 - untuk memenuhi tuntutan dikemukakan Iran pada 16 Julai 2018 dan tuntutan itu boleh diterima," lapor Agensi Anadolu memetik kenyataan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Iran tiga tahun lalu memohon ICJ mengeluarkan perintah supaya AS menarik balik sekatan terhadap Tehran.

Tuntutan itu mempertikaikan keputusan pentadbiran Trump yang didapati melanggar Perjanjian Damai 1955 antara Tehran dan Washington.

Namun, Washington menegaskan ICJ tidak mempunyai bidang kuasa dalam memutuskan AS untuk membatalkan sekatan.

Keputusan akhir oleh mahkamah mengenai konflik itu boleh mengambil masa berbulan-bulan atau bertahun-tahun.

Menteri Luar Iran Javad Zarif menyambut baik keputusan ICJ dan menyifatkan ia "satu lagi kemenangan sah bagi Iran."

"ICJ baru saja menolak semua bantahan awal AS dalam kes yang dikemukakan Iran terhadap sekatan AS yang tidak sah," tweet Zarif, mendesak "AS untuk memenuhi kewajiban antarabangsanya."

Pentadbiran Trump mengenakan semula sekatan ekonomi dan menarik diri daripada Pelan Tindakan Komprehensif Bersama 2015 (JCPOA), atau dikenali perjanjian nuklear Iran, yang disepakati lima anggota tetap Majlis Keselamatan PBB serta Jerman dan Iran.

Kesepakatan itu menyaksikan Tehran perlu mematuhi had dan pemeriksaan terhadap program nuklearnya sebagai pertukaran untuk penamatan sekatan bernilai berbilion dolar. - ©BERNAMA

Muhyiddin akan adakan pertemuan empat mata dengan Jokowi

JAKARTA, 5 Feb. - Acara kemuncak lawatan rasmi Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Indonesia hari ini adalah mesyuarat empat mata antara Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia Joko Widodo.

Mesyuarat secara bersemuka itu akan berlangsung di Istana Merdeka, di sini.

Muhyiddin dijadualkan tiba di istana berkenaan pada pukul 10.30 pagi (11.30 pagi waktu Malaysia) dan akan diberikan sambutan negara sebelum kedua-dua pemimpin meneruskan dengan acara mesyuarat.

Mesyuarat akan berlangsung dengan mematuhi prosedur operasi standard pencegahan COVID-19

yang ketat.

Seorang diplomat Malaysia di Indonesia, berkongsi dengan media baru-baru ini mengenai pentingnya pertemuan antara kedua-dua pemimpin itu.

"Terdapat beberapa perkara yang menyentuh kepentingan kedua-dua negara yang memerlukan perbincangan peringkat tertinggi, perbincangan secara bersemuka dan dari hati ke hati," kata Duta Besar Malaysia untuk Indonesia Datuk Zainal Abidin Bakar.

Kemudiannya, kedua-dua pemimpin berkenaan akan mengadakan sidang media bersama sebelum menunaikan Solat Jumaat di Masjid

Baiturrahim di kompleks istana.

Presiden yang terkenal dengan panggilan Jokowi itu akan menjadi hos acara jamuan makan tengah hari rasmi sempena lawatan perdana menteri bersama rombongan kecilnya di istana presiden lain, iaitu Istana Negara di sini, dengan pematuhan SOP yang ketat.

Muhyiddin yang tiba di sini pada pukul 4.30 petang Khamis akan menamatkan lawatan rasminya dalam tempoh kurang 24 jam.

Lawatan diadakan atas undangan Presiden Indonesia dan ini adalah lawatan rasmi pertama Muhyiddin sejak menjawat jawatan Perdana Menteri pada Mac tahun lepas. - ©BERNAMA

Vietnam Airlines rugi 11 Trilion VND

HANOI, 3 Feb. - Vietnam Airlines kerugian 11,098 bilion VND (lebih US\$481 juta) pada 2020 berikutan kesan pandemik COVID-19, menurut laporan kewangan terbaharunya.

Pada suku terakhir 2020 pendapatan bersihnya mencapai 8,202 juta VND, hanya satu pertiga daripada jumlah pendapatan suku keempat 2019. Keuntungan sebelum cukai adalah negatif 377 juta VND berbanding 97 bilion pada tempoh sama tahun lalu, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Syarikat penerbangan negara memperoleh hampir 40,613 bilion VND dalam pendapatan bersih

pada 2020, merosot 59 peratus tahun ke tahun.

Kerugian ini, bagaimanapun, lebih rendah berbanding anggaran 14,445 bilion VND yang diumumkan pemimpinnya dalam mesyuarat khas pemegang saham pada 29 Januari 2020. Sehingga akhir Disember, jumlah asetnya bernilai 62,967 bilion VND, turun 17.6 peratus sejak awal tahun ini.

Dalam usaha menyokong syarikat penerbangan tersebut di tengah pandemik ini, Majlis Negara mengguna pakai pakej sokongan 12 trilion VND pada November.

Angka menunjukkan Vietnam Airlines mengendalikan sekitar 96,500 penerbangan tahun lalu,

susut 48 peratus tahun ke tahun disebabkan COVID-19, yang menerbitkan 14.23 juta penumpang dan 195,000 tan metrik kargo, masing-masing menurun sebanyak 51 peratus dan 47 peratus.

Syarikat penerbangan itu mengatakan akan menumpukan kepada pemulihan perniagaan dan operasi pada tempoh 2021-2025, sambil melancarkan rancangan penyusunan semula untuk meningkatkan kecekapan operasi.

Ia juga akan melepaskan sebahagian atau seluruh pelaburannya dalam perniagaan tertentu dalam bidang pengangkutan penerbangan. - ©BERNAMA

China tingkatkan perlindungan tanah lembab

BEIJING, 3 Feb. - Sempena Hari Tanah Lembap Sedunia ke-25 yang disambut pada Selasa, pejabat pelaksanaan Konvensyen Ramsar China mengeluarkan kertas putih mengenai usaha perlindungan tanah lembap di negara ini.

Ramsar merujuk kepada konvensyen mengenai tanah lembap yang berkepentingan antarabangsa, terutamanya sebagai habitat unggas air.

Menurut kertas putih itu, jumlah

tanah lembap dicatatkan di tanah besar China adalah sebanyak 56 di 21 tempat termasuk daerah, wilayah autonomi dan bandar di bawah pentadbiran langsung kerajaan pusat.

Kertas putih berkenaan turut memaklumkan bahawa kesemua kawasan seluas 3.387 juta hektar atau 48.76 peratus daripada jumlah keseluruhan di dunia mempunyai kepentingan di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, pada 20 Januari

lalu, draf undang-undang perlindungan tanah lembap China julung kalinya diserahkan kepada Jawatankuasa Tetap Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) China untuk dibahaskan bertujuan menjamin sistem perundangan terhadap perlindungan tanah lembap di negara ini.

Dalam perkembangan lain, Setiausaha Agung Sekretariat Konvensyen Ramsar Martha Rojas Urrego, turut mengiktiraf usaha melindungi tanah lembap di

China.

Menurutnya, kerajaan China aktif melaksanakan Konvensyen Ramsar sejak menganggotai konvensyen tersebut pada 1992 dan bukan sahaja menetapkan lokasi tanah lembap yang berkepentingan antarabangsa, bahkan berperanan sebagai peneraju usaha pembinaan bandar tanah lembap antarabangsa.

Menurut Rancangan Lima Tahun ke-14 pembangunan sosioekonomi China, sistem

ekologi akan terus diperbaiki, sementara perlindungan persekitaran sungai dan tanah lembap akan dipertingkatkan.

Tema sambutan tahun ini, "Tanah Lembap dan Air" dipilih bertujuan memupuk kesedaran peri pentingnya peranan tanah lembap untuk mengekalkan jumlah simpanan dan kualiti air tawar global, serta menggalakkan orang ramai berusaha bersama memelihara dan memulihara tanah lembap. - ©BERNAMA

Palestin mulakan kempen vaksin COVID-19



RAMALLAH, 3 Feb. - Palestin pada Selasa memulakan kempen vaksinasi COVID-19 dimulakan dengan petugas perubatan, lapor Agensi Anadolu memetik Kementerian Kesihatan.

Pekerja itu termasuk yang bertugas di nit rawatan rapi (ICU) di pusat perubatan dan hospital merawat pesakit COVID-19.

Menteri Kesihatan Mai Al-Kaila

divaksin di Hospital Hugo Chavez di Ramallah, sementara kakitangan ICU diberikan vaksin Moderna, menurut Kementerian.

Kementerian itu menambah kategori kedua adalah rakyat Palestin berusia lebih 60 tahun dan menghidap penyakit kronik.

"Kempen ini menggunakan vaksin Sputnik V Rusia, kerana 5,000 dos akan tiba di Palestin

dalam beberapa hari, selain 37,000 dos di bawah inisiatif COVAX," kata al-Kaila.

COVAX adalah inisiatif Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk memastikan agihan vaksin yang adil dan tersedia buat negara-negara miskin serta berpendapatan sederhana yang tidak memiliki kemampuan menandatangani perjanjian dua

hala bagi pra-pembelian vaksin.

"Kerajaan Palestin telah membeli vaksin AstraZeneca Britain, dan dijangka tiba dalam masa terdekat.

"Kempen ini akan diteruskan sehingga kita berjaya memvaksin 3.2 juta penduduk, dan ia akan

mengambil masa beberapa bulan," kata menteri itu.

Setakat Selasa malam, jumlah kes COVID-19 di Palestin berjumlah 180,018, termasuk 2,032 kematian dan 169,191 pemulihan, merangkumi Tebing Barat, Semenanjung Gaza dan Baitulmaqdis Timur. - ©BERNAMA

Biden tandatangan tiga lagi perintah eksekutif berkaitan imigresen

WASHINGTON, 3 Feb. - Presiden Joe Biden pada Selasa menandatangani tiga lagi perintah eksekutif bertujuan menyemak semula langkah yang dilaksanakan bekas Presiden Donald Trump, kali ini tumpuan utama diberikan kepada isu imigresen.

Menurut laporan Agensi Anadolu, perintah eksekutif Biden itu mengandungi pelbagai pendekatan termasuk mewujudkan pasukan petugas antara agensi untuk menyatukan kembali

anak-anak yang dipisahkan secara paksa daripada ibu bapa mereka, semakan menyeluruh mengenai punca kemasukan imigran ke Amerika Syarikat serta halangan mengenai tuntutan suaka.

Lebih 600 kanak-kanak terpaksa berjauhan dengan ibu bapa mereka di bawah dasar "toleransi sifar" Trump, menurut beberapa laporan.

Trump mengambil pendekatan keras terhadap imigran selama empat tahun memegang

jawatan.

Perintah eksekutif terbaru itu menjadikan setakat ini Biden sudah mengeluarkan sembilan arahan berkaitan imigresen.

Biden dilaporkan berkata Trump mengeluarkan perintah eksekutif yang sangat tidak produktif untuk keamanan dan negara.

"Saya berusaha untuk membangunkan semula reputasi kita sebagai tempat yang selamat untuk orang yang memerlukan," katanya. - ©BERNAMA

1,000 muflis di Jepun, industri restoran paling teruk terjejas

TOKYO, 3 Feb. - Industri restoran di Jepun antara paling teruk terjejas akibat wabak COVID-19 menyaksikan kira-kira 1,000 restoran alami kerugian, lapor Jiji Press.

Menurut data dikeluarkan firma penyelidikan, Tokyo Shoko Research Ltd. sebuah penginapan di wilayah Aichi yang menanggung operasinya sejak Februari tahun lalu, menjadi perniagaan pertama yang gulung tikar.

Pada Jun 104 kes muflis dilaporkan, kemudian pada bulan Julai dan Ogos terdapat penurunan sebelum ia kekal melebihi 100

sejak September.

Kemerosotan industri restoran menyebabkan 46 pemborong makanan dan minuman selain 31 pembuat makanan turut muflis. Sebanyak 62 buah hotel turut mengalami kegagalan.

Sementara itu, data Kementerian Buruh menunjukkan jumlah pekerja industri restoran yang dipecat atau kontraknya tidak diperbaharui melebihi 10,000, di kedudukan kedua selepas industri pembuatan.

Kerajaan berusaha memastikan perniagaan kekal dapat bertahan dan pekerja tidak diberhentikan

melalui pelbagai inisiatif seperti pinjaman tanpa faedah dan cagaran serta subsidi penyesuaian pekerjaan.

"Tetapi mungkin terdapat peningkatan kegagalan dalam kalangan perniagaan kecil terutama yang kehabisan sumber untuk meneruskan perniagaan tanpa ada tanda-tanda pemulihan," kata seorang pegawai di Tokyo Shoko Research.

Banyak perniagaan merungut kerana kerajaan pusat dan negeri dikatakan gagal mengambil langkah pencegahan COVID-19 yang benar-benar berkesan. - ©BERNAMA

Penganjur Olimpik Musim Sejuk Beijing ikrar beri perkhidmatan terbaik

BEIJING, 3 Feb. - Jawatankuasa Penganjur Olimpik Musim Sejuk Beijing berikrar untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pihak penyiar memandangkan mereka kumpulan pelanggan penting bagi temasya sukan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Cai Qi berkata demikian dalam ucapannya pada Persidangan Penaja Penyiaran Sedunia (WBC) 2021 yang diadakan secara maya pada Selasa.

Beliau yang juga Pengerusi Suruhanjaya Parti Komunis China Beijing itu turut menjelaskan bahawa WBC merupakan wahana penting bagi jawatankuasa

penganjur mengadakan interaksi dengan penaja penyiaran.

Justeru katanya, sidang itu memberikan ruang bertukar-tukar pandangan dengan pelbagai pihak untuk memastikan perkhidmatan yang lebih komprehensif dan cekap.

Menjelang setahun sebelum perasmian kejohanan itu, Cai berkata kerjasama rapat akan dijalankan dengan pelbagai pihak termasuk penaja penyiaran untuk berusaha bersama-sama menjayakan temasya tersebut, di samping membawa harapan mengatasi wabak COVID-19 kepada seluruh dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif Olympic Broadcasting Services

(OBS), Yiannis Exarchos pula berkata, pembinaan gimnasium dan gelanggang acara sedang berjalan lancar, sementara pelbagai kerja lain turut dilaksanakan mengikut jadual.

Sehubungan itu, beliau yakin Olimpik Musim Sejuk 2022 dapat dianjurkan dengan jayanya di Beijing.

Persidangan penaja kali ini, menyaksikan pegawai-pegawai berkaitan dari Jawatankuasa Penganjur Sukan Olimpik Musim Sejuk Beijing dan OBS mengadakan interaksi secara terperinci mengenai pembinaan infrastruktur, operasi media dan perkhidmatan penaja penyiaran. - ©BERNAMA

COVID-19 : Riyadh sekat kemasukan pelawat dari 20 negara

RIYADH, 3 Feb. - Arab Saudi pada Selasa menyekat kemasukan pelawat dari 20 negara sebagai langkah pencegahan membendung penularan COVID-19, lapor Agensi Anadolu.

Warga Arab Saudi, diplomat, petugas kesihatan dan keluarga mereka bagaimanapun, dikecualikan, menurut Agensi berita Arab Saudi memetik sumber Kementerian Dalam Negeri.

Keputusan itu dijangka berkuat kuasa mulai 9 malam waktu tempatan pada Rabu.

Negara disenaraikan ialah Argentina, Emiriah Arab Bersatu, Jerman, Amerika Syarikat, Indonesia, Itali, Pakistan, United Kingdom, Turki, Sweden, Perancis, Lebanon, Mesir, India, Jepun, Ireland, Brazil, Portugal, Switzerland dan Afrika Selatan.

Arab Saudi mencatatkan 310 kes baharu COVID-19 dan empat kematian dalam tempoh 24 jam lalu, menjadikan jumlah keseluruhan 368,639 kes dan 6,383 korban. - ©BERNAMA

Pengguna internet China hampir 1 bilion

BEIJING, 3 Feb. - Jumlah pengguna internet China mencecah 989 juta pada akhir tahun lalu, meningkat 85.4 juta dari Mac 2020, lapor Agensi Berita Xinhua.

Menurut statistik pembangunan internet Pusat Maklumat Rangkaian Internet China dikeluarkan pada Rabu, peratusan kadar ketersediaan internet meningkat 5.9 mata dari Mac kepada 70.4 peratus.

Sebanyak 986 juta rakyat menggunakan telefon bimbit untuk melayari internet, merangkumi 99.7 peratus populasi dalam talian, kata laporan itu.

Kira-kira 309 juta, atau 31.3 peratus populasi dalam talian, tinggal di kawasan luar bandar, meningkat 54.71 juta dari Mac.

Sementara itu, kadar ketersediaan internet di kawasan luar bandar menghampiri 56 peratus, meningkat 9.7 mata peratusan dari Mac. - ©BERNAMA

Uzbekistan, Afghanistan, Pakistan tandatangani pelan strategik laluan kereta api rentas Afghanistan

TASHKENT, 3 Feb. - Delegasi kerajaan Uzbekistan, Pakistan dan Afghanistan menandatangani pelan strategik pembinaan laluan kereta api yang menjadi mercu tanda kerjasama, susulan perbincangan tiga hala di Tashkent, lapor Agensi Berita Xinhua.

Kementerian Pelaburan dan Perdagangan Luar Negeri Uzbekistan dalam satu kenyataan pada Rabu berkata projek Mazar-i-Sharif-Kabul-Peshawar sejauh 600 kilometer (km) akan membolehkan pelabuhan Pakistan dihubungkan dengan sistem kereta api Asia Tengah dan Eurasia.

Ia sekaligus dapat meningkatkan aliran kargo dan menghidupkan kembali sejarah wilayah itu sebagai jambatan yang menghubungkan Eropah dan Asia.

Pelaksanaan projek itu juga akan mewujudkan peluang unik untuk memastikan keamanan dan kestabilan di Afghanistan, merangsang pertumbuhan ekonomi dengan mewujudkan puluhan ribu pekerjaan baharu, katanya.

Sementara itu, delegasi sepakat mengadakan ekspedisi bersama untuk meninjau laluan dan mengkaji keadaan bentuk muka bumi, serta kajian awal kebolehlaksanaan untuk projek tersebut, termasuk aspek kewangan.

Uzbekistan dan Afghanistan tidak memiliki akses terus ke pelabuhan antarabangsa dan pelaksanaan projek kereta api rentas-Afghanistan akan menjimatkan masa dan kos pengangkutan barangan antara negara Asia Selatan dan Asia Tengah, kata para penganalisis. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

PERMAINAN Kikik sudah dijadikan sukan ria yang bertaraf antarabangsa yang pernah diadakan di Taman Mahkota Jubli Emas di ibu negara pada tahun 2019 yang dianjurkan oleh PEKIKIK dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta.



ePaper Pelita Brunei

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Hasan Zayd

Pasukan Captain juara

BERAKAS, Jumaat, 5 Februari. - Pasukan Captain yang berjaya mengumpul empat mata muncul juara pada Kejohanan Badminton Inter Syahkampung Kali Pertama, 2021 yang diadakan baru-baru ini di Gelanggang Badminton, Bangunan Persatuan Fu Zhou Shiyi, Jalan Pasir Berakas.

Naib juara disandang oleh Pasukan 4H setelah meraih tiga kemenangan, manakala Pasukan Wakanda berada tempat ketiga dan memenangi pingat gangsa setelah berjaya meraih dua kemenangan.

Hadir menyaksikan kejohanan akhir berkenaan dan kemudiannya menyempurnakan Majlis Penyampaian Pingat kepada para pemenang ialah Timbalan Presiden Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD), Awang Zaini bin Haji Puasa.

Pada kejohanan tersebut, Abdul Faiz bin Zaini menerima Anugerah Pemain Terbaik. Kejohanan dijalankan menerusi format 'Beregu - Perseorangan - Beregu', secara pusing keliling iaitu setiap pasukan bertemu antara satu dengan yang lain sekali sahaja.

Antara lain tujuan kejohanan diadakan adalah bagi memastikan para pemain Syahkampung kekal aktif dan berdaya saing dalam suasana kompetitif sementara kejohanan futsal dan bola sepak masih belum dapat dianjurkan di negara ini.

Syahkampung yang telah berkecimpung dalam sukan futsal selama 20 tahun itu turut merancang untuk menganjurkan kejohanan sukan selain futsal dalam masa terdekat ini seperti pingpong dan olahraga.



PARA pemenang Kejohanan Badminton Inter Syahkampung Kali Pertama bergambar ramai bersama Timbalan Presiden Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD), Awang Zaini bin Haji Puasa yang juga hadir bagi menyampaikan pingat-pingat kemenangan pada kejohanan tersebut.

Pendaftaran 24KM Beach Run dibukakan hingga 18 Februari

TUTONG, Rabu, 3 Februari. - Bagi menyahut cabaran Program Happy Environment And Lifestyle (HEAL), Kementerian Kesihatan, Tutong Runners bersama GMSS Cycle & Fitness Studio akan menganjurkan 24KM Beach Run, yang turut mendapat sokongan daripada Pusat Promosi Kesihatan dan

Gleneagles Jerudong Park Medical Center (GJPMC) Sdn. Bhd.

Acara 24KM Beach Run itu akan mengambil tempat di Pantai Seri Kenangan, pada Ahad, 14 Mac 2021, bermula 6.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Acara 24KM Beach Run akan dibahagikan pada beberapa

kategori, iaitu bagi Kategori 24km, terdiri daripada Kategori Lelaki & Wanita (Terbuka); dan Kategori Lelaki & Wanita (Veteran - 45 tahun ke atas); dan Kategori 6km Fun Run.

Pendaftaran bagi orang ramai untuk menyertai acara larian tersebut sudah mula dibukakan, bermula 1 Februari hingga 18 Februari 2021 nanti.

Manakala pembayaran yuran

bagi acara tersebut akan bermula, pada 19 Februari hingga 28 Februari 2021.

Antara visi dan misi mereka ialah untuk mendukung visi Kementerian Kesihatan, iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat', selain turut menggalakkan para belia untuk bergiat aktif dalam kegiatan sukan, khususnya dalam sukan larian dan secara tidak langsung turut mempromosikan Pantai Seri Kenangan, yang terletak di daerah berkenaan.

Memandangkan acara larian pantai jarang dibuat di negara ini, maka pihak penganjur

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Tutong Runners, GMSS Cycle & Fitness Studio

menaruh harapan agar acara ini akan mendapat sambutan ramai yang sangat menggalakkan, sama ada penyertaan dari dalam dan luar daerah.

24KM Beach Run turut mewajibkan para peserta untuk mematuhi arahan SOP Kementerian Kesihatan dalam menangani penularan wabak COVID-19, di mana pemeriksaan suhu badan dan mengimbas Kod QR BruHealth akan dibuat di laluan masuk kawasan perlumbaan itu nanti.



Tahukah Awda

JAM Peringatan merupakan sebuah tugu yang diperbuat daripada simen yang sebelah atasnya diletakkan sebuah jam Seiko. Ia terletak di Simpang Jalan Sultan dengan Jalan Elizabeth Kedua iaitu antara bangunan Setiausaha Kerajaan dengan Pejabat Pos Besar, Bandar Seri Begawan. Istiadat peletakan batu asas bagi Jam Peringatan ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agong Malaysia yang pertama, Persekutuan Tanah Melayu, Tuanku Abdul Rahman pada 11 Julai 1959 bersempena lawatan keberangkatan baginda ke Negeri Brunei bermula dari 6 - 12 Julai 1959 yang melambangkan keteguhan dan keamatan perhubungan antara Negeri Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu.

SUMBER : Tempat dan Peristiwa Bersejarah, Pusat Sejarah Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BETULKAN NIAT, LAKUKAN SETIAP PEKERJAAN DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam